

LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA MESYUARAT PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

Tarikh : 7 Mei 2012 (Isnin)
Jam : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, Pulau Pinang

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain	Speaker
2	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3	Y.B. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4	Y.B. Dato' Faiza Binti Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5	Y.B. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
6	Y.B. Dato' Mansor Bin Haji Othman	Timbalan Ketua Menteri I/ Penanti
7	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
10	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
13	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
14	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
15	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
16	Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/ Machang Bubuk

Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Doa.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, saya tengok ada notis di atas susunan aturan mesyuarat ini yang mengatakan perbahasan ucapan terima kasih kepada T.Y.T., Y.B. Dato' Speaker telah ditetapkan Permatang Pasir, Kebun Bunga, Komtar, Pulau Tikus, Jawi tak ada satupun sebelah sini? Adakah ini satu peraturan baru atau boleh mengikut konvensyen baru dan sebagainya. Terima kasih Dato' Speaker ini hak Dato' Speaker saya cuma tanya.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih Seberang Jaya, ini adalah kesilapan sepatutnya tidak ada peraturan ini, dia siapa bangun terlebih dahulu orang itu yang akan diminta untuk bahas. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Macam mana boleh terkeluar begini.

Y.B. Dato' Speaker:

Ini silap pandang saya. Ini Seberang Jaya sedia maklum, jadi kita tak ada aturan siapa dan sebagainya. Tak apa siapa dan sebagainya. Terima kasih dari Seberang Jaya kerana *alert* kan saya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kita tak ikut yang ini?

Y.B. Dato' Speaker:

Bagan Dalam silakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya nak bangkitkan Peraturan Mesyuarat Peraturan 46 (xiii) tatkala bercakap mengenai sebarang hal yang ada dalam pertimbangan Dewan ataupun Jawatankuasa seluruh Dewan maka peraturan-peraturan yang berikut hendaklah diikuti iaitu:

Seseorang Ahli itu jangan menuduh seorang Ahli yang lain mempunyai niat baik atau tidak baik. Saya merujuk kepada ucapan yang daripada Yang Berhormat Pulau Betong di mana ini adalah draf hansard yang telah dinyatakan dilaporkan dalam Surat Khabar The Star dengan meluas bahawa dalam satu temu ramah yang saya buat dengan BFN Business FN di Kuala Lumpur, beliau telah menuduh saya mengeluarkan kalimah "*we don't care*". Saya bukan seorang Islam. Kalau kalimah adalah berkaitan dengan Islam. Tak tahu macam mana dia boleh cakap, saya gunakan kalimah "*we don't care*". Mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat lain boleh nasihatkan beliau jangan gunakan perkataan kalimah dengan sewenang-wenangnya, biasanya ia digunakan berkaitan dengan Islam. Ini yang pertama.

Kedua saya rasa nak bangkitkan Yang Berhormat Dato' Speaker ialah saya telah menyemak temu ramah saya dengan BFN dan saya pun telah menanyakan pengacara BFN yang menemuramah saya. Beliau mengesahkan bahawa saya tidak menggunakan istilah "*we don't care*" kerana pada hari itu bila Yang Berhormat Pulau Betong membangkitkan perkara ini dan menyatakan sebagai Ketua Menteri sepatutnya tidak menggunakan istilah "*we don't care*", tetapi bila saya minta Yang Berhormat Pulau Betong menjelaskan konteks mana saya menggunakan dan hanya ingat saya guna "*we don't care*" tak boleh ingat dalam konteks mana. Dalam erti kata lain ada kepala tak ada ekornya.

Merupakan ini memang sekali lagi sesuatu rekaan yang dibuat oleh Y.B. Pulau Betong. Saya ingin meminta Y.B. Dato' Speaker untuk menentukan sama ada istilah ini benar atau tidak dengan harapan bahawa Yang Berhormat daripada Pulau Betong boleh menunjukkan bukti kerana ini adalah satu tuduhan daripada beliau yang mengikut semakan saya dan juga temu ramah dengan pihak pengacara program, bahawa saya tidak menggunakan istilah sedemikian. Kalau ada pun saya hendak tahu, kalau ada saya nak tahu apakah konteks yang digunakan? Kerana beliau sebagai Yang Berhormat dan ini bukan kali pertama beliau buat satu tuduhan liar, melulu dan tidak berasas dan pernah menarik balik beberapa kali tuduhan yang dia buat.

Saya harap perkara ini boleh dikenal pasti supaya kita tahu kesahihan ini kerana beliau membuat satu tuduhan kepada saya sebagai Ketua Menteri ini adalah satu perkara yang tak boleh ditinggalkan. Kalau ada cakap, saya nak tahu apa konteks. Kalau tak ada cakap, tak betul untuk buat tuduhan sedemikian. Bila saya semak balik tak ada, tanya pengacara tak ada.

Saya berharap Yang Berhormat Pulau Betong, boleh memberikan satu penjelasan kepada Dewan ini dan inipun telah dipaparkan dalam The Star bila beliau ...(dengan izin), Dato' Speaker, "*an opposition member has taken Chief*

Minister Mr. Lim Guan Eng to task over an alleged interview, Muhammad Farid BN Pulau Betong play that Lim had said we don't care when the interviewer asked a housing issue in the state". Saya rasa ini memang sesuatu yang tidak timbul langsung berkaitan dengan satu isu rumah saya ada gunakan istilah "*we don't care*" dan mengikut apa yang disebut dalam ucapan beliau kalimah. Kalimah berkaitan dengan Islam, mana boleh sebut tentang perkara-perkara harian. So ini pun tak betul, tapi dengan perkataan istilah "*we don't care*" berkaitan isu perumahan tak wujud langsung. Mengikut semakan saya dan juga pertanyaan kepada pengacara program.

Mungkin saya tak mahu cakap dia memang bohong sekaranglah, tetapi saya harap dia boleh tunjukkan bukti kalau tidak, saya rasa tindakan yang tegas perlu diambil kerana kita tak boleh terima beberapa kali fitnah dan tohmahan kepada saya tetapi juga Y.B. Dato' Speaker, yang saya rasa tidak elok dan wajar dan juga tidak bersopan. Memang tidak bersopan. So di sini saya harap Yang Berhormat Dato' Speaker boleh tentukan kebenaran khususnya bukan sahaja kepada saya tetapi juga kepada Y.B. Dato' Speaker di mana tuduhan Dato' Speaker dalam kerusi tak boleh jawab langsung. Saya rasa itu satu perkara yang sepatutnya berlaku, kalau nak boleh buat pengesahan dengan Dato' Speaker, kalau perlu buatlah kenyataan di luar tetapi bukanlah dalam Dewan bila Speaker mempengerusikan persidangan Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sepatutnya Yang Amat Berhormat tadi, kalau Pulau Betong ada di sini Yang Berhormat bangkitkan, istilah kalau tak betul atau tak betul ke. Ini dia tak ada di sini mungkin dia sekejap lagi dia datang mungkin tak datang kalau dia tak datang hari ini esok mungkin boleh datang. Waktu itu Yang Amat Berhormat boleh berbahas dengan dia. Sekarang ini Yang Berhormat bangun cakap begitu, orang yang menyebut itu tidak ada di sini jadi apa ertinya itu? Kerana dia bukan mengambil cuti tak datang terus. Saya akan pastikan dia datang dan pada masa itulah Yang Amat Berhormat boleh mengemukakan hujah-hujah itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bolehkah saya berikan memberikan ulasan. Saya rasa Yang Berhormat Ketua Pembangkang sungguhpun lima (5) penggal nampaknya tak faham *standing order*, saya juga ingin menyatakan dalam *standing order* bahawa sesuatu perkara yang hendak dikenal pasti mestilah dibawa kepada

perhatian Dato' Speaker pada saat-saat yang paling awal. Itulah sebabnya saya bangun bila mula, supaya minta Dato' Speaker kenal pasti dan bukan, kita minta ambil tindakan ada tapi daripadanya tunjuk bukti, supaya Speaker boleh kenal pasti, kita tak akan jadi macam BN hukum sebelum diberikan peluang untuk mendengar pihak tersebut.

Di sini bagun untuk minta, saya bangun untuk minta bantuan Speaker kita dapat kenal pasti mana bukti dia, itu sahaja, kerana ikut peraturan mungkin Yang Berhormat nak bersara, sebab itu dari segi peraturan kita kena ikut juga so sebaik kita mulakan persidangan saya berikan perhatian kepada Speaker siasat dan Dato' Speaker kenal pasti.

Kalau ada saya rasa ini boleh diterangkan kepada Dewan dan saya rasa ini yang Dato' Speaker tahu apa yang perlu buat bagi memastikan bahawa peraturan mesyuarat ini dapatlah ditegakkan supaya Ahli Yang Berhormat Pulau Betong tidaklah membuat kenyataan yang mempunyai ini niat jahat kerana ia memang tidak ada asas sama sekali.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya pun tak faham daripada Pulau Betong kaitkan pula saya nak bersara la.....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Tak apa Y.B. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau nak kira begitu saya dulu digantung, dikeluarkan daripada Dewan kerana menggunakan perkataan potong, potong, potong. Itupun saya kena, itu istilah budak-budak sekolah rendah pun bertanya. Perkataan potong, potong, salah ka lucah ka, saya kena keluar Dewan.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Penaga sila duduk.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sekarang ini orang yang tak berada di sini, orang yang tak ada di sini, orang yang tak berada di sini, dia tak dengar, jadi dia tak tahu apa kesalahan dia....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Penaga, saya akan buat ketetapan. Sila duduk....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dalam Star pun keluar Yang Amat Berhormat pun kalutlah. Sebab itu saja, bagilah dia peluang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagi peluang.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tak bagi dia.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagi peluang.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya punya *floor* sekarang, duduklah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagi peluang, tapi minta Y.B. Dato' Speaker siasat saja.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dia tidak ada di sini....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat, saya akan membuat ketetapan di sini, saya akan membuat ketetapan kerana perkara ini dibangkitkan mengikut Peraturan 46 (xiii). Ketua Menteri dan saya akan tunggu Yang Berhormat Pulau Betong hadir nanti dan menjawab tentang perkara yang dibangkitkan di bawah Peraturan yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua menteri tadi. Kita akan minta penjelasan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Pulau Betong. Jadi saya akan teruskan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Y.B. Dato' Speaker. Saya ingin rujuk perkara isu yang timbul pada 2hb Mei yang lalu di mana Ahli Sungai Puyu ada menyatakan beberapa perkara yang tidak berasas berkenaan dengan bayaran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang mana, saya dah minta dirujuk kepada hansard dan merujuk kepada muka surat 5 hansard pada ucapan pada 2hb Mei yang lalu, di mana Ahli Sungai Puyu menyatakan saya *quote* “janganlah kata bila dapat bantuan daripada kerajaan anda tidak layan, janganlah bila dapat bantuan daripada kebajikan anda tidak dilayan, janganlah kata seorang yang duduk di sebuah rumah hanya 3 sahaja”. Jadi di sini Ahli Sungai Puyu.

Y.B. Dato' Speaker:

Jadi Yang Berhormat merujuk kepada.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Muka surat 5 hansard pada 2hb Mei.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang ada pada saya, baris ke berapa?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Perenggan pertama tiga baris terakhir.

Y.B. Dato' Speaker:

Janganlah bila dapat bantuan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Ya.

Y.B. Dato' Speaker:

Okey bacakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Jadi saya dah bacakan Ahli Sungai Puyu bermaksud bahawa mereka yang mendapat bantuan kebajikan tidak dilayan bermakna tidak diberi Bantuan Rakyat 1Malaysia dan kita bercakap tentang Bantuan Rakyat 1Malaysia. Di sini ada satu fakta yang tidak betul. Jadi Ahli Sungai Puyu seharusnya memohon maaf. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya. Ketua Menteri saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat dari Telok Ayer Tawar di sini begitu jelas “Janganlah kata, janganlah kata.” Saya kata apabila anda dapat daripada kebajikan *you* tidak dilayan. “Janganlah kata” apakah maksud “janganlah kata”, di sebaliknya Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian Y.B. Dato' Speaker pada muka 10, di 10 di mana Ahli Yang Berhormat dari Telok Ayer Tawar, dia yang *mislead* the Dewan dia yang kata dia kata saya baca ...(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker daripada muka 9.

Y.B. Dato' Speaker:

Muka surat 9 baris ke berapa tu?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ahli Sungai Puyu menggunakan bahasa dan perkataan yang menyentuh dan menimbulkan niat jahat. Dan niat jahat untuk mengelirukan rakyat dan memesongkan fakta, bahawa mereka dapat bantuan kebajikan tidak dapat duit BR1M, “dia yang kata”, saya tidak kata, saya kata “jangan kata”. Apakah maksud “jangan kata”? Nasib semua orang jangan kata begitu. Bahasa jangan kata pun tak faham.

Ahli Kawasan Telok Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

I'm holding the floor. Dan dia ada lagi kata apa, semua itu ada “pilih kasih”, saya langsung kata tidak “pilih kasih”, hanya Barisan Nasional saja yang dapat bantuan, ini adalah satu pembohongan, ianya tidak betul dan hanya harus tarik balik. Y.B. Dato' speaker dalam hansard ini tidak langsung saya sekalipun sebut bahawa hanya orang daripada BN boleh dapat bantuan. Ini pembohong. Ini paham tak. Pembohong. Tidak langsung tertulis.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Cukuplah tu, boleh saya jawab tak.

Y.B. Dato' Speaker:

Bagi Sungai Puyu habis dulu. Duduk....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya *holding the floor*. Dato' Speaker, seorang Peguam, seorang yang lima (5) penggal sebagai ADUN di Dewan yang mulia ini. Di sini Y.B. Dato' Speaker, apakah maksud jangan kata, maksud jangan kata begitu, orang yang dapat daripada kebajikan tidak dapat dilayan. Yang ini pun tak faham, lagi nak jadi *law-maker*, apa ini saya tak faham, *interpretation* ada niat di hati *is your acute that killings you, the truth is helping you*. Faham tak Y.B. Dato' Speaker. Saya minta dia minta maaf dalam Dewan yang mulia, kerana saya tidak ada kata dalam hansard membuktikan bahawa kenyataan yang dibuat Ahli Kawasan Telok Tawar mengatakan “dan semua ini ada pilih kasih, hanya orang Barisan Nasional sahaja yang dapat bantuan”. Ini ada satu pembohongan *liar* dan tidak betul dan ianya harus ditarik balik. Dato' speaker, saya minta dia tarik balik di dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Y.B. Dato' Speaker, Ahli Sungai Puyu memberi *insinuation* ...(dengan izin) kita boleh baca dari apa yang disebut ini. Maksudnya yang tersirat bahawa menyatakan “bantuan orang yang menerima kebajikan tidak diberi pertimbangan untuk mendapat bantuan”. Jadi di sini ada macam-macam cara untuk buat tuduhan, pusingan kata, jangan kata, jangan kata, tetapi sebenarnya menyatakan. Jadi di sini saya maksudkan bahawa Ahli Sungai Puyu ingin mengelirukan rakyat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Jika begini Y.B. Dato' Speaker, saya ada kata jangan. Kalau ada bukti, kami boleh tunjuk bukti. Boleh tunjuk bukti, tetapi yang penting pada Dewan yang mulia di pagi ini Y.B. Dato' Speaker, adalah penting. Nombor 1 apakah yang saya kata. “Jangan kata”, “jangan kata” kalau dia kata kalau Ahli Yang Berhormat dari Telok Ayer kalau kata ini *insinuation* apa yang saya akan kata *is the fault of her mind the conscious in her conscious that she feels in that way* Y.B. Dato' Speaker. Tetapi apa jelasnya kenyataan yang dia buat dan dia tuduh saya buat adalah hanya dia kata “semua ini ada pilih kasih”. Saya langsung tak sentuh pilih kasih di hansard ini tidak tulis.

Di sini kata hanya orang Barisan Nasional saya dapat bantuan ini adalah satu pembohongan, memang ini pembohongan. Pembohongan daripada Y.B. Telok Ayer Tawar, dia harus minta maaf, harus minta maaf di Dewan yang mulia ini dan tarik balik kenyataan ini. Harus tarik balik *"if you have a principle lane in your self"*

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Ya, Y.B. Dato' Speaker semua kita di dalam ini ada *principle* kerana kalau tidak, kita tidak duduk di dalam Dewan ini. Jadi saya ingin nyatakan dalam perenggan ini banyak perkara yang telah dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat Sungai Puyu. Jelas di tengah perenggan. "Yang dapat Dato'-Dato' pun dapat RM3,000.00 dan berbagai-bagailah, yang dinyatakan. Jadi di sini banyak perkara berkenaan dengan syarat-syarat BR1M ini, bantuan Rakyat 1 Malaysia yang tidak difahami sepenuhnya. Walaupun rakyat yang diberi bantuan kebajikan mungkin ditolak permohonannya oleh kerana bertindih, anak mohon, bapa mohon, bapa dapat kebajikan anak masuk nama bapa dalam itu, ada sebab semuanya, kenapa ianya ditolak. Jadi tidak bolehlah kita merangkumi semua menyatakan bahawa sesiapa pun yang dapat BR1M, yang dapat kebajikan tidak diberi pertimbangan, jadi sebenarnya perkara ini seharusnya diberi penerangan dengan lebih lanjut dan tidak diberi tuduhan yang tidak berasas. Jadi Y.B. Dato' Speaker tidak ada sebab kenapa saya patut tarik kerana saya bertindak balas apa yang telah dinyatakan oleh Ahli Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Bee Poh):

Y.B. Dato' Speaker, minta Y.B. Telok Ayer Tawar.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Sungai Puyu dan Telok Ayer Tawar, saya tangguhkan mesyuarat 10 minit. Saya akan datang semula sambung semula mesyuarat dan saya akan buat keputusan tentang perkara ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.30 Pagi.

Dewan disambung semula pada jam 10.45 pagi

Setiausaha:

Yang Berhormat, Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Seperti yang disebutkan tadi saya nak buat keputusan tentang apa yang dibangkitkan di bawah Peraturan 46 (xvii) oleh Y.B. Telok Ayer Tawar yang mengatakan bahawa Y.B. Sungai Puyu menggunakan perbahasan dan perkataan yang menyentuh dan menimbulkan niat jahat untuk mengelirukan rakyat dan memesonkan fakta bahawa mereka mendapat bantuan kebajikan tidak dapat duit BR1M, bahawa Dato'-Dato' dan semua ini ada pilih kasih hanya orang Barisan Nasional saja yang dapat bantuan. Ini adalah satu pembohongan ianya tidak betul dan ianya harus ditarik balik. Ini dibangkitkan oleh Telok Ayer Tawar dan semakan verbatim saya, bagaimanapun Sungai Puyu tidak menyebut sedemikian. Sungai Puyu hanya menyebut Dato'-Dato' sahaja, tidak menyentuh Barisan Nasional seperti mana yang bangkitkan oleh Telok Ayer Tawar. Tidak disebut Barisan Nasional pilih kasih, tidak disebut, jadi saya minta Telok Ayer Tawar tarik balik perkataan ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Y.B. Dato' Speaker, kalau sudah nak diputuskan macam itu terima kasih...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Tak boleh kata nak diputuskan. Ini kita ambil dari verbatim.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Saya akurkan dengan keputusan Y.B. Dato' Speaker, saya tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Tak boleh sebut akur begitu, tak ikhlas.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Saya kata kalau nak diputuskan macam itu terima kasih. Saya akur dengan keputusan Dato' Speaker dan saya tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Ini kita ikut verbatim. Apa yang tersebut di situ, itu yang kita sebut. Jadi kalau kerana kita bangkitkan soal peraturan ia satu pertuduhan yang serius dan tidak ada perkara yang disebutkan seperti yang disebutkan Telok Ayer Tawar dan itulah bila disebut tentang apa perkara tentang peraturan pastikan

ada bukti yang untuk dan apa-apa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sekali pun jangan membuat andaian tanpa bukti dan fakta, ini boleh menimbulkan banyak kekecohan. Dewan bersidang semula, saya nak teruskan dengan perbahasan. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Y.B. Dato' Speaker saya ucap terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahar ucapan T.Y.T. Saya ingin ucap syabas kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan semua Ahli-ahli EXCO atas kebolehan mereka untuk jaga kepentingan semua rakyat Pulau Pinang yang berbilang bangsa dan agama tanpa pinggirkan mana-mana pihak. Walau bagaimanapun orang minoriti di Malaysia sering kali dipinggirkan kadang-kadang bukan sengaja tetapi tidak mengetahui keperluan mereka tidak faham masalah-masalah mereka ada mereka hadapi dan kehendak mereka. Oleh kerana UMNO mengamalkan politik perkauman mereka tidak peduli kepada golongan-golongan yang kecil...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Belum habis lagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Sikit saja, pasal apa UMNO dikatakan perkauman?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Dia mungkin.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya minta Dato' Speaker supaya perkataan macam ini ditarik balik, UMNO perkauman, UMNO tidak pernah perkauman.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Parti perkauman, dia parti perkauman.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tidak. UMNO tidak pernah perkauman, saya ingat tarik balik.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Parti perkauman.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker saya minta tarik balik.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Dia parti perkauman.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Tarikh balik, dia bukan parti perkauman.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Parti perkauman.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

UMNO tidak pernah parti perkauman. Y.B. Dato' Speaker, saya minta dia tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Mungkin Bagan Dalam hendak sebut UMNO mewakili satu kaum, orang lain tidak.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Boleh, boleh saya guna, mungkin mewakili sesuatu kaum saja. UMNO mengamalkan politik di mana mereka mewakili segolongan perkauman sahaja, kaum sahajalah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad):

Saya ingat bukan UMNO saja, saya hendak perbetul sikit. Parti PAS sama. PAS pun mewakili satu kaum saja.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Bukan. PAS mewakili *religion*.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad):

Tak tak, dia *mistaken*, kaum saja, *reporter* gelak. Yang Berhormat *reporter* belakang itu gelak kat Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Mereka tidak peduli kepada golongan-golongan yang kecil mereka menugaskan kepada mandor-mandor mereka untuk jaga tetapi mandor-mandor ini hanya jaga diri sendiri sahaja dan ambil kesempatan untuk mencari kekayaan untuk sendiri. Di Semenanjung Malaysia orang-orang Asli dan kaum India adalah kaum minoriti yang telah dipinggirkan. Di Sabah dan Sarawak kaum-kaum minoriti Bumiputera juga dipinggirkan. Mungkin Perdana Menteri Dato' Seri Najib baru-baru ini melawat orang India mengunjungi Thaipusam dan lain-lain program India. Ini dibuat bukan dia mahu mengetahui masalah orang India atau mahu selesai masalah orang India, tetapi dia lebih mahu undi orang undi orang India. Perdana Menteri ada janji pada tahun lalu saya ingat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Peraturan 46 (xiii) kita tidak boleh mengatakan menuduh seseorang itu mempunyai niat tak baik dan sebagainya. Perdana Menteri tidak punya niat tidak baik pun. Tapi dia tidak punya niat tidak baik dia pergi kerana dia ikhlas nak bantu orang-orang India. Pasal *you* sebut berkaitan Perdana Menteri, saya terpaksa bela dia tak ada di sini. Dia tidak mempunyai niat tidak baik, dia jumpa orang India sebab dia nak bantu orang India. Saya tau lah Perdana Menteri saya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Saya akan jelas semua itu macam mana niat dia tak baik. Perdana Menteri ada janji tahun lalu nak bagi RM100 million kepada sekolah-sekolah Tamil tetapi sehingga hari ini sekolah-sekolah Tamil tidak dapat satu sen pun. Hanya Pakatan Rakyat beri wang kepada sekolah Tamil. Mana Barisan Nasional, dia janji RM100 million itu, mana RM100 million itu? Sudah sorok, atau guna untuk pilihan raya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Yahaya):

Penjelasan. Yang Berhormat kata begitu *swapping statement*, tak betul, pergi ke Bayan Lepas, tengok sekolah Tamil Bayan Lepas buat hampir siap dah bukan main besar sekolah, RM1.5 million dapat.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Bayan Lepas, itu wang siapa, wang rakyat Pulau Pinang. Kita ada bayar cukai.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad):

Untuk pengetahuan Y.B. di DUN Bayan Lepas itu ada dua buah sekolah Tamil, saya ADUN Bayan Lepas dan dua buah sekolah Tamil itu dibina oleh wang Kerajaan Pusat satu Tamil Sungai Ara, yang dah siap lama dah 3 tahun sudah dan satu lagi di Bayan Lepas sedang siap.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Tahu itu sudah siap lama. Ini baru-baru diumumkan RM100 million untuk semua sekolah Tamil sudah berapa bulan, duit tidak sampai kepada sekolah-sekolah. Saya tak dak tanya 28 sekolah di Pulau Pinang pun dia tak terima satu sen pun daripada Kerajaan Pusat, tetapi Kerajaan Pakatan Rakyat yang tahun-tahun memberi wang kepada Sekolah Tamil. Saya katakan mana itu RM100 million itu sudah pergi. Ini saya kemukakan untuk menunjukkan kepinggiran orang-orang India oleh Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad):

Penjelasan. Y.B. Dato' Speaker *statement* begini, itu kadang-kadang cara *swapping the whole things* dan cara umum itu tak betul. KADUN saya nak cerita sikit peruntukkan saya RM200 ribu untuk kami, 10% bagi kat orang India, pengundi India 1000 *around of* RM20 ribu *not even* 10% tapi 10% saya bagi jadi kalau *you* kata kita tak jaga kebajikan orang India *statement* yang tak betul saya ingat, tak betul saya rasa.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Itu Yang Berhormat dia cakap pasal di Parlimen.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Sini sapa nak jawab.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad):

Yang Berhormat ada Ahli Parlimen, boleh tanya Parlimen, Yang Berhormat boleh cakap lah di Parlimen. Sini siapa yang nak jawab. Sama ada Najib buat *statement* betul tak betul kita tak tau, yang itu kalau di Parlimen baru dia boleh jawab.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Kalau saya ingat Kerajaan Pusat beri dana kepada sekolah-sekolah Tamil nyatakan di sini. Tak payah kena rujuk kepada Parlimen, rujuk kepada sini sana, ini saya rasa putar belitkan. Ini cuma betulkah Kerajaan Pusat di khususnya Pulau Pinang sebutkan dana dibagi kepada 28 sekolah Tamil adakah tidak.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Perai apa yang saya nak katakan di sini *it is base* kepada apa yang dikatakan Ahli daripada Bagan Dalam yang sama ada betul tak betul kita tak tau. Sama ada *statement* buat betul tak, kita tak tau, mungkin benda ini *I'm not saying he lying or not lying* Yang Berhormat, bukan tapi betul tak betul kita tak tau, hanya benda ini boleh diperbetulkan sama ada kita majukan dalam Parlimen pasal Parlimen ini yang buat semua bincang di Parlimen kalau buat di *state*, kita katakan rakyat yang kita sendiri semua tak tau nak jawab nampak macam, saya cakap bahasa kita ini buta perut sikitlah. Itu yang saya tak setuju yang itu saja. Kita kata kita Kerajaan *transparent*, Kerajaan ikhlas jujur cakap benda yang jujur yang itu saja.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Oleh yang demikian kerajaan mesti memberi perhatian khas kepada masalah-masalah kaum minoriti di Pulau Pinang, kaum India menghadapi banyak masalah seperti pekerjaan, pelajaran, perumahan, diskriminasi di tempat kerja dan masalah sosial seperti ibu tunggal yang mesti diberi perhatian. Kaum India di Pulau Pinang menghargai pemberian tanah oleh Kerajaan Pulau Pinang kepada sekolah-sekolah Tamil dan kuil-kuil yang selama ini tidak dihiraukan oleh Barisan Nasional. Tetapi dari segi pekerjaan kaum India masih menghadapi masalah untuk dapat kerja di agensi-agensi Kerajaan seperti ataupun di MPPP, MPSP, dan lain-lain ini adalah satu perkara

yang amat serius dan mesti diberi perhatian. Satu langkah yang mesti di ambil untuk menentukan bahawa orang-orang minoriti diberi peluang untuk bekerja di Kerajaan. Di pihak swasta diskriminasi lagi teruk, banyak orang-orang India dengan lulusan yang tinggi, tidak dapat kerja yang sesuai di kilang-kilang di FTZ kerana diskriminasi terhadap mereka.

Masalah minoriti adalah satu masalah antarabangsa, ini bukan sahaja di Malaysia sahaja. Satu negara yang mempunyai undang-undang yang mempromosikan hubungan antara kaum dalam semua aspek termasuk pekerjaan adalah Finland seorang pakar dalam isu hak minoriti dari United Nation Gay McDougall kata seperti ini ...(dengan izin), *societies flourish when all voices are heard, when all opinions are considered when all citizen participate and when talent that exist in all communities is enable to contribute to institutions. Inclusion is good for societies at large not just those previously left out, so creating the conditions for the effective participation of minority be considered by states as an integral aspect of good governance and a key priority in their the efforts ensure equality and non discrimination.* Sekali lagi ia berkata. *But the danger of majority lies not just in the infringements of individual rights or the marginalization of a political minority but in the opposition of minority groups in society based simply on criteria of skin color, race and religious belief.*

Diskriminasi macam ini secara *subtle* sering kali dilakukan, kadang-kadang bukan sengaja, kadang-kadang dengan sengaja, so ini yang kita mesti elakkan untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia. Kita tidak boleh lagi mengamalkan diskriminasi kerana diskriminasi di *private sector* adalah sangat teruk, *because* ada banyak *complaint* daripada orang minoriti. Mereka tidak boleh dapat kerja yang sesuai. Saya cadang bahawa Kerajaan boleh menggubalkan satu enakmen anti *discrimination* supaya kaum minoriti di Pulau Pinang boleh rasa lebih jamin terhadap hak asasi mereka dan tidak didiskriminasikan. Saya ucap terima kasih kepada Kerajaan untuk memberi 1 million ringgit setahun kepada Lembaga Wakaf Hindu walaupun ini adalah satu amaun besar kalau kita banding dengan zaman Barisan Nasional di mana RM30,000 sahaja diberi tetapi apa yang diberi tidaklah mencukupi untuk kerja-kerja sosial. Sebahagian besar dibelanja untuk bayaran gaji dan perayaan Thaipusam dan baki diberi sebagai biasiswa kepada penuntut universiti dan maktab yang tidak mampu kaum India tidak boleh dapat bantuan daripada persatuan-persatuan India kerana kebanyakan persatuan sendiri perlukan bantuan. Oleh yang demikian mereka harap bantuan daripada Kerajaan, saya harap Kerajaan boleh menimbang perkara ini dan boleh memberi setahun RM5 million kepada Lembaga Wakaf Hindu supaya sesuatu boleh dibuat untuk mengubah nasib kaum India dengan mengadakan rancangan-rancangan yang tertentu untuk membantu orang-orang miskin di Pulau Pinang.

Tahun lalu MPSP telah menawarkan untuk menjual tanah-tanah khas IWK yang tidak lagi diguna, kebanyakan tanah-tanah tersebut dibeli oleh Tok Kong -Tok Kong Cina dan kini duduk atas tanah swasta, tetapi kuil-kuil Hindu yang duduk atas tanah-tanah swasta tidak mampu untuk membeli tanah-tanah yang ditawarkan untuk jual oleh MPSP. Lembaga Wakaf Hindu juga tidak mampu membeli tanah-tanah tersebut untuk menolong kuil-kuil yang perlu dipindahkan bila-bila masa. Tidak lama lagi masalah robohan kuil di atas tanah swasta akan timbul dan ini akan jadi satu masalah. Kalau Lembaga Wakaf Hindu mempunyai wang yang mencukupi, ia boleh menolong mengatasi masalah-masalah seperti ini. Y.B. Dato' Speaker tentang *minimum wage* yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini sebanyak RM900.00... (ganguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Minta laluan, sebelum itu saya mau tanya isu ini persoalan tentang diskriminasi, saya tidak pergi mana-mana di Pulau Pinang, di kawasan Barisan Nasional saya ingat dua (2), tiga (3) bulan ini baru-baru ini ada timbul satu isu yang bukan dapat liputan dalam surat khabar Tamil saya tak tahu sama ada liputan dari surat khabar lain saya tidak pasti iaitu ILP, Insitut Latihan Perindustrian di Kepala Batas di mana lebih kurang lima puluh (50) pelajar India telah mengalami masalah di Institut itu dan saya ada menulis surat kepada Pengarah mengenai isu-isu ini dan saya sudah dapat jawapan *standard* lah menafikan segalanya kemudian.

Saya bangkitkan isu ini kepada Menteri Sumber Manusia, sebab isu ini diletak di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Menteri memberitahu kepada saya dia akan siasat sampai hari ini saya pun tidak tau apa sebenarnya berlaku di ILP di Kepala Batas dan dua (2), tiga (3) orang ibu bapa panggil sama saya sebelum saya tulis kepada Pengarah menafikan so jadi itu satu diskriminasi. Saya tidak tuduh mana-mana saya cuma mendapat satu laporan saya ada mungkin saya minta lagi tapi apa yang saya dari Pengarah adalah satu jawapan yang menafikan segala tuduhan dia katakan ini tidak berasas dan segalanya ...(dengan izin), *he gave me the very standard answer*.

Saya menulis sebagai seorang Ahli EXCO Timbalan Ketua Menteri II dan juga *education* ini, sumber manusia ini di bawah portfolio saya, jadi sampai ini saya tak dapat jawapan. Apakah ini proses siasatan, adakah ini betul?, tuduhan-tuduhan dikalangan orang India ibu bapa budak-budak ada lebih kurang lima (5) budak. Jadi masalah-masalah ini, apabila timbul kata kita mempersoalkan slogan-slogan yang dilaungkan oleh Barisan Nasional 1Malaysia dan sebagainya. Saya tidak buat apa-apa tuduhan, tetapi cuma saya berpendapat apa sebenarnya yang berlaku pada sekolah itu di mana budak-budak India mahu pergi ke Thaipusam, apa-apa dinafikan cuti dan

sebagainya ini tuduhan *allegation* sorry terjadi satu isu-isu serius, saya belum dapat apa-apa, mungkin saudara di bahagian sana boleh bantu sama saya lah, adakah ini betul atau tidak. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Ahli Bagan Dalam, oleh kerana cerita pasal India *on endowment board* dan sebagainya, kalau boleh tolong usahakan ada satu tanah perkuburan Hindu di dalam kawasan Seberang Jaya itu, saya ingat dia kena dibantu supaya mereka dapat menjaga dengan lebih baik. Yang kedua satu *temple* Hindu di dalam kawasan Seberang Jaya dekat dengan Tesco, supaya minta Kerajaan Negeri bagikan tanah itu sebagai tanah kekal yang sah kerana dia duduk di atas tanah Kerajaan. Yang ketiga saya nak tanya berkenaan dengan, saya tak tahu sama ada kuil untuk Sikh adalah termasuk dalam Hindu *Endowment Board* atau tidak, kalau ya sebab di Seberang Jaya ada satu tanah yang diorang nak bangunkan Sikh *temple* tapi tak cukup dana kalau boleh juga dicarikan jalan untuk membantu golongan Sikh yang ada di sana. Lagi satu berkenaan dengan kuil di depan *bird park* yang memerlukan peruntukkan RM2 juta untuk mereka nak adakan dewan orang ramai di dalam kawasan kuil itu dan kalau ada duit yang banyak, tolong usahakan juga kerana semua dia dalam kawasan saya, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Y.B. Bagan Dalam minta satu penjelasan. Tadi saya ada mendengar Y.B. dari Seberang Jaya mengatakan kuil di Seberang Jaya iaitu berdekatan dengan Tesco, setahu saya kuil itu di atas tanah rantis TNB, rantis TNB bukan saja masalah tanah tidak dapat diselesaikan, bahkan hendak membekal air dan *electricity* pun dapat bantahan dari pihak TNB. Saya cuma memberi penjelasan sebegini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Ahli Bagan Jermal kita cakap kuil yang berlainan, saya menceritakan kuil yang berada di atas tanah JPS. Ia ada satu kuil yang berlainan sikit dan saya sedang berusaha cara saya, yang mana saya telah dapat bantu kuil saya bantu dan saya masih berusaha untuk dewan itu pun kita sedang memberi sokongan melalui Jabatan Perdana Menteri tapi kalau boleh bagi tambahan siapa cepat siapa tolonglah pasal UMNO berjuang untuk semua bangsa Melayu, Cina, India.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Saya harap Seberang Jaya boleh membantu untuk membina dewan di kuil di Seberang Jaya dekat dengan *bird park*. Boleh dapat dana daripada Kerajaan Pusat, tidak ada masalah saya ingat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Kita sedang berusaha, tapi bagilah sama-sama bagi, kalau peruntukkan tidak ada sedemikian kita bagi sorang jadi oleh kerana nak tunjuk nak bagitahu betapa ikhlasnya UMNO berjuang tak kira Melayu, Cina, India, pasal kuil itu hanya tiga (3) atau empat (4) perkara yang dibawa oleh Ahli Berhormat daripada UMNO.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Seberang Jaya belum beri apa-apa lagi beri dululah. Y.B. Dato' Speaker gaji minimum yang diumumkan oleh Perdana Menteri sebanyak RM900.00 sebulan tidaklah memuaskan dengan harga barang-barang naik semakin hari, gaji yang diumumkan tidaklah mencukupi, satu kajian haruslah dibuat untuk memutuskan gaji minima yang berpatutuan. Bagaimanalah seseorang keluarga nak uruskan keluarganya dengan hanya RM900.00 sebulan, ini tidak bolehlah, ini akan menyusahkan.

Perkara yang lain saya ingin sentuh ialah tentang perumahan, dalam tiap-tiap sidang Dewan saya telah bangkitkan isu perumahan kos rendah di Bagan Dalam. Kebanyakan rumah-rumah kampung telah diroboh di situ, untuk membina pangsapuri mewah. Orang-orang miskin tidak ada tempat untuk tinggal, oleh sebab itu satu projek perumahan kos rendah patut dimulakan dengan segera untuk mengatasi masalah yang rumit ini. Banyak orang lagi duduk setinggan di tempat itu tidak ada fasiliti-fasiliti yang baik. Saya merayu kepada Kerajaan untuk memberi perhatian yang serius dan membuat *duty dan* menaikkan kos rumah-rumah rendah di Bagan Dalam. Saya juga di sini harap Y.B. Telok Bahang akan menunaikan janji beliau untuk membina semula kuil yang dirobohkan di Warf Perai secepat mungkin. Janganlah memainkan orang minoriti di Pulau Pinang, hormatlah hak-hak kaum minoriti. Saya juga ingin beri notis kepada Y.B. Telok Bahang bahawa ada dua buah kuil di duduk....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

ADUN Bagan Dalam, boleh kita jangan gunakan kaum minoriti, kaum India kah, kaum Cina kah, kaum Sikh kah, kaum Melayu kah, kaum Siam ka kita semua rakyat negeri ini tidak ada minoriti, tidak ada majoriti, kita serupa saja. 1Malaysia, kita sama.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Ada minoriti, dan ada majoriti *you can't run away from that*. Saya ingin beritahu Y.B. Telok Bahang ada dua buah kuil duduk di *wharf* di KADUN Bagan Dalam satu di *wharf* Bagan Dalam dan satu di dekat dengan jalan Bagan Luar. Tolong keluarkan arahan kepada pegawai-pegawai kamu jangan sekali roboh kuil-kuil di situ dan hormatnya kepercayaan kaum minoriti jangan roboh dan berikan alasan kemudian. Oleh sebab itulah saya hendak memberi notis kepada Y.B. Telok Bahang kalau sidang lain yang akan datang akan beri tau *you* tak tau ada kuil di situ dan saya sudah beri ada....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya ingin tanya adakah Yang Berhormat, Yang Berhormat Telok Bahang sedar atau tidak sedar, bahawa sehingga hari ini Y.B. Telok Bahang belum minta maaf atas perobohan kuil Hindu yang dilakukan di kawasan PPSB. Sekiranya ini adalah satu kesilapan mengapa tidak mahu minta maaf dan tidak ambil tindakan ke atas pegawai yang bertanggungjawab. Saya rasa ini menunjukkan bahawa memang UMNO cakap tidak *racist* tetapi ingatan mereka memang 100% *racist*. So dalam perkara ini saya harap beliau boleh memberikan penjelasan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, saya sudah bagitahu dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya akan selesaikan dan akan bawa perkara ini kepada Mesyuarat Lembaga Pelabuhan dan masa itu kita akan bincang kedudukan dan apa yang akan dibuat. Sebelum itu, untuk makluman, pegawai berkenaan ini yang mengarahkan supaya kuil ini dirobohkan adalah sebenarnya Ahli PAS, keahliannya 6588852, dia pengundi di Seberang Jaya. Saya sudah sebut banyak kali nombor ini. Ahli PAS.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekarang macam inilah, minta maaf, kalau salah minta maaf, bukan sahaja Y.B. Telok Bahang minta maaf tetapi Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan iaitu Datuk Seri Dr Chua Soi Lek pun kena minta maaf. Ini adalah satu perkara berkaitan dengan kebebasan agama, kalau ini boleh berlaku sebelum pilihan raya besar, selepas pilihan raya besar dan sekiranya UMNO kembali berkuasa, saya rasa semua kuil Hindu terancam. Ini saya tidak main-main di sini.....(gangguan). Ini semua.

Ahli-ahli Pembangkang:

Hai, hai ini....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini saya tak main-main di sini, semua kuil-kuil Hindu boleh terancam.

Ahli-ahli Pembangkang:

Tarik balik, tarik balik. Tarik balik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Semua kuil Hindu boleh terancam.

Ahli-ahli Pembangkang:

Tarik balik, tarik balik. Tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk, sila duduk Yang Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini bukan sesuatu perkara yang boleh dimainkan.

Y.B. Dato' Speaker:

Duduk-duduk.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Berdasarkan Peraturan 46, peraturan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mungkin terancam. Saya tidak akan tarik balik.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Berdasarkan Peraturan 46, merujuk balik kepada Peraturan 46 (xiii) dan juga (xviii) kerana telah mengeluarkan kenyataan yang boleh menyebabkan berlakunya ancaman dan sebagainya. Jadi sila tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Permatang Berangan, saya dengar peraturan itu dibangkitkan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, saya dengar Y.A.B. Ketua Menteri kata saya rasa.

Y.B. Dato' Speaker:

Apa yang saya rasa.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Dia tidak boleh berselindung di sebalik perkataan “saya rasa” untuk mengelakkan tanggungjawabnya, sedangkan kata-kata itu telah didengar di seluruh dunia yang menunjukkan Ketua Menteri Pulau Pinang telah pun membawa satu aliran dan juga satu pemahaman yang boleh menimbulkan kekacauan kepada masyarakat di Malaysia.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Ariff Shah Bin Haji Omar Shah):

Ketua Menteri pun bukan ada imuniti yang berhak secara mutlak, ada juga perkara yang salah. Saya pohon jasa baik Dato' Speaker untuk ambil tindakan.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya dengar juga tadi Y.A.B. Ketua Menteri sebut “saya rasa”. Cukup di situ.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, kalau boleh saya sambung.....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Isu sekarang Y.A.B. Ketua Menteri tidak tarik balik. Okey kita semua Barisan keluar, semua Barisan keluar.

“Semua Ahli Barisan Nasional Keluar Dewan”

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kuil ini mungkin terancam. Okey.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Bagan Dalam boleh teruskan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Y.B. Dato' Speaker, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah *public transport*. *Public transport* ialah satu perkara yang perlu di beri perhatian yang serius. Kalau seseorang mengambil bas dari Butterworth ke Kepala Batas di mana ada Jabatan-jabatan Kerajaan di sana, perjalanan bas mengambil masa lebih kurang 45 minit. Tetapi untuk menunggu bas di Butterworth mengambil masa lebih kurang 1 jam. Kalau seseorang hendak pergi dari Butterworth ke Kepala Batas untuk berurusan dengan jabatan Kerajaan, perjalanan itu sudah ambil masa 1 jam 45 minit.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan Y.B. Bagan Dalam. Saya hendak tahu *bus company* yang beroperasi dari Butterworth ke Kepala Batas. Bolehkah beri penjelasan, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Bas Rapid.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Penjelasan Y.B. Bagan Dalam. Saya mahu tanya sedikit penjelasan tentang sebuah kuil. Ini membuktikan apa yang telah dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri mengenai isu terancam. Ini bukan saya berdasarkan ...(dengan izin), *fictitious facts*, tetapi memang sudah berlaku. Saya tidak pergi mana-mana jauh di Pulau Pinang. Ini berlaku sebelum Pilihan Raya 2008 ada sebuah kuil atas tanah mereka dihalau dan mereka malam-malam terpaksa berpindah ke tanah wakaf hindu pada waktu malam. Mereka dihalau keluar

dari tanah sendiri dan mungkin Y.B. Bagan Dalam tahu cerita ini, bolehkah ceritakan bahawa isu ini bukan satu isu remeh-temeh, ini satu isu yang serius dan Kerajaan Negeri sedar perkara ini dan telah memperbaiki satu kezaliman yang telah berlaku di zaman Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Betul, perkara itu saya ingat dalam tahun 2003 atau 2004 kuil itu telah dihalau keluar dari premis sendiri, pada masa itu kuil itu berada dalam premis sendiri. Oleh kerana ada *complaints* daripada Ahli-ahli UMNO kuil itu telah dihalau dan dipindah ke kepada tanah Lembaga Wakaf Hindu di Butterworth berdekatan dengan *cemetery*, kubur Hindu di Butterworth. Sejak tahun 2003-2004 kuil itu masih berada di tanah Lembaga Wakaf dan pada tahun 2004 Barisan Nasional ada berjanji, buat satu janji untuk memberi satu tanah kepada kuil itu dan akan turut memberi sumbangan untuk membina kuil tetapi perjanjian itu tidak ditunai oleh Barisan Nasional. Selepas tahun 2008 mereka pun menghilangkan diri dan saya ingat Y.B. Perai pun ada terlibat dalam kes ini dan sedang menolong untuk mencari tapak tanah untuk membina kuil tersebut. Itulah situasi sekarang dan kuil itu masih berada di tanah kubur di Butterworth dengan tidak ada apa-apa kemudahan. Saya harap kuil ini dapat dibina balik dengan secepat mungkin.

Y.B. Dato' Speaker, berbalik kepada pengangkutan bas dari Butterworth ke Kepala Batas sekarang, di mana jabatan-jabatan Kerajaan berada di sini. Rakyat sangat susah untuk pergi ke Kepala Batas. Bila kita ada program-program seperti warga emas dan lain-lain program di Kepala Batas untuk mendapatkan cek atau apa-apa urusan, mereka tidak dapat pergi kerana bas tidak ada. Sesiapa yang *in charge of bus services please look into it*. Saya pun harap lebih banyak perkhidmatan bas dari Bukit Mertajam ke KOMTAR dan Seberang Jaya ke KOMTAR diadakan dan kalau sudah ada tolong adakan *service* yang *regular*, sekarang ini tidak ada *regular service*. Kalau ada perkhidmatan bas yang baik ini akan mengurangkan penggunaan kereta-kereta masuk ke Pulau Pinang, tentu akan dapat mengurangkan. Kalau seseorang boleh datang dari Bukit Mertajam ke Pulau Pinang, saya ingat bila dia sampai di Pulau Pinang dia boleh melakukan aktiviti mereka seperti *shopping* dan sebagainya dan mengambil bas pulang ke Bukit Mertajam. Kalau kemudahan-kemudahan ini dapat diperbaiki saya ingat masalah pengangkutan akan dapat dikurangkan. Dengan itu saya pohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Silakan Y.B. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker kerana memberi saya kebenaran untuk berbahas di atas ucapan Tuan Yang Terutama tempoh hari. Malangnya semua rakan saya dari UMNO sudah keluar, saya begitu berharap mereka akan berada di sini untuk mendengar ucapan saya pada pagi ini tetapi walau bagaimanapun saya akan berucap. Saya akan bermula dengan menyatakan berkenaan dengan satu komen yang diberikan oleh rakan saya dari Penaga pada 3hb. Mei dan dilaporkan pada 4hb. Mei sempena *World Press Freedom Day* di mana ada dinyatakan mereka berharap supaya sekiranya Kerajaan Pakatan Rakyat mengamalkan dan mengiktirafkan supaya *press* diberikan *freedom*, maka sepatutnya tiada apa-apa halangan ke atas media-media untuk meliputi semua acara yang diadakan oleh pihak Pakatan Rakyat. Mereka merujuk kepada ban yang telah dikenakan oleh Kerajaan Negeri terhadap Utusan Malaysia. So saya hendak *address* kan isu ini ...(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker.

Apa yang telah berlaku berkenaan dengan halangan ke atas akhbar Utusan ini adalah kerana seperti mana Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan ia tidak memberi *right of reply*, ...(dengan izin) kepada Kerajaan Negeri apabila dibidas, apabila kenyataan-kenyataan dikeluarkan yang *attack* Kerajaan Negeri, kita tidak diberi *right of reply*. Memang apabila dibangkitkan di dalam Dewan ini minggu lalu, mereka telah menyatakan bahawa kita boleh membawa akhbar itu ke mahkamah sekiranya perlu.

Untuk rekod pada hari ini saya ingin menyatakan pada Y.B. Dato' Speaker bahawa sememangnya dalam kes Y.A.B. Ketua Menteri kata beliau telah membawa Utusan Malaysia ke mahkamah dan Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang telah pun dalam satu kes berkenaan satu rencana yang dikeluarkan. Saya merujuk Y.B. Dato' Speaker kepada *Current Law Journal* 2012 Jilid 2 di muka surat 619 yang melaporkan keputusan mahkamah tersebut oleh Yang Arif Tuan Varghese George Varughese berkenaan satu rencana di dalam Utusan Malaysia bertarikh 20hb. Disember 2010 di bawah tajuk Kebiadaban Guan Eng. Y.A.B. Ketua Menteri telah menyaman Utusan di atas rencana ini. Di antara apa yang dinyatakan di dalam rencana ini adalah kenyataan-kenyataan yang mempunyai implikasi sebegini. Y.B. Dato' Speaker, saya bacakan:

- (a) Beliau adalah seorang yang bersikap *racist* dan menentang apa saja yang berkaitan dengan Melayu;

- (b) Beliau di Konvensyen Pakatan Rakyat memberi gambaran bahawa apa sahaja perjuangan yang berkaitan dengan Melayu tidak harus dibiarkan dan harus ditentang oleh pakatan pembangkang;
- (c) Beliau menyerang orang Melayu dan institusi orang Melayu;
- (d) Beliau menindas orang Melayu dengan melenyapkan satu per satu perkampungan orang Melayu;
- (e) Beliau membatalkan perayaan Maulidur Rasul;
- (f) Beliau mencegah peniaga Melayu berniaga di KOMTAR; dan
- (g) Beliau merobohkan Kampung Buah Pala.

Semua kenyataan-kenyataan dalam rencana tersebut dikatakan menunjukkan Ketua Menteri kita sebagai seorang rasis dan seorang yang anti-Melayu dan anti Islam.

Perbicaraan telah dilakukan dan selepas saksi-saksi memberi keterangan Y.B. Dato' Speaker, Y.A. Hakim telah memutuskan bahawa Y.A.B. Ketua Menteri telah membuktikan kesnya di atas imbalan kebarangkalian dan Y.A. Hakim dalam keputusannya, saya akan bacakan beberapa petikan daripada alasan penghakimannya telah menyentuh tentang betapa berniat jahat Utusan Malaysia. Saya akan bacakan 2, 3 perenggan yang relevan Dato' Speaker iaitu dalam laporan tersebut, perenggan 49, saya baca dengan izin dalam Bahasa Inggeris:-

Although justification was not a defend pleaded in this case by the defendant and it was not necessary for me to embark on an examination or determination of the veracity (truth of falsity) of the contents of each of complained statements, I found it necessary nevertheless to do so to some degree to highlight the conclusion that I had come to, namely that this rencana was hatched in bad faith and its publication was motivated my malice to subject the plaintiff to contempt and scorn in the eyes of the public at large and to malign the plaintiff as Chief Minister of a state and as an elected representative of the rakyat.

Findings of the court. Seterusnya perenggan 51, ...(dengan izin).

Of particular note is the fact that in his testimony, DW3 admitted that he did not verify the information or circumstances referred to and included in the article and neither did he make any attempt to do so. And further down

disregard of this basic requirement to verify which was an integral part of responsible journalism, tainted the conduct of DW3 and the defendant and the publishing of the rencana as been done with malice against the plaintiff .

Dan seterusnya di muka surat berikut di perenggan 52,(dengan izin).

The language used and reliance on half-truths (tantamount to willful misinformation, I should also add) all left me with one inevitable conclusion that the feature article written by DW3 and published in the Utusan Malaysia of 20 December 2010 was intentionally made to malign the plaintiff without any cause and most unfairly. To me it was as if the defendant was waiting for an opportunity to pounce upon the plaintiff and the choice of the plaintiff's speech at the convention to meet whatever that agenda was, turned out to be a totally misplaced one, as has been established on the evidence before me.

Itulah antara lain pendapat-pendapat, *findings-findings* yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang berkenaan kelakuan Utusan Malaysia.

Oleh itu saya ingin melaporkan kepada Y.B. Dato' Speaker dan Dewan ini mengapa kita *ban* Utusan Malaysia. Bukan kerana kita ada apa-apa niat atau pun *intention* yang tidak baik terhadap Utusan tetapi kerana mereka secara *willful*, secara berniat jahat, dengan *malice*, selalu melaporkan perkara-perkara yang tidak baik. Apa yang begitu menakutkan Y.B. Dato' Speaker, ini adalah akibat dari rencana satu hari, 20hb. Disember tetapi kebenarannya ialah pada tiap-tiap hari ada rencana, ada berita yang dikeluarkan oleh Utusan yang tidak benar dan berniat jahat, tiap-tiap hari apabila ini berlaku.

Apa yang menakutkan adalah ini Y.B. Dato' Speaker. Ini mempunyai kemungkinan untuk menyebabkan ketegangan antara kaum. Kemungkinan untuk menyebabkan ketegangan kaum, tiap-tiap hari sekiranya seorang Melayu membaca Utusan Malaysia dan melihat seolah-olahnya Ketua Menteri dan Kerajaan Pakatan Rakyat adalah anti Melayu, anti Islam, anti Raja. Kalau tiap-tiap hari baca macam itu, walhal tidak betul seperti mana telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi, sekiranya saya seorang Melayu, saya sendiri akan merasa hangat, menjadi marah dan itulah perkara yang tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh Utusan Malaysia kepada keseluruhan rakyat Malaysia. Ini adalah satu perkara yang begitu menakutkan Y.B. Dato' Speaker,...(Dengan izin).

I am ashamed to have to refer to one incident, saya berumur 41 tahun baru-baru ini, World Press Freedom Day, itu adalah hari jadi saya, tiap-tiap tahun saya tahu World Press Freedom Day is on 3rd May. But at the age of 41, I am shocked, ...(dengan izin), *to have seen* dengan apa yang dipaparkan

di *Youtube* berkenaan kejadian di Lynas, *Sit down* di Padang Kota berkenaan Lynas baru-baru ini di mana ada satu insiden di mana Y.A.B. Ketua Menteri hampir-hampir di *assaulted*, ...(dengan izin).

Di dalam *youtube* saya nampak ada seorang yang kelihatan seperti seorang Melayu dan kita tahu UMNO berada di situ. Saya dengar beliau mengeluarkan perkataan Cina babi, saya dengar itu. Adakah itu masyarakat yang kita berada dalam masa sekarang? Saya ada anak-anak dan saya begitu takut sekiranya ini yang berlaku dan orang mengeluarkan perkataan Cina babi itu, *he dares to say that, because he has been instigated* oleh surat khabar seperti Utusan Malaysia setiap hari? Itu adalah *point* yang ingin saya nyatakan, begitu penting untuk kita pastikan berita yang disiarkan oleh akhbar-akhbar adalah benar, tidak memutar belitkan, bersifat perkauman dan boleh membawa kepada kejadian seperti seorang, pada tahun ini tahun 2012. Kita sudah beberapa tahun merdeka, masih boleh cakap Cina babi.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramanian):

Minta penjelasan Y.B. Datok Keramat? Dalam negara kita ini ada Akta Hasutan tetapi kenapakah Akta Hasutan tidak digunakan? Saya minta Y.B. Datok Keramat memberi penjelasan bahawa sama adakah *selective prosecutions* atau Akta Hasutan yang ada itu dimandulkan sebegitu sahaja?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Akta Hasutan itu memang tidak dimandulkan. Y.B. Bukit Gelugor masih menghadapi satu pertuduhan di bawah akta itu, pembelaannya akan didengar pada 30hb. Mei tetapi berkenaan sama ada *selective prosecutions* atau tidak, saya tidak tahu. Saya tahu satu fakta, *in fact I am coming to that*, ...(dengan izin). Berkenaan sekarang kita sudah sampai pada insiden di Padang Kota, berkaitan mengenai Lynas. Saya ada tanya satu soalan kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan mendapat satu jawapan iaitu apakah tindakan yang diambil terhadap laporan-laporan Polis yang telah dibuat akibat insiden-insiden yang berlaku di Padang Kota pada tarikh tersebut.

Saya mendapat jawapan daripada Y.A.B. Ketua Menteri sendiri, di mana soalan saya ada *two fold* sama ada beliau akan minta untuk tambahan keselamatan kepada beliau dan apakah tindakan pendakwaan terhadap laporan tersebut. Ini adalah jawapan saya pada perenggan terakhir. "Tidak ada sebarang tambahan keselamatan atau tindakan pendakwaan akan diambil terhadap samseng-samseng UMNO dan PERKASA yang mengugut Y.A.B. Ketua Menteri".

Secara fakta saya boleh sebutkan dan kita tahu sehingga hari ini, langsung tiada pendakwaan diambil terhadap dan memohon kepada pihak Polis, supaya tindakan dipercepatkan, supaya mereka yang salah itu dapat dibawa ke muka pengadilan iaitu dituduh di mahkamah dengan secepat mungkin. Itu sebanyak mana saya boleh jawab kepada Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin meneruskan. *In fact* saya ada satu pertanyaan kepada Y.B. Dato' Speaker mengenai isu yang dibangkitkan iaitu tadi berkenaan dengan *press freedom* di mana seharusnya *press freedom* tidak membuat *irresponsible journalism*, sama ada Y.B. Dato' Speaker boleh bersetuju untuk menerima laporan kes ini. Alasan penghakiman yang dilaporkan di dalam CLJ ini sebagai satu lampiran kepada hansard supaya kita ada sebagai rekod apa yang telah berlaku. Sekiranya dibenarkan, saya pohon supaya dapat, saya diberikan kepada Y.B. Dato' Speaker satu salinan supaya laporan *Current Law Journal*. Saya hendak ini dijadikan sebahagian daripada rekod hansard kerana ini adalah satu pendapat dan keputusan Mahkamah Tinggi setelah keterangan diberikan setelah menimbang undang-undang, ini adalah keputusan tersebut. Saya harap Y.B. Dato' Speaker dapat mempertimbangkan permohonan saya. Saya meneruskan Y.B. Dato' Speaker, kembali kepada perbincangan saya, saya selalu menjawab Y.B. Penaga, satu mengenai Utusan dan sekarang lagi satu isu. Saya mendapati dalam surat khabar, melalui ucapan Y.B. Penaga buat tadi, dia kata dia pergi ke Sungai Pinang untuk makan tengah hari dan nampak air Sungai Pinang macam hitam dan dia hendak tukar nama Sungai Pinang kepada nama Sungai Air Hitam. Itu sekali lagi amat tidak bertanggungjawab, kerana sekiranya kita hendak berucap di Dewan, kita mesti berucap berdasarkan fakta. Saya sendiri berada dalam beberapa jawatankuasa yang melihat kepada keadaan kualiti air di Sungai Pinang.

Untuk makluman dan rekod, setakat September 2011 *progress report* untuk Sungai Pinang saya ingin nyatakan berkenaan *Water Quality Index* (WQI) Sungai Pinang, ...(dengan izin), *as of 7th September 2011* adalah kita berada di tahap kelas tiga (3). Kita bermula dengan kelas empat (4) iaitu 29.6% hingga 51.6%, kelas tiga (3) ialah 51.6% hingga 75.3% dan kelas dua (2) adalah 75.7% hingga 91% *and as of September our average is nearly 70% or rather nearly 71.5% which is* kita boleh sampai hampir kelas dua (2).

Untuk maklumat Y.B. Dato' Speaker, ada bahagian-bahagian di Sungai Pinang pada tahun 2008 apabila kita mengambil alih, memang air tidak jernih langsung, memang dia hitam tetapi untuk kata sekarang bahawa ia masih begitu adalah tidak betul, tidak tepat dan tidak adil untuk dinyatakan tohmahan sebegitu, kerana Kerajaan Negeri telah membelanjakan banyak wang, tenaga dan usaha untuk memperbaiki kualiti air di situ dan masih, saya harap nanti EXCO dapat menyatakan masih. Saya harap daripada kelas tiga (3) tadi kita boleh pergi ke kelas dua (2) dalam masa tidak lama lagi.

Saya percaya ini dapat dicapai oleh pihak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Saya juga berbalik kepada isu Sungai Pinang dan satu isu yang selalu berbangkit, *in fact* saya ada gambar-gambar yang menunjukkan berapa jernih dan berapa cerah air di Sungai Pinang, boleh nampak ikan pun. Udang saya tidak tahu, ada udang ke? Udang pun boleh nampak?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Penjelasan. Selalu saya pergi sana dan memantau dan baru-baru ini saya nampak sudah ada banyak ketam, *that means* dari pokok *mangrove tree* dari bawah dia bertelur di sana. Oleh itu sudah ada ketam tambah di Sungai Pinang. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih untuk informasi tersebut. Memang Y.B. Sungai Pinang akan tahu apa yang berlaku di Sungai Pinang. Dengan itu...(ketawa) *I know there is fish but to go to ketam. Anyway*, Yang Berhormat Penaga kalau dia ada, saya hendak ajak dia makan tengah hari di satu restoran ataupun nasi kandar dekat Sungai Pinang, tepi sungai cantik, tapi dia sudah balik atau mana dia pergi, mungkin esok boleh ajak dia.

Saya teruskan berkenaan dengan Sungai Pinang Y.B. Dato' Speaker, tiap-tiap kali saya berucap di Dewan ini saya membangkitkan keperluannya Kerajaan Negeri agresif, agresif dalam melaksanakan rancangan tebatan banjir fasa dua (2) Sungai Pinang yang mana telah diabaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk sepuluh (10) tahun, sepuluh (10) tahun sebelum kita mengambil alih pimpinan pada tahun 2008. RTB fasa 1 diberhentikan pada tahun 1999, kerana isu dilokasi setinggi-setinggi adalah begitu sensitif kerana melibatkan, kebanyakannya kaum Melayu yang merupakan penduduk-penduduk di tebing Sungai Pinang. Saya telah menyatakan banyak kali dan saya ulang sekarang juga, apabila satu kejadian banjir berlaku ia tidak memilih bangsa, ia tidak memilih kaum, ia tidak memilih agama, ia tidak memilih parti politik, mana parti politik kamu pilih, ia akan melanda semua orang dan semua orang akan merasa kesan akibat banjir ini. Akibat program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, setelah kita ambil pimpinan pada 2008, saya ingin nyatakan dan ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya untuk mengurangkan kesan banjir utamanya daripada effect Sungai Pinang *overflow*, di mana projek-projek seperti Sungai Jelutong telah dipelembarkan dalaman Sungai Jelutong telah diambil dan saya percaya, masih akan diambil terutamanya Sungai Jelutong iaitu projek-projek sampingan sambil kita menunggu RTB Sungai Pinang Fasa dua (2) dilaksanakan.

Saya harap EXCO yang berkenaan dapat memberi jaminan bahawa projek-projek sampingan ini akan terus diadakan supaya dapat mengawasi atau menghalang banjir dari berlaku seterusnya di kawasan Sungai Pinang. *In fact*, saya tak boleh lupa apabila 2008 kita mengambil alih, bagaimana saya dan Ketua Menteri saya terpaksa mengambil satu bot dan masuk ke kawasan kampung di Jalan P. Ramlee untuk memberi beras ataupun nasi kepada penduduk-penduduk di situ kerana waktu itu waktu puasa, mereka tidak dapat masak dan pada pukul 4.00 pagi dengan bot, saya dan Ketua Menteri masuk.

Sejak 2008 dan saya *touch wood* lah, apabila saya kata kita bernasib baik tiada kejadian banjir yang begitu teruk di kawasan Sungai Pinang kerana *of course Mother Nature as I always say, we cannot test her, anything can happen but so far what ever we can do, we have done. I congratulate ...* (dengan izin). EXCO yang berkenaan Kerajaan Negeri especially the EXCO daripada Sungai Puyu kerana program-program sebagai apa ini, *No Plastic Day*, saya percaya ini semua bercampur *taken together cumulative effect*. Kekurangan ada *plastic bag* dan oleh demikian dibuang ke dalam longkang dan sampai ke sungai, ini semua *taken together, effect cumulative* nya ialah kita ada banjir yang kurang. Dan itu saya ucapkan tahniah, saya harap lebih program sebegini dapat dibuat supaya kita sememangnya dapat mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang.

Satu lagi isu saya teruskan ialah saya ingin tanya kepada EXCO lalu lintas yang berkenaan isu trafik yang selalu berlaku. Kita tahu Pulau Pinang trafik dia, saya mengakui ia adalah satu masalah yang begitu teruk sekali dan itu merupakan satu masalah kita mesti ingat yang mungkin telah menyebabkan kejatuhan Kerajaan Barisan Nasional 2008, kerana kita nyatakan bahawa trafik adalah satu *problem* yang begitu besar dan ia masih berlaku tetapi saya ingin nyatakan, perbezaannya ialah kita ada beberapa projek ataupun program ataupun kita ada satu hala tuju berkenaan, bagaimana kita hendak *overcome traffic* tetapi saya begitu khuatir. Saya ingin bertanya kepada EXCO berkenaan kerana, apabila saya nampak ucapan Tuan Yang di-Pertua sendiri berkenaan isu ini, di bawah pengangkutan dan pengurusan lalu lintas.

Program-program yang dicadangkan untuk menyelesaikan isu-isu tersebut di muka surat 6, ucapan TYT perenggan 9 *last sentence*, di mana anggaran kos dinyatakan, *2nd and last sentence*. "Anggaran kos untuk melaksanakan wawasan ini adalah RM13.5 bilion". Walau bagaimanapun, wawasan ini memerlukan sokongan daripada Kerajaan Persekutuan. Itu dinyatakan di ucapan TYT dan juga jawapan daripada rakan EXCO saya di mana beliau juga menyatakan di dalam jawabannya. Beliau menyatakan bahawa pelan jangka masa pendek dan panjang yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah trafik, beliau juga menyuarakan

kekhuatiran beliau kerana beliau menyatakan Kerajaan Pusat perlu memainkan peranan dalam menyediakan peruntukan dalam soal ini. *So point* yang saya ingin bangkitkan di sini ialah saya khuatir sama ada Kerajaan Pusat akan mensabotaj Negeri Pulau Pinang dari segi masalah trafik yang wujud dan saya harap itu tidak berlaku kerana ini adalah satu tanggungjawab yang telah sememangnya dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Pusat dan yang penting kita telah adakan pelan-pelan tersebut dan sekiranya Kerajaan Pusat tidak beri bantuan kewangan seperti mana yang diperlukan, maka rakyat Negeri Pulau Pinang mesti tahu, itu adalah satu angkara Kerajaan Barisan Nasional untuk cuba mensabotaj usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah trafik. Itu adalah *point* yang saya ingin nyatakan.

Saya teruskan ucapan saya Dato' Speaker dengan nyatakan bahawa saya juga begitu kagum dengan apa yang telah dinyatakan oleh Kerajaan Negeri berkenaan keperihatinannya akan projek-projek perumahan kos rendah Kerajaan Negeri. Cuma satu (1), dua (2) perkara saya ingin bangkitkan Dato' Speaker, umpamanya di kawasan Datok Keramat, kita ada projek perumahan Taman Free School, yang sekarang sudah begitu usang Dato' Speaker, kerana begitu lama bangunan-bangunan tersebut dan ia memerlukan perhatian untuk diselenggarakan dengan secepat mungkin.

Saya harap pihak Kerajaan Negeri dapat mengambil tindakan yang perlu kerana ini adalah projek-projek Kerajaan Negeri dan keadaannya begitu teruk Dato' Speaker. Saya menyeru dan mengadu kepada pihak-pihak EXCO yang berkenaan supaya ini dapat dilakukan juga saya telah menyatakan dahulu tentang pengisuan hak milik strata kepada projek-projek tersebut. Saya mendapati di kawasan saya, selain daripada Taman Free School ada juga projek perumahan di Jalan Makloom yang juga disiapkan pada tahun 1983 sama dengan Taman Free School. Sehingga hari ini juga tiada geran dapat dikeluarkan.

Saya harap dapat jawapan daripada EXCO yang berkenaan tentang hal ini. Seterusnya saya ingin menyatakan saya harap Kerajaan Negeri dalam keadaan yang sedia untuk menghadapi apa-apa ancaman Tsunami. Saya percaya minggu lalu ada satu surat khabar yang melaporkan ada satu gegaran *earthquake* yang akan berlaku tidak lama lagi, selepas *earthquake* yang baru-baru berlaku, dan dinyatakan dalam laporan tersebut, bahawa bahagian Utara kawasan pulau-pulau Pulau Pinang akan dilanda ataupun terkesan seakibat Tsunami yang akan berlaku. Saya ingin tahu daripada EXCO berkenaan sama ada kita sedia untuk menerima ancaman Tsunami tersebut.

Saya tidak mahu mengambil banyak masa lagi cuma saya ada satu *point*, saya ingin nyatakan pada Y.B. Dato' Speaker, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri terutamanya kepada Ketua Menteri

kerana telah menjadi Kerajaan Negeri yang pertama di mana kita mengisytiharkan aset-aset iaitu dari segi EXCO. EXCO telah mengisytiharkan aset-aset ini, apa ini, menguatkan lagi lah prinsip CAT Kerajaan Negeri kita.

Saya berpendapatlah ia seharusnya dipanjangkan kepada backbencher juga dan mungkin Y.B. Dato' Speaker. Dato' Speaker juga seharusnya mengisytiharkan. Semua orang mesti mengisytiharkan. Saya percaya ia mesti dipanjangkan pada itu. Dan bukan sahaja itu, saya ingin Kerajaan Negeri kalau bolehlah, kita adakan satu *regulation* yang memerlukan semua Ahli Dewan Undangan Negeri mengisytiharkan termasuk Barisan Nasional. *Actually*, kalau mereka ada di sini, saya nak tanya mereka, mereka *dare to* isytihar atau tidak, tetapi mereka tak ada di sini, so saya tidak boleh tanya pun soalan itu. *Anyway* itu adalah permohonan saya, mungkin dapat dipertimbangkan untuk menguatkan lagi apa ini, Kerajaan CAT kita, kita akan extend kepada semua orang yang duduk di dalam Dewan yang mulia ini, mesti isytiharkan aset. Dengan itu Dato' Speaker, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih. Seterusnya Y.B. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Terima kasih Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan mengenai Ucapan TYT Yang DiPertua Negeri. Isu pertama yang ingin saya bangkitkan, Dato' Speaker adalah isu pasar. Isu pasar di Taman Hamna, Sungai Dua yang terletak di atas Lot 9117 Mk. 13 DTL. Persoalan saya, siapa dia SSI. *State Secretary Incorporated*, ini adalah satu syarikat yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan dahulu.

State Secretary Incorporated perlu telus dan dengan tunjukkan terma-terma perjanjian yang telah mereka masuki dengan HAMNA Sdn. Bhd. Apakah yang dirahsiakan? Apakah yang sebenarnya telah berlaku? HAMNA Sdn. Bhd., adalah satu syarikat yang telah masukkan pelan. Saya difahamkan telah masukkan pelan pada tahun 1996 dan 1997, tetapi tidak memenuhi *cooperative responsibilities* nya setelah pembangunan di kawasan itu diselesaikan.

Pelan yang diluluskan mesti diusahakan dalam masa 1 tahun, tetapi tidak ada apa-apa denda yang dikenakan ke atas syarikat HAMNA Sdn. Bhd., kerana tidak usahakan pelan itu, dalam masa yang ditentukan. Saya juga difahamkan HAMNA Sdn. Bhd. telah memasukkan dua (2) kali pelan. Dan pada satu (1) kali lagi, pada tahun sebelum ini, jadi perjanjian usaha sama harus dibongkar. SSI bukanlah *State Secret Service Incorporated*. Ia adalah

"State a company form by the previous ruling party " dan ...(dengan izin) lebih daripada dua puluh (20) tahun. Namun pasar yang perlu disediakan oleh HAMNA Sdn. Bhd., tidak di bina. Saya memohon bahawa Y.B. Bagan Jermal boleh mengulas secara terperinci mengenai perkara ini dan kenapa projek ini harus diberikan semula kepada HAMNA Sdn. Bhd., jika ianya benar. Dan saya juga percaya, kenapa SSI begitu dragging *their feet* dalam perkara ini. Sebab ini adalah satu *public social responsibility* yang perlu diselesaikan dengan segera.

Y.B. Dato' Speaker, isu kedua, pada tahun 2006, enam (6) tahun sebelum SUHAKAM telah mengesyorkan melalui satu *Panel Of Inquiry*. Bagaimana mengawal, mengurus sesuatu *Peaceful Assembly*. FRU dan Polis digesa menggunakan *International Standard* sebelum menggunakan kuasa atau *use of force* terhadap orang awam. Malaysia sebuah Negara yang maju, adanya vision 2020 disarankan oleh Tun Dr. Mahathir. Tetapi dalam perlaksanaan *International Standard* supaya digunakan oleh Polis adalah antara mahu dengan tak mahu oleh Menteri Dalam Negeri dan Perdana Menteri.

Di antara syor yang dicadangkan oleh SUHAKAM. Mereka telah mencadangkan supaya *Human Life* ..(dengan izin).

Should be respected and preserved. Itu syor yang pertama.

Kedua, *Everyone is allowed to participate in peaceful assemblies.*

Ketiga, *There should be no police interference except for the protection of the person participating.*

Keempat, *Police officer should exercise restraint in the exercise of force to minimize damage and injury.*

Kelima, *Law Enforcement Officers should minimize risk of injury to Non Participants and to the Uninvolved Person namely the general public present...* (dengan izin), Dato' Speaker.

Persoalan saya adakah pihak Polis telah mengamalkan cadangan SUHAKAM dari satu (1) hingga lima (5) di atas, di setiap lokasi perhimpunan dan juga kalangan kehadiran orang awam, semasa BERSIH 3.0 diadakan. Adakah pihak Polis telah mengambil kira fakta-fakta dan syor-syor cadangan SUHAKAM tahun 2006? Bagaimanakah gas pemedih mata digunakan? Bagaimanakah *water cannon* digunakan tanpa menimbangkan cadangan 1 hingga 5 di atas tadi? *The progression* ...(dengan izin), *of the use of force must comply with all the 5 stages recommended by SUHAKAM.* Tetapi pihak secara sengaja dengan *deliberate* tidak mengamalkan dan mereka juga tidak

appoint liaison officers. The police deliberately failed to display their name tags and their numbers onto their uniform, semasa rally BERSIH 3.0 Kenapakah ini berlaku? Menteri Dalam Negeri perlu bertanggungjawab ke atas ini dan kenapakah pihak Polis masih gagal dan ingkar belajar daripada kesilapan yang dahulu.

Untuk mempraktikkan tugas *good polishing*, adakah pihak polis mengamalkan *standard operating procedure* yang setaraf dengan *International Standard*, semasa perakaraan BERSIH 3.0. Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri juga Menteri Dalam Negeri tidak mengadakan apa-apa transformasi mengenai Polis. Perdana Menteri mengamalkan transformasi Polis yang masih serba kekurangan. *There is no better training by the police force in handling crowd ...*(dengan izin). Polis semuanya nampaknya tidur dan juga jadi pak turut sebagai *gangster* suruhan oleh Menteri.

Kenapakah ataupun bolehkah pihak Polis menembak gas pemedih mata di kalangan orang ramai, di kawasan padat dengan orang yang berpusu-pusu, tanpa ruang untuk bersurai dengan cepat? Polis tidak boleh tembak gas pemedih mata pada orang ramai yang sesak, sepanjang jalan yang padat dengan penduduk. Polis tidak boleh tembak gas pemedih mata ke arah *eye to eye level*, dan juga *body to body level*, kerana ini boleh mendatangkan kecedaran orang awam. Adakah sebarang amaran yang dikeluarkan oleh pihak Polis terlebih dahulu, sebelum penembakan gas pemedih mata ini. Di manakah siren Polis dan bilakah dibunyikan? Di manakah loceng FRU dan bilakah loceng dibunyikan? Siapakah pegawai yang memberikan arahan untuk loceng dibunyikan dan mengarahkan *water cannon* disembur dan gas pemedih mata ditembak? Polis sepatutnya tembak gas pemedih mata di kawasan yang tidak ada ramai orang awam. Polis perlu prihatin terhadap kehadiran rakyat jelata yang tidak berdosa dan bersalah, terutama sekali bila terdapat *All people from all walks of life*, termasuk kanak-kanak, wanita yang berusia dan juga OKU telah hadir pada BERSIH ke 3.0. Dan juga kegunaan *The Non Lethal Weapon is there*.

Ahli-ahli Berhormat, *Non Lethal Weapon* disediakan untuk pihak Polis adalah untuk *disperse crowd*, bukannya disediakan untuk Polis *attack crowd* di sana. Pihak Polis perlu belajar di antara *disperse crowd* dan juga untuk sama ada mereka *attack crowd* di sana. Para pemberita juga telah dipukul oleh Polis sehingga di masukkan ke hospital. Para peguam juga telah dipukul oleh Polis. Para pemerhati juga tercedera dipukul oleh Polis. Unit-unit Amal juga ditangkap dan dipukul oleh Polis. Ada juga Y.B. Kawasan dipukul oleh Polis dan disuruh tanggalkan baju T oleh Polis, seperti Y.B. Komtar telah pun membuat satu laporan Polis. Adakah negara kita telah menjadi satu negara Polis. Inilah dikatakan Malaysia Boleh! Polis Boleh! Semua Boleh! Tetapi kini rakyat menyoal Dataran Merdeka kepunyaan siapa? Adakah Dataran Merdeka kepunyaan rakyat ataupun kepunyaan DBKL? Perintah Larangan mahkamah

majistret yang melarang orang awam ke Dataran Merdeka tetapi Polis telah menyalahgunakan kuasa yang diberi di luar daripada kawasan Dataran Merdeka. Ini adalah salah guna kuasa, media TV1, TV2, TV3 tidak memberi liputan langsung mengenai perkara ini. Perintah Larangan Mahkamah Majistret yang melarang orang awam ke Dataran Merdeka juga tidak mengambil kira Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan. Orang awam telah pergi, yang telah pun ditangkap telah di bawa ke PULAPOL dengan risau dan khuatir terhadap ahli keluarga, mereka telah pergi ke PULAPOL kerana ada ahli keluarga dan rakan-rakan telah ditahan oleh Polis.

Pihak Polis tidak benarkan peguam masuk langsung kecuali *Commissioners* dari SUHAKAM. Apakah terjadi kepada *Rule of Law* di Malaysia? Apakah *Rule of Law* telah menjadi *Rule of the Jungle*. Apakah terjadi kepada hak asasi undang-undang yang termaktub di Artikel 5 dalam Perlembagaan Persekutuan.

Liberty of the person;

- (a) *No person shall be deprived of his life or personal liberty saves in accordance with law.*

(Dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, Seksyen 28 Kanun Keseksaan Jenayah CPC juga telah meletakkan "*Rights Of Person Arrested*". Saya memohon membaca seksyen 28(a) yang baru-baru telah pun di *amend* oleh Parlimen.

- (1) *A person arrested without a warrant shall be informed as soon as may be of the grounds of his arrest by the Police Officer making the arrest.*

Seksyen 28(a):

- (2) *A police officer shall, before commencing any form of questioning or recording of any statement from the person arrested, inform the person that he may:*
 - (a) *Communicate or attempt to communicate, with a relative or friend to inform of his whereabouts; and*
 - (b) *Communicate or attempt to communicate and consult with a legal practitioner of his choice.*

Semasa operasi BERSIH, bila Polis salah guna kuasa, adakah peruntukan yang diwajibkan di dalam Akta rakyat awam diberikan peluang ini. Undang-undang ini diluluskan oleh siapa? Kita perlu faham ini adalah undang-

undang Malaysia yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia. Takkan lah Menteri Dalam Negeri tidak tahu undang-undang? Beliau juga berkelulusan undang-undang. Perdana Menteri dan Menteri-menteri dan eksekutif yang buat undang-undang tetapi undang-undang ini telah diperkosakan demi kepentingan sendiri dan demi kepentingan pemerintah yang zalim. Tidak lain dan tidak bukan UMNO, Barisan Nasional.

Persoalannya, kenapakah Perdana Menteri sehingga hari ini tidak mahu menubuhkan *IPCMC (Independent Commission)*. Perdana Menteri jika telus dan bersih dengan ikhlas hati harus tubuhkan *IPCMC* dengan segera. Jangan bagi sogokan kepada rakyat melalui media MCA, The STAR bertarikh 3.5.2012 dengan *Lip Service* sahaja, dia kata *Yes To Panel*. Bila perkara itu berlaku, Menteri katakan *Yes To Panel*. Apa dah jadi kepada syor-syor yang di bawa oleh SUHAKAM.

Y.B. Dato' Speaker, sandiwara ini kita dah lama kenal. Sandiwara ini perlu dianugerahkan *Oscar Award* kepada pemerintah zalim ini. Cukuplah temberang 1Malaysia! Tipu 1Malaysia! Rakyat diperbodohkan. Cukuplah. Rakyat bukan bodoh, rakyat dah berani bangun dan melawan. Tetapi Barisan Nasional masih tidak sedarkan diri lagi. Tunggulah pilihan raya akan datang.

Saya merujuk kepada satu kes yang berlaku di Pulau Pinang di mana seorang lelaki India telah dibelasah oleh tiga puluh (30) orang anggota Polis semasa perayaan Thaipusam. Dan orang awam saya percaya pihak Polis tidak ada kuasa untuk pukul orang awam tanpa dia ditangkap, tanpa *statement* diambil, dia tidak ada kesalahan tetapi bila dibelasah oleh tiga puluh (30) anggota Polis, lelaki India ini pula diugut dan juga baru-baru ini tuduh di bawah seksyen 186 *Penal Code* "*for obstructing a Police Officer from executing his duties*".

Lepas dipukul tiga puluh (30) orang, lepas itu dia tanya, dia *obstruct* pula polis. Mana keseimbangannya. Satu orang boleh melawan tiga puluh (30) anggota Polis. Kes ini akan datang ke mahkamah. Bila tidak ada apa-apa kesalahan jenayah, pihak Polis tidak boleh membuat apa-apa tangkapan dan sebelum siasatan suspek tidak boleh dipukul oleh Polis. Di sini Polis heret *suspect* ini ke lorong gelap dan pukul suspek sampai pengsan dan menyebabkan suspek kehilangan seutas rantai emas yang dihadiahkan oleh ibunya. Ini tidak lain tidak bukan si mangsa telah membuat laporan Polis. Laporan perubatan daripada Hospital Lam Wah Ee pun dah sedia, tetapi si mangsa tidak mempunyai apa-apa laporan Polis ataupun FIR dari Polis terhadapnya mengenainya apa jua kegiatan jenayah. Apakah salah dia? Masa depan si mangsa seorang warga India begitu dicemarkan.

Walau bagaimanapun minum arak bukannya satu kesalahan jenayah yang membolehkan pihak Polis membuat apa-apa tangkapan dan selepas itu pukul seorang suspek sampai pengsan di lorong yang gelap. Seksyen apa yang memberikan kuasa kepada Polis supaya boleh pukul mana-mana suspek. Apa-apa penahanan salah dan sia-sia terhadap si mangsa yang berunsur fitnah, salah guna kuasa yang rakus ini harus di siasat dengan rapi dan terperinci agar orang awam, rakyat Malaysia yang tidak berdosa tidak akan dimangsakan di masa hadapan berdasarkan satu persepsi silap oleh seorang anggota tertinggi Polis.

Rakyat awam masyarakat India dan masyarakat tempatan telah membantah atas penahanan salah dan kesan buruk terhadap tangkapan si mangsa. Si mangsa telah mengalami kecederaan dan kecederaan ini telah diakibatkan oleh pegawai Polis PDRM iaitu tak lain tak bukan Ketua Narkotik di Pulau Pinang.

Saya dengan lantang, mengusulkan supaya IGP yang tidak tahu mengendalikan *a peaceful assembly*. Menteri Dalam Negeri dan juga Perdana Menteri harus letak jawatan. Jangan jadi macam Y.B. Telok Bahang, pecah kuil Hindu, tetapi tidak mahu memohon maaf kepada kaum Hindu sehingga hari ini. Saya kesian dengan Y.B. Telok Bahang. Kalau diluahkan mati bapak, kalau ditelan mati emak. Bila lagi Barisan Nasional nak belajar. Di tipu 1Malaysia dengan konsep 1Malaysia. Barisan Nasional kurang arif. Jangan jadi kurang arif dan kurang belajar dalam isu perkauman. Barisan Nasional kena belajar '*Ministerial Responsibility and Accountability*' as a Minister, you cannot say, 'you are responsible but you are not accountable'. Ini slogan UMNO Barisan Nasional.

Slogan kita, slogan PAKATAN as a Minister, 'Yyu are responsible and accountable'. Rakyat mahukan pilihan raya yang bersih dan telus. Setiap rakyat ada hak mengundi menurut Perlembagaan Persekutuan. *One Man, One Voice, One Vote*. Ini adalah asas prinsip demokrasi. Bukan sahaja pengundi hantu yang ada di dalam senarai daftar pemilih SPR yang dihalalkan oleh Kerajaan UMNO Barisan Nasional dan menterinya.

Barisan Nasional menggunakan ejen yang sah iaitu SPR, Jabatan Pendaftaran Negeri, PDRM, Imigresen untuk menghalalkan Mykad kepada warganegara asing supaya mereka juga diberikan hak mengundi. PDRM dijadikan anjing suruhan. Semasa perhimpunan BERSIH pada 28.4.2012 di Kuala Lumpur, Polis bertindak kasar dan *strike* tanpa alasan dan amaran. Perdana Menteri kita kata, Polis *has no physical contact with crowd*, tetapi hakikatnya Polis bertindak sebagai gangster upahan yang dibayar gaji dari *Tax Payers Money*.

Sempena Hari Media Sedunia pada 3hb. Mei 2012, hak media juga perlu dilindungi. Polis halang media. Media tidak diberikan kebebasan untuk melaporkan fakta sebenar yang berlaku. PDRM telah rampas kamera pemberita. PDRM telah rampas *card memory* mereka. PDRM rampas pita rakaman pemberita-pemberita.

PDRM mengugut pemberita daripada membuat laporan dan liputan di situ. ASTRO dan TV3 mengedit gambar terbaru, fakta yang benar diputar-belitkan. Apabila orang awam bercakap dengan Polis, *baton* yang ditunjukkan. Rakyat dcederakan, rakyat dilukakan dan rakyat menitiskan darah. Lepas itu, Polis menyarung kain ke atas kepala si mangsa untuk menutupi pendarahan. Rakyat awam nampak keganasan Polis dan menitiskan air mata. IGP mengatakan jikalau ada salah laku Polis, sila buat laporan Polis. Persoalan saya, adakah Malaysia satu Negara Polis? Polis semestinya jaga rakyat, bukan sebaliknya.

Dahulu slogan Polis, Saya Anti Rasuah. Sekarang, slogan Polis Integriti. Persoalannya, di manakah integriti Polis? Nak cari integriti Polis, carilah di sampah sarap 1Malaysia. Barisan Nasional kata, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Ini satu pembohongan. BN sebenarnya, memperbodohkan rakyat. Kronisma diutamakan dan wang rasuah menjadi amalan hidup. Hakikatnya, rakyat ditipu oleh BN. BN pula kata, rakyat ditipu oleh pembangkang, tetapi hakikat sebenar 1Malaysia adalah tipu tipu 1Malaysia, tipu-tipu rakyat jelata, lepas tipu dan sapu 1Malaysia.

Persoalan saya, *what is the role of the government in power?* Rakyat bagi kuasa kepada BN, tetapi kuasa digunakan untuk melukakan dan mencedera Polis? Dataran Merdeka adalah untuk memerdekakan rakyat. Jika rakyat dilarang memasuki Dataran Merdeka berdasarkan satu perintah mahkamah, dan majistret yang memberikan Perintah itu, lantang tidak mengetahui dan tidak faham. Akta 10 Perlembagaan Persekutuan:

- (a) *Every citizen has the right to freedom of speech and expression;*
- (b) *All citizens have the right to assemble peaceably and without arms;*
- (c) *All citizens have the right to form associations.*

Inilah yang telah kita amalkan pada 28hb. April 2012 yang lalu. Demokrasi hak asasi, BN tak kasi. Kami sokong polisi PAKATAN, rakyat hidup bermuafakatan, Pakatan menang lima negeri, BN rampas Perak satu negeri. Pemerintah Pakatan beli kereta Camry, Kereta Camry dijual Zamri. Keputusan mahkamah tak dipedulikan. Apa akan jadi bila Pakatan menang semua negeri?

Kalau tsunami, Y.B. pun tak dikenali. BN sombong, kalah dan rugi. BN janganlah berperangai *supremacy*. Pakatan bukan untuk orang berpangkat tinggi. Pakatan untuk semua rakyat *primacy*, setiap Y.B. dan MP, kerja kuat dan berani. Jangan lupa diri, jangan ikut Y.B. Zulkifli, jangan ikut Y.B. Hassan Ali, jangan ikut Bhupal Gopala, Zaharin. Yang Berhormat yang boleh dijual beli, hak asasi jangan diperkosai lagi, kita bersatu memastikan PAKATAN menang hingga ke Putrajaya. Sekian saya memohon.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan Y.B. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian ucapan terima kasih T.Y.T. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membawa satu perkara iaitu di surat khabar baru-baru ini ada Ahli Majlis MPPP mengumumkan pada 1hb. Mei 2012 akan tamatkan guna *polystyrene* di surat khabar. Tapi saya difahami ada banyak kekeliruan oleh semua rakyat dan penjajah, mereka di Pulau Pinang selalu kata ada satu *company* kata dia punya *polystyrene* berwarna ini..... (tunjuk *polystyrene*), boleh digunakan dan bagi ini satu serupa sijil kepada semua penaja kata dia punya *polystyrene* boleh digunakan dan bekas ini dia lepas guna Kerajaan Tempatan kena cari satu tempat untuk menanam dua tahun dan kemudian dia menjadi cecair. *Is this that*, ini bekas boleh masih digunakan? Pasal dia kata dia kena cari satu tempat menanam dua (2) tahun, kemudian dia perlu jadi cecair, *this is polystyrene*. Kalau saya difahami kemungkinan mereka dari putih hanya tukar warna sahaja, *they change colour only*, tukar warna sahaja.

Oleh itu saya harap Kerajaan Negeri kita boleh terus menghentikan untuk semua *polystyrene* tak kira apa warna punya atau pun ada apa-apa sijil. Kerajaan Negeri kita mahu di Pulau Pinang, kita kena berhenti *polystyrene* pasal *polystyrene* tidak boleh dikitar semula. *Polystyrene* adalah satu cecair daripada petroleum, oleh itu tak boleh *recycling*. Dan lain-lain benda seperti daripada kadbod atau daripada kertas *cardboard* ataupun plastik boleh semua boleh *recycling*. Dan boleh *recycling*, kita tidak payah cari satu tempat untuk menanam ini sampah-sarap semua. *We can recycling*, kemungkinan satu hari nanti kita punya rumah guna punya sampah, kita boleh jadikan baja. *I means be came* baja, kita boleh jual di luar negara atau bagi kita punya petani guna as sebagai baja. *I means* dia jadi baja. *We want the* sampah *became* baja. *That means you cannot have the polystyrene*. Kalau ada *polystyrene* dia tak boleh jadi baja. *Then* kalau ada *polystyrene* kena ada satu surat dia kata kena menanam dua (2) tahun, *that means you* kena cari satu tempat Pulau Burung untuk satu terma untuk menanam dan kemudian dua tahun dia belum jadi

cecair. Tapi tidak ada sesiapa tahu dua (2) tahun dia boleh jadi cecair *or not. Nobodys no*. Oleh itu saya harap tak kisah apa warna punya *polystyrene, we have to band the polystyrene*. Untuk menjayakan kita punya *Cleaner Greener Penang*.

Y.B. Dato' Speaker, saya nak bangkitkan perkara di kawasan saya, iaitu masalah di rumah pangsa Taman Serina. Rumah pangsa Taman Serina, dia ada 300 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. *I means* 125 unit rumah pangsa kos rendah dan 175 unit rumah pangsa kos sederhana rendah. Dan harga yang dijual dengan harga RM42,000.00 dan RM69,000.00 dan rumah pangsa Taman Serina dibina di tanah kerajaan di Lot 822, 824 dan 825 Seksyen 9, George Town. Tanah yang seluas 7.157 ekar dan Kerajaan jajahan Barisan Nasional, mereka bagi kepada satu syarikat swasta, pemaju swasta iaitu Syarikat Pembinaan Kasporat Sdn. Bhd. Kasporat kita pun tahu ini semua pemaju UMNO lah.

Kemudian bagi mereka tanah ini, mereka bina Serina Bay iaitu Apartment 700 unit dan harga jual RM120,000.00. Dan pada hari ini kita menghadapi banyak masalah, lepas penghuni-penghuni pindah masuk ke rumah yang dan lepas tempoh kecacatan, *means the guaranty period over* dua (2) tahun sebenarnya lapan belas (18) bulan dan kemudian tambah enam (6) bulan jadi dua (2) tahun tamat pada tahun 2010 Februari. Tempoh kecacatannya. Dan penghuni mula minta bantuan daripada pejabat saya dan juga berjumpa dengan saya banyak kali, mereka membangkitkan perkara-perkara iaitu tempoh waktu yang dibina di sepanjang tangga dan koridor.

Semua hanya 34 inci, *I means* 0.86 meter sahaja dia punya tinggi, begitu tinggi sahaja. *I means* semua orang penduduk mereka tinggal di sana dan mereka lalu di koridor mereka tengok ke bawah serupa, mereka rasa jantung yang nak terkeluar, serupa jantung mahu jatuh ke bawah. *Because* dia terlalu rendah *when you go* dekat, *you* rasa jantung mahu keluar. Banyak bahaya, dia tak cukup tinggi dia punya tembok dan kalau budak nakal bermain kemungkinan besar mereka akan terbang dan terjun ke bawah. *The safety* punya masalah. *I means* ini pemaju dari UMNO dia tak jaga penghuni punya keselamatan, suka-suka bina *do know that* mereka ada ikut spek atau tidak. Kalau saya pergi ke lain-lain rumah pangsa, saya rasa tembok yang mereka juga boleh sampai saya punya perut, begitu tinggi. *But* di Taman Selera hanya 0.86 meter sahaja, *very low*. Lain-lain tempat *you* tengok sampai perut, *its the different* mengapa boleh bina? Kerajaan Barisan Nasional boleh *approve this thing*.

Y.B. Dato' Speaker, lagi ada satu masalah kebocoran di setiap unit sampai dinding nampak air menitis. Kadang-kadang bila atas punya rumah unit atas, mereka nak pindah masuk, mereka cuci rumah sahaja, rumah di bawah seperti dilanda hujan. Air akan menitis melalui *ceiling*. *That means* atas

punya unit dia tak boleh guna air cuci lantai, ada habuk pun *you* tak boleh cuci lantai, *you* kena guna mop atau kain cuci lantai bagi bersih sahaja. *It means* orang yang pindah rumah baru tak boleh guna air, cuci semua habuk, bila *you* cuci habuk saja *you* boleh nampak *ceiling* ini putih, dia boleh nampak semua air, *this quality of house*, masalah dia punya macam itu.

Ini masalah lif. Masalah lif dia punya dua (2) lif pula sebenarnya dia punya muatan adalah tiga belas (13) orang, tetapi selalu lif ini hanya boleh lapan (8) atau tujuh (7) orang masuk sahaja, belum sampai had lagi, lif dah turun, *that means* lebih dari lapan (8) orang, lebih satu (1) orang dia punya lif sudah turun. Dia punya masalah, adakah kemungkinan dia punya kabel kita pun faham lif-lif memang dia ditarik dengan kabel dan kalau lif yang serupa KOMTAR begitu tinggi punya lif mungkin dia ada lebih kabel, enam puluh (60), enam puluh dua (62) kabel, atau yang terendah mungkin lapan kabel sahaja. *I do know that* Taman Serina dia punya kabel berapa, kemudian dia punya kabel duduk di atas *holly*, then the *holly pull the cable, up and down*, sini naik sini turun, kemungkinan dia punya kabel kurang, serupa KOMTAR *I can tell you*, kita boleh pergi tengok KOMTAR mungkin dia ada 64 atau 32 *cable* sekali dia tarik. *That's why* ini adalah keselamatan penduduk di sana, oleh itu saya bangkit perkara ini, saya harap Kerajaan Negeri kita boleh buat siasatan dan buat semakan dan cari satu jalan untuk menyelesaikan masalah lif ini. Walaupun ini projek ini di zaman penjajahan Barisan Nasional, mereka yang buat sampah, sekarang kita kena sapu sampah sahajalah. Dia punya sampah kita kena sapu.

Y.B. Dato' Speaker, lagi ada satu masalah iaitu *motor room*. Dia ada *motor room* di tingkat bawah dan tingkat 13. *That's mean* dia kena pam air dari tingkat bawah ke tingkah 13 kemudian tingkat 13 pam ke bumbung *that means* tingkat 25 atau 26, bumbung di 26 dan bila dia punya motor jalan pam air, dia punya *vibration*, gegarannya sangat kuat. Kadang-kadang, dia punya motor tidak ada orang datang *maintenance*. Dia punya gegaran serupa gempa bumi, *that's mean* dari dia punya tingkat 13, 12, 11 dan atasnya semua boleh rasa dia punya motor pam air punya jam *you* boleh *vibration* banyak kuat. *This is a quality, that's mean* mereka hanya mahu cari untung sahaja. Ini pemaju UMNO sahaja, tak buat, tak jaga dia punya *quality*, dia punya mutu.

Y.B. Dato' Speaker, lagi ada satu masalah iaitu masalah tempat letak kereta, memang tempat letak kereta tidak cukup, pasal ini ada rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana rendah, ini adalah kerana pemaju kata dia ada ikut Kerajaan yang telah menghadkan iaitu bagi rumah pangsa kos rendah, empat unit hanya kongsi satu tempat letak kereta sahaja. Dan bagi kos sederhana rendah, lima unit rumah, kongsi tiga tempat letak kereta dan penduduk terpaksa letak kereta mereka di tepi jalan. Dan jalan pun terlalu sempit pasai jalan ini pun terlalu sempit, selalu mereka kena saman Polis. Kalau tak *park* di tepi jalan, dia mahu masuk ke dalam tak cukup *parking* dia

double parking atau pun *park* di lain-lain kereta di depan selalu menghadapi kegaduhan, ada kadang-kadang mereka selalu *park* dia selalu tarik *handbrake* sahaja, kereta tidak boleh tolak. *That's mean* kereta di dalam tak boleh keluar. *This is the* masalah, kerana ini kita punya kereta potong proton saga dan kereta proton saga selalu kita mahu jual ke luar negara, banyak susah nak eksport ke luar negara. Oleh itu Kerajaan kita buka bagi semua orang boleh mampu beli kereta, tak payah *down payment*, *you* pun boleh keluar satu kereta. Oleh itu semua penghuni banyak senang, tak payah *down payment*, *sign* sahaja. Pinjaman sahaja. *That means you can* keluar kereta oleh itu, any masalah *parking we have to take care* ini masalah, oleh itu saya harap ini masalah yang saya bangkit, saya pun harap walaupun kita kena sapu sampah dari jajahan Barisan Nasional, mereka yang buat punya sampah kita kena sapu sampah, kita pun kena selesai masalah yang saya bangkit pada hari ini.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga nak sentuh berkenaan dengan janji di pilihan raya 2004 berkenaan dengan Telco di Bakau Street. Yang dia punya tinggi 200 kaki, yang dibina di zaman jajahan Barisan Nasional pada 2007. Dan mereka bina kemudian bantahan penduduk dan mereka tidak beroperasi. Dan ini adalah PDC Telco yang dibina pada zaman Barisan Nasional dan ini kerugian RM750,000.00, pasal dia bina setiap tahun kalau tak guna dia kira sekali. Kerugiannya RM150,000.00. Pada tahun ini, 5hb. Januari 2012 kita pun menunaikan janji kita. Ini adalah janji kita pergi roboh itu Telco. Oleh itu Telco ini pun sudah roboh dan saya harap kalau Kerajaan atau PDC Telco nak bina apa-apa Telco, dapatlah daripada penghuni atau rakyat kita. Mereka setuju atau tidak setuju, baru bina, jangan serupa Barisan Nasional. Mereka bina dahulu, rakyat bantah, tak guna. tinggal di sana, kerugian siapa rugi? Rakyat rugi, duit rakyat, PDC punya duit pun Kerajaan punya duit. Oleh itu saya bangkitkan di sini kalau nak bina Telco pun harus dipertimbangkan, cari tempat yang sesuai.

Y.B. Dato' Speaker, perkara yang terakhir saya nak bangkit pada hari ini iaitu, pada 25hb. April 2012 baru-baru ini, *sorry the date is* 26 April 2012 yang lalu, Timbalan Perdana Menteri datang ke Pulau Pinang, bila datang ke Pulau Pinang, beberapa jam sahaja ke Pulau Pinang, tetapi di sekeliling kawasan iaitu di Persiaran Mahsuri, saya terima banyak aduan daripada penduduk. Mereka buat aduan kata berapa jam sahaja Timbalan Perdana Menteri guna itu tempat, tapi kita kena menghadapi gangguan enam (6) hingga tujuh (7) hari. Mahu keluar kena pusing sini, pusing sana. Ini semua mengapa mereka boleh buat begitu? *I think* surat khabar pun ada keluar berita, mereka tak puas hati. Penduduk semua tak puas hati ini perkara, kita Kerajaan Negeri boleh bagi mereka *just* mahu tutup jalan, tutup jalan tetapi di BERSIH, ada Perhimpunan BERSIH di Kuala Lumpur, mereka tak mahu bagi rakyat masuk ke Dataran Merdeka, mereka pun suka tutup jalan. Mungkin ini tutup jalan adalah Barisan Nasional yang selalu suka tutup jalan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan. Yang Berhormat, ini adalah kawasan saya. Jadi saya kena cakap sikitlah. Tahukah Yang Berhormat bahawa sekarang Barisan Nasional tengah *attack* Pakatan Rakyat bahawa kita tak bagi mereka buat program, di mana-mana kawasan, dewan komuniti ke kita tak bagi. Tapi tahukah Yang Berhormat, sebenarnya apa yang berlaku adalah mereka buat sahaja program tanpa ada sebarang permit. Tapi tahukah Yang Berhormat apa yang sebenarnya kami di Kerajaan Negeri, tidak ada masalah memberikan mereka untuk buat program, cuma tolonglah hormati tuan rumah *submit application*, itu sahaja yang kita minta.

Kedua, apabila kita tahu bahawa mereka buat program, kita pergi minta penjelasan, kita pula diasak, apabila saya dengan Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim, Y.B. Tuan Lim Hock Seng pergi turun ke sana, satu kumpulan UMNO keluar. Begitu garang sekali dan nyaris-nyaris nak tumbuk kita, saya dengan Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim, dengan Y.B. Tuan Lim Hock Seng. Beginilah keadaannya, inilah politik yang begitu ganas, politik yang *threatening* kepada penduduk Pulau Pinang. Dan terutamanya wakil rakyat, apa salahnya kerana saya bertanggungjawab, saya terima banyak emel, saya terima banyak aduan, bahawa tempat ini ganggu jalan. Jadi saya turun untuk tanya apa masalah tersebut, tolonglah *apply* kepada kita supaya kita boleh bincang dan kita atur *facilitate* program tersebut dan inilah menunjukkan sikap mereka sekarang mereka kata kita tidak beri mereka buat program.

Semalam saya hendak ambil satu contoh lagi, semalam kita buat program di Lip Sin, kita pergi sana buat program, program kita melalui Dewan JKKK mempunyai permit dan sebagainya, tetapi mereka datang mengoyakkan *banner* kita, dia pasang bendera UMNO dan Barisan Nasional di hadapan tapak program, beginilah sabotaj mereka. Jadi saya hendak tanya di sini apakah bahawa sebenarnya siapa yang mangsa, sebenarnya kita yang jadi mangsa, sebab kita hendak buat program pun mereka kacau dan sabotaj. Inilah persoalan dan saya baru terima daripada surat khabar Star, kita pergi sana, pemimpin UMNO, Dato' Ridzuan datang sini asak kita dengan Y.B. Malik di sini, nyaris-nyaris hendak kena tumbuk, pemberita pun rasa terlalu *worry for our safety* selepas mereka datang mengganas di situ, inilah Y.B. Sungai Pinang saya minta kalau boleh komen sikit, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya minta laluan, terima kasih Yang Berhormat Dato'. Saya baru masuk ke Dewan jadi pertamanya saya tertarik kita berbincang, saya guna istilah samseng-samseng UMNOlah dan saya selalu mengatakan samseng UMNO, walaupun ditegur beberapa kali oleh Y.B. Dato' Speaker, tetapi

perkara-perkara seperti begini menunjukkan bahawa dulu kini dan selamanya amalan oleh UMNO, bukan sahaja oleh UMNO, saya juga membawa ke Dewan yang mulia ini kejadian yang berlaku di Pejabat Y.A.B. Perdana Menteri, kaki pukul genster MIC yang turut mengamalkan pelakuan yang sama di mana Ahli-ahli PKR telah membawa seorang gadis yang tidak dapat menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mendapat bantuan daripada Pejabat Perdana Menteri. Di situ kaki pukul MIC juga berada lebih kurang 100 orang menghalang anggota-anggota PKR termasuk N. Surendran, Timbalan Ketua Nasional, Naib Presiden PKR di mana anggota-anggota PKR dihantam, dipukul sampai dibelasah, ada yang mengalami kecederaan di mata yang berdarah. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa amalan oleh Barisan Nasional, kalau tidak boleh menang pilihan raya, mereka memang akan membuat perkara-perkara yang tidak senonoh, sehingga akan mengganggu gugat ketenteraman.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin juga menyentuh di sini, teori yang berlaku semasa bersih, kaki pukul macam ini Ahli-ahli UMNO, MIC mungkin MCA juga terlibat, yang sebenarnya kacau ganggu di perhimpunan tersebut, kita lihat dalam semua adengan-adengan dalam *Youtube* tidak ada pun yang memakai baju kuning yang memukul, semuanya yang memukul adalah memakai baju biasa, cuma perkara itu yang saya ingin menambah, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Terima kasih kepada Ahli Seri Delima dan Pantai Jerejak memang kita pun faham, UMNO itu memang mereka adalah, Ketua Pembangkang pun pernah membangkitkan di Dewan dia ada askar-askar tiga *line*, memanglah itu kita pun tahu mereka akan guna orangnya dan pada 26 haribulan kita nampak itu adalah satu sejarah di *Esplanade* kita pun nampak. Kalau Ahli PPS tidak tahan Y.A.B. Ketua Menteri kita mungkin kena pukul di *Esplanade* di *speaker square* pada petang itu, nasib baik PPS kita tahan tidak mahu memberi mereka masuk, sehingga kenderaan Y.A.B. Ketua Menteri hendak keluar tidak boleh keluar, tunjuk kakilah, tunjuk kasutlah, buka kasut tunjuk kasut dan tunjuk kaki sampai kereta hendak keluar dia buat serupa macam dia sudah cedera dan tidur di hadapan kereta.

Sampai akhir saya pun panggil semua orang, tidak mengapalah kalau dia hendak tidur dan dia kata dia sudah luka dan pengsan, tidak mengapalah saya menyuruh membawa dia ke tepi, apabila hendak mengangkat dia ketepi, dia pun segera boleh lari mengapa, ini betul-betul samseng UMNO, mereka yang boleh buat saja, *how can this kind of thing can happen* boleh kejadian di *Esplanade* kita ada *speaker square* di sana, ada satu *corner* tempat untuk semua rakyat boleh bersuara hanya dua hari, iaitu Rabu petang dan Ahad petang bagi semua, macam Kerajaan kita mahu ada lebih demokrasi di Pulau

Pinang. Kita ada satu tempat untuk semua orang boleh menyuarakan, tetapi mereka pergi ke sana membuat kacau bukan pada 26hb. Februari saja, setiap hari Ahad mereka datang dengan menaiki motornya dan kalau ada sesiapa berucap dia naik motor, turun dan membuat bising, mungkin dia punya motor besar, masuk ke padang naik sana, naik sini membuat gangguan, setiap hari Ahad mesti ada gangguan, ini dua tiga minggu saya tidak pergi tengok, oleh itu saya tidak tahulah masih ada mereka membuat kacau atau tidak.

Lepas 28 haribulan saya tidak pergi tengok selalu, saya ada di sana mesti ada gangguan. Ini tempat *Speaker Square* untuk semua orang ada peluang untuk menyuarakan tetapi mereka datang membuat gangguan, oleh itu saya harap perkara ini Kerajaan kita, mungkin kita harap Polis boleh hantar pegawai setiap minggu ke sana untuk menjaga keselamatan rakyat yang hadir pada *Speaker Square*, Y.B. Dato' Speaker, sekian ucapan saya, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan kita akan bersidang semula pada jam 2.30 petang ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.35 tengah hari.

Dewan disambung pada pukul 2.40 petang.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan sidang semula. *Point of order* ada. Peraturan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l Subramaniam):

Peraturan. Y.B. Dato' Speaker, tadi saya ada telah menggunakan satu perkataan semasa perbahasan, saya mohon menarik balik, saya tidak mahu PDRM jadikan orang upahan dan juga sebagai orang suruhan. Jadi saya pohon untuk menarik balik perkataan yang telah saya gunakan iaitu perkataan 'anjing'. Saya minta maaf dan saya mohon tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man):

Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama dalam Persidangan pada kali ini dan mengucapkan terima kasih kepada T.Y.T. Tun merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas Negeri Pulau Pinang pada 30 April yang lalu.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. (Membaca Selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W.). Sebagai pembuka kata pada persidangan ini ingin saya memetik sebuah kiasan berhubung seseorang pemimpin memandangkan waktu semakin pendek sepertimana pilihan raya semakin dekat. Yang didahulukan selangkah. Yang ditinggalkan seranting, yang dilebihkan serambut yang dimulihkan sekuku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada persidangan yang lalu juga apabila saya bangun berucap rakan-rakan daripada pembangkang ramai yang tidak hadir pada hari ini, semua tidak hadir. Apakah ada peruntukan peraturan tertentu dan saya pun bila cakap pembangkang tidak ada, agak terkedul dan mungkin suasana perbahasan ini tidak nampak begitu panas.

Walau bagaimanapun apa yang telah dibangkitkan rakan-rakan kita sebelum ini dan banyak dipersoalkan pertanyaan khususnya kepada Ketua Pembangkang bila akan berlakunya pilihan raya umum sehingga Ketua Pembangkang menyatakan dia pun tidak tahu. Dan bagi saya tidak pelik kerana dia tidak tahu. Yang kita rasa semakin pelik bila Perdana Menteri sendiri pun tidak tahu bila berlakunya pilihan raya. Yang tahu hanya seorang sahaja. Jadi bila berlaku perletakan jawatan menteri wanita maka diambil alih oleh Perdana Menteri menjawat jawatan menteri wanita. Selepas daripada itu berbagai-bagai kedengaran berbunyi. Apa dah jadi, sehingga baru-baru saya pergi ke Johor, ramai penduduk johor kononnya di Johor ini UMNO yang paling kuat dan UMNO ditubuhkan di Negeri Johor. Mereka menyatakan kalau dalam keadaan Perdana Menteri tidak boleh menentukan bila akan berlakunya pilihan raya orang Johor menyatakan sekarang bukan Perdana Menteri Tun Najib tetapi Najimah. Itu betul atau tidak itu orang Johor kena jawab.

Jadi kita rasa dalam keadaan pada kali ini pun Malaysia kedudukan dia tidak begitu selamat, apabila media massa baru-baru ini bahkan di televisyen menayangkan gambar-gambar yang tak sepatutnya ditayangkan dan tempat-tempat umum, tempat-tempat awam juga kita rasa tidak selamat. Nak pergi bilik air, nak masuk tandas pun kita kena guna payung sekarang ini. Takut-takut ada CCTV untuk ambil kesempatan dan kita cukup rasa bimbang apatah lagi di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat ini memang sentiasa ada dikalangan

mungkin pihak-pihak tertentu ikut ke mana mereka pergi dan mungkin jadikan bahan utama bila menjelang pilihan raya akan datang ini. Ini kita rasa cukup bimbang dan sudah tentulah penglibatan semua pihak menangani hal-hal seumpama ini supaya tidak berlaku lagi di masa-masa akan datang.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga tertarik dengan apa yang telah dibincangkan oleh rakan-rakan khusus berkenaan dengan perhimpunan BERSIH dan hari ini saya pada hari ini nak masuk tadi baru tertengok muka depan Berita Harian menyatakan Majlis Fatwa mengharamkan perhimpunan ataupun demonstrasi. Jadi saya pun sebelum ini pun Majlis Fatwa membuat Fatwa bahawa merokok adalah haram. Hari ini demonstrasi juga adalah haram. Di sudut mana yang dikatakan haram itu.

Bagi kita perhimpunan di kalangan Islam memang dituntut. Setiap waktu kita dituntut sembahyang berjemaah, setiap minggu juga kita dituntut lebih daripada 40 orang kena sembahyang Jumaat, setiap tahun sembahyang Hari Raya himpun lagi ramai, bahkan di musim Haji lagi ramai, ada jutaan orang akan sampai 300 juta orang berhimpun di Mekah. Ini demonstrasi. Kita berhimpun di Dataran Merdeka, walaupun kita tidak masuk di Dataran Merdeka, tetapi kita hanya duduk buat bantah, apakah itu hukumnya haram. Adanya hukum-hukum Feqah berlakunya kematian, dalam bab hukum Feqah disebut dalam Feqah menyatakan tidak wajib talkin kepada orang yang mati. Tidak wajib itu bukan tidak boleh buat, cuma buat boleh, tidak buat pun tidak apa. Di sudut hukum walaupun ada perkataan wajib. Begitu juga demonstrasi. Kita hanya duduk, dan buat bantahan, bukan kita bawa pun, yang kita bawa garam sahaja. Kita bawa garam dan sebotol air dan kita masukkan ubat. Untuk dapatkan sedikit perlindungan sebab pada pengalaman kita yang lalu. Ini berlaku, sebab saya dua tiga hari itu saya tidak mahu komen apa, sebab saya dok tengok dalam TV dalam surat akhbar PERDANA ini dok cerita dok sebut, macam itu, macam ini, saya tahu sebab saya sendiri terlibat dalam perhimpunan tersebut.

Saya nampak paling ketara gagalnya Kementerian Penerangan dalam hal mendidik hal masyarakat dalam hal budi bahasa. Sebab bila saya bertemu dengan pihak keselamatan ini, di antara ucapan-ucapan yang tidak sepatutnya saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, untuk menimbulkan kemarahan semua orang. Saya bertembung dan saya sendiri berhadapan dengan pihak keselamatan dia kata macam-macam bagi kita jadi perompak ini dia buat berbagai-bagai tindakan supaya kita juga ambil tindakan, pada hal kita berhimpun duduk dan bukan ada apa pun.

Yang saya sebut tadi, kita hanya bawa garam dan sebotol air sebab pengalaman himpunan 1.0 dan himpunan 2.0 memanglah dengan gas-gas pemedih mata ini memang kita sudah merasai selama ini. Tetapi kali ini hebat, lebih dahsyat dan ada di kalangan rakan-rakan kita sampai muntah hijau. Ada

juga sahabat saya ini dia orang tembak dengan gas ini dengan peluru, kena kelongsong peluru gas, ini kena betul-betul mata sekarang berada di Hospital Bukit Mertajam. Kelongsong besar ni, kena kepala mata kita pun menjunam jatuh juga. Saya pegang kelongsong itu, jadi bila saya terlibat langsung, bila gambar di *highlight* melalui televisyen melalui akhbar yang dikuasai Kerajaan ini, sedikit pun tidak melambangkan keadilan yang sebenar-benar berlaku di Dataran Merdeka.

Kita cuma berhimpun duduk dan buat bantah. Itu sahaja dan bila dipaparkan kenderaan polis diterbalikkan, di terbalikkan dengan sebab untuk dapatkan ataupun menyelamatkan seseorang yang duduk di bawah kereta. Tujuannya yang itu, menyelamatkan seseorang duduk di bawah kereta apabila Polis terus dengan kelajuan yang ada sehingga dua (2), tiga (3) orang terkena, sehingga salah seorang termasuk bawah kereta, itu di antara diberi pertolongan pihak atau mereka yang berhimpun pada ketika itu.

Satu lagi yang dapat kita tengok, kita pakai baju kuning. Kita juga menyediakan pakaian baju kuning dan ditulis BERSIH, di waktu yang sama difahamkan pihak keselamatan juga tempah buat baju kuning juga. Kita pakai, dia orang pakai, cuma ada kain putih lilit kepala. Itu polis, yang ada lilitan putih itu Polis. Dia orang itu banyak buat provokasi, pengalaman yang lalu. Jadi pengalaman-pengalaman itu bila kita tengok apatah lagi dua (2), tiga (3) hari ini Perdana Menteri menyatakan bahawa himpunan ini seolah-olah menjatuhkan Kerajaan. Memang tujuan kita berhimpun secara aman nak menjelaskan bahawa kita minta SPR supaya dalam keadaan bersih melakukan dalam pilihan raya ini yang terbaik, kita nak yang itu, supaya SPR ini bersih, dalam pilihan raya yang akan datang bersih. Kenapa Perdana Menteri menyatakan bahawa tujuan himpunan itu untuk menjatuhkan Kerajaan yang ada. Jika itu yang dia kata, itulah yang digambarkan 350,000 ribu orang pada hari itu.

Y.B. Dato' Speaker, kita dalam Pakatan Rakyat ini sudah empat (4) tahun memerintah nak berbanding dengan Barisan Nasional 54 tahun. Bermakna kita baru empat (4) tahun, dia 54 tahun. Dia hentam kita berbagai-bagai fitnah, berbagai-bagai hasutan kepada masyarakat, di kalangan rakyat di Pulau Pinang khususnya ini, seolah-olah Pakatan Rakyat ini macam tidak buat apa. Mungkin sebelum 2008 kita tidak boleh nak bayangkan, dan nak jelaskan kepada rakyat apa yang dilakukan, setelah kita mencapai empat (4) tahun pemerintahan, banyak perkara yang boleh kita perelaskan kepada rakyat, masyarakat apa yang kita buat sepanjang dalam tempoh masa empat (4) tahun ini.

Dalam masa empat (4) tahun yang kita buat ini UMNO Barisan Nasional dalam keadaan mereka gelabah, tidak senang duduk dengan sebab mereka masih tidak boleh mempercayai mereka ini pembangkang. Mereka tidak boleh

menerima hakikat kekalahan mereka ini. Sebab itu berbagai-bagai tuduhan fitnah yang mereka lemparkan. Apabila kita Kerajaan Pakatan Rakyat, sebab itu peringkat awal-awal lagi sudah memberi sumbangan-sumbangan dengan hasil pendapatan Kerajaan dengan sebab, walaupun kita tahu di Pulau Pinang ini kita tidak tahu hasil bukan banyak sangat hasil yang ada. Tetapi disebabkan perbelanjaan secara berhemah, tidak ada penyelewengan, tidak ada rasuah dengan lebih pendapatan itu kita mampu boleh sedikit gunakan balik manfaat pulangkan balik kepada rakyat, bermula dengan sumbangan kepada warga emas sebanyak RM100.00.

Apabila baru-baru ini kita memberi sumbangan-sumbangan Kerajaan Persekutuan pun beri RM500.00, setelah 54 tahun RM500.00. Jadi saya cuba nak tanya, jadi tanda tanya ini ialah daripada mana peruntukan ini nak bagi RM500.00 kepada rakyat. Yang Pulau Pinang kita tahu sebab hasil, dari segi perbelanjaan berhemah, tidak ada rasuah, tidak ada menyelewengan dengan lebih pendapatan ini kita boleh sumbangkan balik, sumbangan, sumbangan, itu semua orang tahu. Yang Kerajaan Persekutuan beri RM500.00 ini ambil daripada mana. Jadi persoalan yang timbul, sudah tentulah Kerajaan yang memperuntukkan jumlah dalam tempoh 54 tahun tidak lain tidak bukan mereka adalah berhutang. Sebab itu kita rasa satu bebanan kepada rakyat apabila kalau kita masih lagi memberi keyakinan untuk terus mentadbir, memerintah maka segala hutang-hutang yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat, iaitu rakyat yang akan menanggungnya. Saya tidak terkilan UMNO kata begitu, Barisan kata macam ini kepada Pakatan Rakyat, apa dia tidak pernah kata kepada Kelantan. Dia kata bila Kelantan mula menang, tengok lah tiga bulanlah saya memerintah, tiga bulan saja boleh memerintah, sebab dia buat kempen macam itu, kita sudah ada di kalangan penduduk ataupun rakyat di Pulau Pinang termakan, sehingga bila nak pergi ke Kelantan bawa beras pergi, seolah Kelantan ini satu negeri yang cukup miskin. Bila Kerajaan yang dikatakan Kelantan negeri pembangkang ini, sebab itulah saya tidak rasa hairan kalau di Pulau Pinang ini berbagai-bagai tohmahan, berbagai-bagai kencaman di lemparkan.

Y.B. Dato' Speaker, tadi ini cuma pembukaan saja. Ini baru nak mula, apa yang saya sebut tadi dengan penjelasan yang didahulukan selangkah yang ditinggalkan seranting yang dilebihkan serambut yang dimuliakan sekuku. Ungkapan ini setengahnya membawa pengertian bahawa antara pemimpin dan rakyat hanya dijarakkan sekadar didahulukan selangkah dan ditinggikan seranting sahaja sehingga mudah dijangkau dan dihubungi. Pemimpin dan rakyat hendaklah sentiasa menjalankan hubungan akrab dan persebatian sebagaimana ungkapan bagaikan aur dengan tebing ataupun bagaikan kuku dengan isinya. Begitulah yang diberikan kepada kepercayaan yang diberikan kekuasaan dan yang diberikan beban berat yang diberikan tanggungjawab yang diikat janji dan sumpah dan yang disimpan petua amanah.

Sebagai Ahli Yang Berhormat yang lagi amanah, tentunya kesemuanya akan berkata benar, tiada yang tidak benar melainkan benar-benar belaka dan lantaran itu apa yang benar hendaklah diakui benar. Di samping inspirasi untuk terus berusaha ke arah meningkatkan lagi pencapaian dan kemajuan Negeri Pulau Pinang yang kita cintai ini. Pulau Pinang sejak kebelakangan ini terus maju dan meningkat daripada segi pertumbuhan ekonominya dan unjuran 2012 juga akan berkembang sehingga 6.3%. Pulau Pinang juga terus mencatat jumlah pelaburan sektor pembuatan paling tinggi iaitu RM9.1 billion melebihi sasaran RM6.1 billion dengan catatan pelaburan asing sejumlah 21 peratus. Kenyataan ini adalah perkara benar ia bukan rekaan pihak Kerajaan Negeri, tetapi kejayaan ini terjadi hasil kepimpinan berintegriti, akauntabiliti, dan telus serta bukti jelas yang ditunjukkan keyakinan pelabur yang tinggi pada urus tadbir cekap Kerajaan Pakatan Rakyat.

Y.B. Dato' Speaker, Pulau Pinang kini lebih bersih dan aman, ini juga hasil daya usaha Kerajaan Negeri yang berjaya mengenal pasti punca permasalahan yang berlaku. Sebelum 2009 banjir adalah satu fenomena biasa khususnya di kawasan Pulau di Pulau Pinang ini. Ini adalah satu kenyataan yang benar. Pulau Pinang juga pernah diberi gelaran darul sampah oleh media arus perdana mungkin kerana status kekotoran yang melampau. Ini juga satu frasa yang benar, bertahun-tahun gelaran itu terpalit pada Pulau Pinang, oleh kerana telah menjadi kebiasaan, umpamanya alah bisa tegal biasa, maka ia seakan sebat dengan kehidupan rakyat di Pulau Pinang ini. Namun kini kejadian banjir semakin berkurangan atau malahan tidak berlaku langsung khususnya di bahagian Pulau sejak kebelakangan ini.

Seketika lalu saban hujan dan disokong dengan air laut yang pasang maka sudah tentulah jalan P. Ramlee akan menghadapi musibah banjir. Kini, Pulau Pinang lebih bersih, lebih hijau, lebih nyaman. Ini adalah hasil Program Cleaner Greener yang dilaksanakan Kerajaan Negeri. Inilah hasil daripada inisiatif Kerajaan Negeri untuk mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan hijau serta kondusif untuk kehidupan. Lantaran usaha Kerajaan Negeri ini ia telah membolehkan Pulau Pinang menjadi bandar raya paling sesuai didiami. Mengikut ECA International, Negeri Pulau Pinang mencapai status lebih *liveable* berbanding Kuala Lumpur pada tahun 2011 dan diulangi pada tahun 2012. Ini membuktikan bahawa program yang dilaksanakan Kerajaan Negeri mencapai sasarannya.

Kejayaan melahirkan sebuah negeri yang bersih dan aman diduduki ini adalah hasil kejayaan program Kerajaan Negeri, lantaran itu saya merasakan bahawa peruntukan sebanyak RM16.15 juta yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi 2012 untuk mengatasi banjir itu adalah baik tetapi masih boleh dipertingkatkan lagi.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, mengenai sikap media arus perdana bukan sahaja mencari salah dan silap Kerajaan Negeri, semata-mata kebaikan tidak dipandang tetapi keburukan yang dicari kadang-kadang saya juga pelik dengan laporan media arus perdana yang melaporkan dengan memberi gambaran konon wakil rakyat UMNO-BN yang sebagai parti Kerajaan yang memerintah, manakala Kerajaan Pakatan Rakyat sebagai Pembangkang. Ini kerana kerap kali Ahli-ahli Y.B. Pakatan Rakyat di Dewan Undangan dirujuk sebagai Pakatan Pembangkang, sedangkan Pakatan Rakyat yang memerintah Pulau Pinang pun begitu, kejayaan ini tidak pernah mendapat perhatian media arus perdana walaupun melaporkan yang benar adalah perkara asas dalam *basic reporting*...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan, apakah pendapat Y.B. Permatang Pasir tentang media massa. Pertamanya, saya ingin menyoal media massa yang dirujuk, kerana sejak kebelakangan ini kita lihat dalam Berita Perdana yang disiarkan pada pukul 8.00 malam, tiap-tiap hari ada sahaja masa tertentu, kalau Y.B. Permatang Pasir boleh kita cuba malam ini, Y.B. Dato' Speaker boleh memberi perhatian dari 8.15 malam hingga 8.20 malam, ada sahaja masa yang diperuntukkan untuk mereka memberi berita-berita untuk menunjukkan persepsi buruk tentang pemimpin-pemimpin tertentu Pakatan Rakyat dan bagi saya ia adalah perkara yang begitu aneh, kerana media massa arus perdana yang sepatutnya memberi perhatian kepada berita-berita penting yang memberi manfaat kepada rakyat jelata, tetapi kita lihat.

Saya sebut ini adalah tentang sistem televisyen TV3 yang mengkhususkan masa itu untuk melaporkan berita-berita yang begitu buruk tentang pemimpin-pemimpin Pakatan Pembangkang bukan sahaja itu, baru-baru ini mereka telah lebih turun ke bawah, sehingga mendapatkan laporan-laporan ataupun rencana berkenaan dengan Azmin Ali, sehingga mereka sanggup pergi untuk dapat menemubual dengan ibu beliau dan sebagainya. Jadi saya percaya ini semestinya ada orang atas yang membuat suruhan dan mereka menjadi suruhan kepada Kerajaan Barisan Nasional, mungkin Dewan yang mulia ini juga mempertimbangkan untuk kita mengambil langkah-langkah tertentu supaya TV3 mungkin dilarang sama sekali kerana sejak kebelakangan ini saya dah memang meluat tengok TV3, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh bin Man):

Itulah jawapan dia, semua orang hari ini meluat nak tengok TV khususnya TV1 dan TV3 yang sentiasa menggambarkan kedudukan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat di beberapa buah negeri dalam keadaan, yang orang kata apa ni nak sebut ni seolah-olah rakyat nak digambarkan seolah

tidak mempercayai lagi dengan fitnah yang dibuat oleh media ini. Memang sehari dua ini apa yang kita tengok khususnya dalam siri lawatan Y.A.B. Perdana Menteri di seluruh negara bahkan disiarkan oleh media massa, saya sendiri memahami keadaan-keadaan situasi ini Y.A.B. Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri tidak mendapat sokongan menteri-menteri. Yang dok cakap menteri apa ketua ni Y.A.B. Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri yang duk cakap sekarang ini, menteri-menteri nampak tak menggambarkan memberi sokongan. Apakah menteri-menteri yang ada pada hari ini juga akan dilucutkan daripada bertanding dalam pilihan raya akan datang....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Minta penjelasan, media massa nakkan kebebasan, tetapi kebebasan itu tidak diberikan, jadi saya percaya di Malaysia kebebasan media itu adalah sesuatu yang di *dotted* iaitu macam pengarang atau editornya masuk dan putarbelitkan dan juga kontrol kebebasan itu apa pandangan....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Okey, saya minta maaf, saya tertarik nak mengambil bahagian dalam perbahasan ini kerana kita memang dasar Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang adalah untuk menyokong kebebasan media, tetapi kebebasan media itu perlu bertanggungjawab, kalau kebebasan media itu tak cukup dan disalahgunakan. Umpamanya untuk kita cuba mempengaruhi rakyat dengan tipu helah, dengan dakyah yang begitu palsu ataupun cuba memberi gambaran bahawa pemimpin tertentu itu terlibat dalam perkara-perkara yang tidak bermoral dan sebagainya, tiap-tiap hari kita lihat TV3, saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian, mungkin Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu mempertimbangkan satu langkah yang positif.

Walaupun kita tidak dapat melarang siaran itu, perkara itu diterbitkan disiarkan, tetapi langkah-langkah tertentu mungkin perlu diambil seperti umpamanya seperti kita melarang NST, mungkin kita melarang juga pihak TV3 kerana perkara-perkara baik yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak pernah dipaparkan. Sumbangan yang dibuat kepada rakyat, bantuan kepada rakyat, semua perkara-perkara baik tak pernah dilaporkan langsung, tetapi kepalsuan ataupun tipu helah mereka adalah sesuatu yang begitu menjijikkan. Saya sekali lagi mohon pertimbangkan ataupun tanya Yang Berhormat, mungkin kita boleh mempertimbangkan satu langkah yang perlu diambil terhadap TV3, mungkin melarang sama sekali atau wartawan daripada TV3 melaporkan sidang Dewan umpamanya(dengan izin), mohon dipertimbangkan.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya nak maklum sedikit bila kita minta penjelasan sebenarnya penjelasan atas apa yang dibahaskan apa yang diucap oleh yang membahas bukan satu perbahasan lain....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, cuma saya nak tanya menyentuh tentang perkara yang disentuh ini adalah isu, ya, ya, ada lagi isu berkenaan dengan isu yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi, berkenaan laporan-laporan yang dibuat oleh media massa. Jadi saya ingin menarik perhatian beliau sama ada adakah larangan-larangan tertentu harus dibuat, terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh bin Man):

Insya-Allah akan ada jawapan selepas ini. Apakah media arus perdana gagal melihat perkara ini untuk diberi perhatian positif? Atau dengan apa yang telah diluahkan oleh Y.B. Seri Delima dan Y.B. Batu Uban tadi atau apakah media arus perdana bimbang jika ia dilaporkan maka akan memberikan gambaran bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang ini telah berjaya dan lebih bagus pengurusan pentadbiran dari Kerajaan terdahulu. Walaupun ia adalah perkara yang benar, ia tetap tidak mendapat perhatian media arus perdana kerana seperti yang dimaklumi lebih terkongkong dengan pemikiran hanya untuk mencari keburukan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang semata-mata. Maka benarliah seperti kata kebanyakan pengamal media, bahawa pemikiran wartawan media arus perdana Malaysia telah dijajah dan dikongkong dengan idealisme mendaulatkan apa jua yang dikehendaki oleh taukenya. Jika beginilah sikap pengamal media arus perdana, saya tak mau cadangkanlah, kalau boleh dan saya harap supaya ubahlah sikap dan berilah keadilan kepada semua pihak.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga kesal kerana media arus perdana khususnya RTM tidak melaporkan langsung mengenai perasmian persidangan ini khususnya majlis perasmian oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Dr. Abdul Rahman Abbas. Apakah ini juga satu arahan dari kementerian berkenaan agar ucapan Tun juga jangan diberi perhatian sama sekali kerana apa yang diucapkan Tun itu benar dan apa jua yang benar tidak wajar dilaporkan. Kesimpulannya, sepertimana catatan terbaru oleh Rangking Kebebasan Media 2012, kerana sikap dan kongkongan pemerintah maka kebebasan media di Malaysia jatuh terperosok jauh ke belakang, malahan berada di bawah kebebasan media di Mongolia.

Malaysia berada di tangga 144 daripada 197 negara, sedangkan Mongolia ditangga ke 80, begitu juga jika dibandingkan dengan Papua New Guinea ke 54 dan Bangladesh ke 111. Keadaan ini tidak perlu penghuraian lebih panjanglah kerana ia menceritakan segala-galanya dan ini sangat memalukan.

Y.B. Dato' Speaker, usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang tidak pernah meminggirkan kepentingan umat Islam juga seharusnya dipandang tinggi. Dalam sejarah Pulau Pinang, untuk pertama kalinya Kerajaan Negeri memperuntukkan amaun yang tertinggi pernah direkodkan iaitu RM64.03 juta bagi tujuan Hal Ehwal Agama Islam bagi tahun 2012. Angka dan komitmen ini tidak boleh disangkal kerana ia membuktikan bahawa tohmahan yang dilemparkan pada Kerajaan Negeri konon tidak mempedulikan Hal Ehwal Agama Islam adalah sama sekali tidak berasas. Jumlah ini tersangat jauh lebih tinggi berbanding dengan tahun-tahun semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini.

Untuk tempoh dua tahun akan datang juga, Kerajaan Negeri juga terlibat dalam membina beberapa buah masjid baru bagi menggantikan masjid-masjid lama. Meskipun ia turut mendapat peruntukan Kerajaan Persekutuan, ia hendaklah dilihat sebagai satu kerjasama dan komitmen Kerajaan Negeri dalam Hal Ehwal Agama Islam. Kerjasama itu memang sepatutnya terjalin memandangkan penyediaan infrastruktur adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Namun demikian, adalah diharapkan pembinaan lebih banyak masjid ini sewajarnya turut mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan-kawasan berkenaan. Masjid yang dibina berjuta-juta ringgit tidak wajar sekadar menjadi mercu tanda infrastruktur awam yang cantik pada pemandangan mata, tetapi hendaklah di imarahkan dan sebagai pemimpin setempat wajiblah mendepani hal seumpama ini agar masjid sentiasa ramai jemaahnya. Ingatlah masjid hendaklah menjadi sebagai tumpuan utama umat Islam dan selaku pemimpin kawasan berkenaan, hendaklah berusaha sedaya upaya untuk turut sama memimpin di masjid-masjid berkenaan. Ingatlah pemimpin yang dipilih, yang gagal berbuat demikian maka pastinya akan dipersoalkan di kemudian hari...(membaca ayat Al-Quran).

Pemimpin bertanggungjawab menentukan ke arah mana pengikut-pengikutnya akan dibawa. Keharmonian atau kegelisahan yang wujud dalam masyarakat berkait rapat dengan agenda yang dibawa oleh pemimpin. Banyak Nas Syara yang menekankan fungsi pemimpin sebagai penggerak sosial dan mengesahkan bahawa pemimpin mempunyai implikasi besar kepada corak atau pola perlakuan pengikut. Jika pemimpin khususnya yang beragama Islam memberi perhatian dan tumpuan pada usaha memakmurkan masjid-masjid ini, ia tentu akan memperkembangkan lagi peranan masjid. Hanya yang layak

memakmurkan masjid ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan pada Allah. Dengan adanya sifat-sifat tersebut, maka adalah diharapkan mereka menjadi golongan yang mendapat petunjuk.

Y.B. Dato Speaker, pembinaan Kompleks Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pulau Pinang di atas tanah seluas 3.49 ekar bernilai RM36.5 juta yang disediakan Kerajaan Negeri di Jalan Scotland juga akan pastinya menjadi satu mercu tanda baru. Ini juga membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak menghalangi usaha murni untuk memartabatkan Islam sebagai agama rasmi negara.

Y.B. Dato' Speaker, oleh kerana mungkin inilah persidangan terakhir sebelum pilihan raya umum akan datang dan kita mengharapkan seluruh masyarakat dan rakyat setelah melihat Kerajaan di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri Lim Guan Eng, yang sudah pun kita boleh membuat penilaian dan rakyat juga sudah pun mendapat gambaran yang jelas apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ini maka dalam Dewan ini saya juga ingin mengharapkan seluruh masyarakat dan rakyat khususnya kepada pengundi-pengundi dan kepada pengundi-pengundi muda yang baru mendaftar sebagai pengundi, yang kita difahamkan mereka sekarang menunggu-nunggu bila akan ada pilihan raya dan merekalah yang akan menentukan keputusan pada pilihan raya umum akan datang ini dan kita yakin bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat, insya-Allah dapat mempertahankan Kerajaan yang ada, sekian Y.B. Dato' Speaker dengan ini saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih. Salam Bahagia dan Selamat Sejahtera ya Selamat Merayakan Hari Wesak kepada mereka yang beragama Buddha dan begitu juga saya ingin mengambil kesempatan pada petang yang berbahagia ini untuk mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada mereka yang makan gaji dan juga Selamat Meraikan Hari Pengamal Media Sedunia 2012 kepada para wartawan dan pemberita kita.

Terima kasih saya ingin ucapkan kepada Y.B. Dato' Speaker kerana memberi peluang dan kebenaran kepada saya untuk mengambil bahagian didalam perbahasan kali ini. Syabas dan tahniah saya juga ingin ucapkan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat kita pada hari ini kerana berjaya membawa pelbagai pembaharuan yang berfaedah dalam Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, seluruh Negeri Pulau Pinang kalau pun menjadi ceria dan bermakna semula apabila Kerajaan baru kita memberikan wang sumbangan atau pun bantuan tetap sebanyak RM100 secara tahunan kepada warga emas, ibu tunggal, OKU, pelajar emas. Di samping itu, Kerajaan kita juga menghulurkan bantuan sekali gus sebanyak RM1,000 untuk pengurusan jenazah kepada waris warga emas yang kehilangan orang kesayangan mereka dan pelajar-pelajar yang berjaya memasuki IPTA serta memberikan wang susu sebanyak RM200.00 kepada setiap anak emas yang baru dilahirkan mulai 1hb. Januari 2011. Ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat bukan sahaja mampu untuk membela rakyat dan mampu nak mentadbir serta menguruskan Negeri Pulau Pinang dengan lebih baik malahan juga Kerajaan Pakatan Rakyat, kerajaan baru kita dapat melipat gandakan pembangunan kepada rakyatnya.

Y.B. Dato' Speaker, banjir adalah merupakan salah satu bencana alam yang paling ditakuti oleh penduduk-penduduk yang tinggal di tempat yang rendah dan perlu diberikan perhatian yang serius dan khusus oleh Kerajaan kita. Y.B. Dato' Speaker, banjir pasti akan berlaku dalam Taman Nibong Tebal, apabila hujan turun dengan lebatnya dalam sesuatu waktu yang singkat. Keadaan ini adalah dipengaruhi oleh rupa bentuk bumi, bagi taman itu yang lebih mirip menjadi sebuah kolam yang bertadah air dalam Pekan Nibong Tebal.

Y.B. Dato' Speaker, bagi taman ini juga kelihatan lebih rendah daripada jalan rayanya, ini adalah punca yang sebenarnya menyebabkan banjir kilat terjadi di dalam taman tersebut. Y.B. Dato' Speaker, saya telah difahamkan melalui Mesyuarat Tebatan Banjir sebelum ini yang telah pun diadakan pada setiap bulan, bahawa mesyuarat tersebut telah pun meluluskan satu jumlah yang khusus untuk menaik tarafkan Taman Nibong Tebal tersebut, tetapi sedih sekali sampai hari ini, boleh kata untuk kelulusan tersebut telah diluluskan sejak tahun 2009 lagi tapi sampai hari ini projek tersebut tidak dapat dilaksanakan oleh pihak MPSP. Saya tak faham kenapa masalah ini boleh terjadi dengan begitu lama, adakah pihak MPSP kekurangan tenaga kerja atau pun apa-apa masalah. Selain daripada itu, saya harap sekiranya pihak MPSP mengalami masalah kekurangan tenaga atau pun kakitangannya, pihak MPSP hendaklah mengambil tindakan untuk memperbetulkan kedudukannya dan jangan biarkan masalah rakyat itu dipertundakan ini adalah satu perkara yang tak dapat kita terima.

Y.B. Dato' Speaker, hidup manusia dalam dunia ini kalau pun boleh telah pun cukup susah, bayangkan kesusahan, saya hari ini nak bayangkan, saya nak bawa masalah yang dihadapi oleh penduduk Taman Desa Jawi. Saya rasa masalah kerosakan sistem pembentungan yang terdapat di Taman Desa Jawi ini telah pun terlalu lama dan perlu diambil tindakan segera untuk

mengatasi masalah tersebut. Sebagaimana yang telah saya faham keadaan di sana amat menjijikkan kita, boleh katakan rakyat di sana terpaksa menghidu kembali udara yang kotor, udara yang bernajis, yang berbau najis dibuang daripada air daripada tahi mereka. Ini adalah satu perkara yang amat sedih sekali. Saya difahamkan projek tersebut Kerajaan telah meluluskan sebanyak RM1.3 juta sejak tahun 2010, tetapi sampai hari ini projek tersebut masih tidak dapat dilaksanakan, saya tak faham apa masalah di sebaliknya. Saya harap perkara ini diberikan perhatian yang serius oleh EXCO Perumahan kita, kerana ia mendatangkan pelbagai masalah sampingan yang amat menjijikkan.

Y.B. Dato' Speaker, penanaman pokok yang cantik dan hijau adalah satu kegiatan yang amat disukai ramai, tapi keadaan sebaliknya di kawasan di dalam Taman Cornwill Nibong Tebal boleh dikatakan keadaan pokok-pokok yang ditanam dalam Taman Cornwill Nibong Tebal adalah sedih sekali, kerana ia adalah dari jenis pokok hutan dan mempunyai akar tunjang yang kuat serta berduri tajam. Pokok-pokok tersebut telah pun menyebabkan longkang-longkang yang berada di sekitar pokoknya menjadi ranap dan rosak dengan teruknya. Di samping itu, ia pokok-pokoknya juga telah pun menyebabkan lantai bagi rumah yang terletak berhampiran dengan pokok-pokok tersebut menjadi pecah.

Y.B. Dato' Speaker, saya difahamkan juga beberapa orang budak yang bermain di bawah pokok itu juga telah mengalami kecederaan akibat daripada tercucuk dengan duri pokok tersebut. Keadaan ini boleh katakan amat mengusarkan para penduduk yang tinggal berdekatan dengan pokok-pokok berkenaan. Jadi saya juga Y.B. Dato Speaker, perkara ini telah pun lama di utarakan oleh saya kepada pihak yang berkenaan iaitu pihak MPSP, namun sampai hari ini masih tiada sebarang tindakan lanjut yang saya nampak diambil oleh pihak yang bertanggung jawab.

Y.B. Dato' Speaker, sistem pengangkutan awam adalah suatu kemudahan awam yang boleh memajukan pembangunan sesuatu tempat. Ia juga akan meransangkan pertumbuhan ekonomi sesebuah tempat. Sampai hari ini pekan Nibong Tebal masih belum lagi memiliki sebuah stesen bas yang berupa stesen bas yang sebenarnya. Boleh dikatakan perhentian bas yang dibuat secara sementara dalam pekan Nibong Tebal itu kelihatan seolah-olah sebuah hutan kecil yang terbiar di tengah-tengah pekan Nibong Tebal. Keadaan ini amatlah menjejaskan pemandangan dalam pekan Nibong Tebal malahan tempat itu telah pun menjadi sebuah tempat pembiakan binatang liar dan sarang penagih dadah yang sebenarnya.

Y.B. Dato' Speaker, sekiranya terjadinya sesuatu kebakaran di tempat tersebut. Saya percaya ia akan meletupkan sebuah minyak stesen yang terletak di sebelahnya. Keadaan ini boleh kata keadaan yang tidak terurus ini, sudah pastinya akan mendatangkan banyak masalah sampingan kepada

pekan Nibong Tebal. Jadi saya amat berharap pihak Dewan akan mengambil tindakan menggesa kepada pihak syarikat JKP Sdn. Bhd., supaya untuk membangunkan tanah yang telah pun terbiar begitu sahaja oleh mereka. Sekiranya mereka tidak mahu membangunkan dengan ikhlas mereka boleh memulangkan tanah tersebut kepada rakyat Nibong Tebal kerana rakyat Nibong Tebal mampu membuat pembangunannya sendiri. Bukanlah rakyat Nibong Tebal tidak mampu membuat pembangunan, cuma mereka merampas tanah orang Nibong Tebal dengan kata-kata bahawa tanah tersebut adalah digunakan untuk kemudahan ini dan kemudahan itu, tetapi sampai hari ini sudah belasan tahun, masih tidak nampak bayang perubahan yang telah dijanjikan oleh pihak yang berkenaan. Ini seolah-olah adalah satu tipu helah pihak tertentu menggunakan kuasa mereka sebagai Kerajaan sebelum ini.

Saya amat sedih tengok apabila terpendang kepada sebidang tanah tersebut kerana keadaan tanah tersebut amatlah semak dan dibiarkan tanpa terurus. Baru-baru ini kita mendapati pihak yang berkenaan telah pun membuat pagar tetapi saya tengok, apa yang saya nampak selepas satu tahun, dia punya pagar tercabut begitu sahaja tetapi bayang pun tidak nampak lagi dan ini yang menyedihkan kami sebagai rakyat di Nibong Tebal.

Y.B. Dato' Speaker, kalau Nibong Tebal tidak mempunyai bas stesen yang boleh dikatakan sesuai, saya percaya dia membantu sistem jalan di kawasan pekan tersebut. Boleh dikatakan kemudahan kepada anak-anak murid untuk ke sekolah pun tidak dapat dirancang dengan baik untuk kemudahan mereka. Saya amat sedih sekali dengan pihak JKP Sdn. Bhd., kerana cuba memutar belitkan, mempermainkan undang-undang untuk mendapatkan tanah rakyat di sana, tetapi tidak membuat sesuatu seperti mana yang dijanjikan. Boleh kata kebanyakan kawasan memerlukan perkhidmatan bas bagi mengurangkan kesesakan. Bagi mengurangkan beban para ibu bapa mereka pun tidak dapat kita buat. Kita tidak dapat buat untuk membantu mereka mengatasi masalah pengangkutan yang telah pun dihadapi oleh mereka.

Y.B. Dato' Speaker:

Boleh buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Dato' Speaker, saya rasa saya akhiri ucapan saya pada petang ini dan saya mohon ucapan tadi disokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya Y.B. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan usul terima kasih kepada ucapan perasmian Tuan Yang Terutama Tun yang telah disampaikan pada hari Isnin minggu lepas. Dalam ucapan Tuan Yang Terutama Tun telah menyatakan bahawa ekonomi Negeri Pulau Pinang pada tahun ini diunjurkan berkembang sebanyak 6.3%, di mana sektor pembuatan dan perkhidmatan merupakan menyumbang pertama. Saya percaya sektor pembuatan yang memerlukan banyak tenaga kerja semestinya bergantung banyak kepada pekerja-pekerja asing. Dalam satu laporan akhbar tempoh hari menyatakan bahawa di Pulau Pinang ini mempunyai sebanyak 70,000 pekerja asing yang sah, yang berkhidmat dalam sektor pengilangan.

Untuk makluman di Dewan yang mulia, di kawasan DUN saya terdapat banyak kawasan perindustrian, antaranya kawasan Perindustrian Perai I, kawasan Perindustrian Perai III, IV kawasan Perindustrian Bukit Tengah kawasan Perindustrian Bukit Minyak, Penang Tekstile, Taman IKS Bukit Tengah dan juga Taman IKS Juru. Kita tengok salah satu isu yang timbul daripada pekerja-pekerja asing ini adalah isu berkenaan dengan tempat tinggal mereka. Memandangkan pengusaha-pengusaha kilang tidak menyediakan atau tidak membina asrama atau pun tempat tinggal, pekerja-pekerja asing ini biasanya tinggal di rumah kediaman yang kebanyakannya disewa oleh majikan mereka atau pun agen-agen pekerjaan. Kebiasaannya taman-taman perumahan yang terletak berhampiran dengan kawasan perindustrian ini menjadi tumpuan tempat tinggal pekerja asing, atas faktor logistik dan keadaan pekerja-pekerja asing yang ramai menetap di sesebuah taman perumahan tersebut menimbulkan perasaan tidak selesa, tidak selamat di kalangan penduduk-penduduk setempat. Tidak hairanlah penduduk-penduduk setempat itu mempunyai perasaan tersebut kerana pekerja-pekerja asing ini mempunyai cara dan juga budaya hidup harian yang berbeza dan saya juga tidak menafikan bahawa kadang-kadang sesetengah pandangan stereotaip dan juga *stigma* terhadap pekerja-pekerja asing tersebut juga sedikit sebanyak menyumbangkan kepada perasaan tidak selesa dan juga tidak selamat di kalangan penduduk setempat.

Walau bagaimanapun, isu perasaan tidak selamat dan juga tidak selesa di kalangan penduduk setempat ini merupakan satu isu yang benar atau pun *rehouse* yang kita harus pandangi serius. Dengan ini saya memohon agar Kerajaan Negeri dapatlah mengambil langkah yang lebih agresif dalam menangani isu ini. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah merancang untuk membina penempatan pekerja kilang, iaitu *workers quarters* yang terletak bersebelahan dengan taman perindustrian dan saya berharap rancangan ini dapatlah dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Tambahan daripada itu, saya ingin bercadang kepada Kerajaan Negeri agar menetapkan syarat kepada pengusaha kilang yang baru, agar membina asrama untuk pekerja-pekerja asing mereka, membina asrama dalam kawasan kilang mereka sendiri. Mungkin cadangan ini sebenarnya tidak sama dengan pandangan Kerajaan Negeri kerana dalam jawapan kepada soalan saya. Kerajaan Negeri tidak bercadang menetapkan syarat untuk menyediakan kemudahan penyediaan asrama atas beberapa sebab antaranya adalah isu asrama itu diiktiraf sebagai kawasan perumahan dan bukannya industri dan dia juga melibatkan aspek keselamatan dalam isu mengeluarkan sijil layak menghuni dan juga pengusaha kilang untuk mendapat permit dan lesen, sekiranya asrama berada dalam kawasan perindustrian.

Bagi saya kesemua alasan-alasan tersebut isu penerjunan, isu keselamatan dan juga isu zon. Zon tersebut adalah isu berkaitan dengan peraturan atau pun *by law* yang boleh dipinda oleh pihak Kerajaan Negeri atau pun Pihak Penguasa Tempatan. Dengan itu saya memohon agar cadangan untuk menetapkan syarat agar pengusaha-pengusaha kilang membina asrama di kawasan industri itu dipertimbangkan semula.

Y.B. Dato' Speaker, pada hari Khamis yang lalu iaitu 3hb. Mei 2012, merupakan hari kebebasan media sedunia. Di sini saya mengambil kesempatan untuk menyampaikan penghormatan dan juga penghargaan kepada para media yang mengamalkan prinsip *journalism* yang profesional. Kebebasan media biasanya berkait rapat dengan kebebasan maklumat dan Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada 4hb. November tahun lepas dan walau pun ada pandangan bahawa enakmen tersebut masih ada kekurangan tetapi saya yakin dengan ada enakmen tersebut ia merupakan satu langkah yang cukup *significant* yang telah diambil oleh Dewan yang mulia bagi mempertingkatkan lagi ketelusan pentadbiran negeri ini.

Juga jawapan kepada soalan saya berkenaan dengan Enakmen Kebebasan Maklumat ini, bahawa enakmen tersebut telah diwartakan pada 2hb. Februari 2012 iaitu tahun ini tetapi status pelaksanaan masih dalam tindakan menetapkan tarikh kuat kuasa dan juga pelantikan pegawai-pegawai maklumat seperti yang diperuntukkan dalam enakmen tersebut. Saya harap pelaksanaan tersebut dapat dipercepatkan dan satu tempoh jangka masa dapat diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri tentang pelaksanaan enakmen tersebut.

Saya juga ingin menarik perhatian bahawa dalam satu klausa enakmen tersebut yang di mana, saya percaya ada dalam sejarah Malaysia di mana Lembaga Rayuan enakmen tersebut perlu anggota-anggota Lembaga Rayuan Enakmen tersebut perlu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan saya harap

pelantikan-pelantikan anggota Lembaga Rayuan dalam enakmen tersebut juga dapat dipercepatkan supaya enakmen tersebut bukanlah menjadi satu undang-undang yang di atas kertas sahaja dan tidak tahu bila pelaksanaannya.

Y.B. Dato' Speaker, isu seterusnya yang ingin saya bawa di sini ialah berkaitan dengan Lembaga Perumahan, juga dalam jawapan kepada soalan saya bahawa pihak Kerajaan Negeri telah mengemukakan pewujudan jawatan baru untuk penubuhan Lembaga Perumahan Pulau Pinang tetapi ditangguhkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun lepas dan saya ini ingin mencadangkan bahawa sementara kita menunggu jawapan daripada perkhidmatan awam, bolehkah kita mengambil kakitangan Lembaga Perumahan tersebut secara kontrak untuk kita mempercepatkan ataupun membolehkan Lembaga Perumahan itu berfungsi sepenuhnya bagi menangani isu perumahan di Negeri Pulau Pinang ini.

Y.B. Dato' Speaker, isu seterusnya yang akan saya bawa adalah tentang isu kebersihan. Pada peringkat awal dengan adanya penggubalan Akta Pengurusan Sisa Pepejal 2007, Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang ini berasa teragak-agak untuk memperuntukkan lebih banyak kewangan bagi tujuan pengurusan sisa pepejal termasuklah tidak melantik kontraktor baru bagi kawasan perumahan yang baru mendapat sijil kelayakan dan juga terma-terma kontrak yang sedia ada untuk kontraktor-kontraktor pembersihan tidak perbaharui cuma dilanjutkan kontraktor yang sedia ada.

Setelah Kerajaan Persekutuan membenarkan pengecualian pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal 2007 di Negeri Pulau Pinang pada tahun lepas, Pihak Berkuasa Tempatan telah diberi kuasa penuh untuk terus mengendalikan perusahaan sisa pepejal ini, maka saya berharaplah agar Pihak Berkuasa Tempatan terutamanya Majlis Perbandaran Seberang Perai dapatlah mempercepatkan proses sekiranya kita masih perlu melantik kontraktor baru atau pun pengambilan kakitangan MPSP yang baru bagi tujuan pengurusan sisa pepejal tersebut.

Saya berharap langkah-langkah yang drastik perlu diambil oleh Majlis Perbandaran bagi meyakinkan rakyat jelata di akar umbi, bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengambil langkah yang agresif dan berkesan dalam kerja-kerja pembersihan, kerana telah lama di kaca mata rakyat jelata bahawa prestasi Pihak Berkuasa Tempatan terutamanya Majlis Perbandaran Seberang Perai. Mutu-mutu kerja pembersihan masih kurang memuaskan dan kurang menyakinkan.

Dalam jawapan kepada soalan, juga saya bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM20 juta kepada pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk keperluan membeli peralatan dan jentera baru dan peruntukan

tambahan RM10 juta untuk penambahan kakitangan. Untuk tahun ini pula Majlis Perbandaran sendiri memperuntukkan RM65 juta dalam memastikan mutu perkhidmatan pembersihan dan pengurusan sisa pepejal dapat ditingkatkan, dan apa pun saya alu-alukan usaha Majlis Perbandaran Seberang Perai, akan tetapi saya berharaplah segala langkah-langkah tersebut dapat dipercepatkan kerana di akar umbi masih banyak kesan atau pun masih lagi tiada kesan yang ketara dari segi mutu perkhidmatan pembersihan sisa pepejal ini. Dengan isu-isu yang bangkitkan nanti saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya, Y.B. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, atas isu peraturan, saya ingin tahu sama ada waktu makan tengah hari tadi ada apa-apa insiden di luar pintu utama, kacau ganggu dan sebagainya. Adakah Y.B. Dato' Speaker dimaklumkan tentang apa-apa kejadian.

Y.B. Dato' Speaker:

Setakat ini saya tidak dimaklumkan apa-apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tidak ada. Saya cuma ingin tanya kerana saya kelihatan tadi ada wartawan-wartawan sedang berkumpul di luar pintu hadapan dan seolah-olah ada kacau ganggu, cuma saya mohon kalau boleh dibawa ke perhatian Y.B. Dato' Speaker dan perkara ini mungkin boleh disiasat kalau ada apa-apa gangguan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih, saya akan dapatkan maklumat berhubung perkara yang dibangkitkan. Seterusnya, Y.B. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Y.B. Dato' Speaker, selamat petang dan salam sejahtera Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana Y.B. Dato' Speaker memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan pada sesi petang ini.

Y.B. Dato' Speaker, perancangan tempatan yang rapi dan teliti boleh memastikan sebuah negeri sentiasa maju, maka semua peraturan dan undang-undang dipatuhi oleh semua pihak bagi melancarkan perancangan tempatan. Banyak masalah mengenai penukaran kegunaan tanah yang timbul di kawasan saya, di mana banyak penduduk telah menggunakan kawasan kediaman untuk mengendalikan perniagaan. Sebagai contoh kita dapat melihat terdapat banyak kes tersebut di sepanjang Jalan Jones. Selalu ada pertanyaan terhadap penukaran zon dari kediaman kepada perniagaan, seperti yang saya kata di Jalan Jones, selalu mereka dapatkan saman dari MPPP dan apa yang mereka boleh buat adalah mereka memohon menukar guna sebagai kediaman kepada perniagaan, tetapi ini telah ditolak oleh MPPP, tetapi kita boleh faham keadaan yang sekarang lebih kurang 95% di Jalan Jones adalah digunakan sebagai perniagaan. Saya minta sesuatu rancangan *temporary* ...(dengan izinnya) haruslah diadakan sebelum pelan induk tempatan diwujudkan.

Saya percaya bahawa perancangan tempatan negeri pasti mempunyai sebabnya untuk mengasingkan kawasan kediaman dan kawasan komersial, misalnya untuk memastikan kelancaran trafik di kawasan masing-masing. Selepas penukaran kegunaan tanah dibenarkan, banyak jalan di kawasan telah mengalami masalah trafik yang agak serius. Walau pun nampaknya masalah-masalah trafik dapat diselesaikan secara teknikal namun secara praktikal masalah ini akan berterusan. Saya minta garis panduan-garis panduan harus dikaji semula supaya garis panduan yang sedia ada boleh dipinda. Y.B. Dato' Speaker, salah satu masalah dengan *zoning* adalah *density*. Diketahui pihak Kerajaan Negeri telah mengubah *density* penduduk dalam projek-projek pembangunan perumahan baru. Akan tetapi perubahan terhadap fasiliti-fasiliti yang perlu dijalankan serentak. Contohnya jalan akses adalah besar cukup untuk pemaju pembangunan tersebut. Adakah cukup tempat henti kereta, adakah penambahan kawasan lapang. Kesemua ini perlulah dipertingkatkan.

Y.B. Dato' Speaker, diketahui asalnya pemaju semua keperluan teknikal yang ditetapkan oleh Kerajaan maka mereka akan mendapat kebenaran merancang dan menjalankan projek tersebut tetapi apabila projek tamat, pelbagai masalah telah timbul terutamanya masalah trafik di jalan raya. Memandangkan masalah ini kerap berlaku maka timbullah soalan, keperluan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa yang digunakan selama ini masih sesuaikah pada masa sekarang. Saya berpendapat keperluan teknikal perlu dirobuhkan semula, supaya lebih anjal iaitu fleksibel iaitu keadaan sebenar yang berlaku. Sebelum sesuatu kebenaran merancang diluluskan, trafik impak *assessment* perlu dijalankan dengan teliti. Saya harap semua cadangan diambil perhatian dan ditentukan dalam induk *local plan* yang akan bentang pada Ogos 2012.

Y.B. Dato' Speaker, adalah didapati bahawa rumah sewa Program Perumahan Rakyat (PPR) sering tidak cukup untuk memenuhi permohonan dari golongan berpendapatan rendah. Setelah permohonan diserahkan, ia mengambil masa yang lama untuk tunggu giliran. Kadang-kadang temu duga telah diadakan, pemohon telah pun mendapat kelayakan untuk menyewa tetapi mereka masih perlu tunggu tanpa diketahui bila tawaran sampai ke giliran mereka. Memandangkan harga hartanah yang makin meningkat, ia mungkin akan menyebabkan harga sewa di pasaran swasta turut naik. Oleh itu, Kerajaan Negeri haruslah mempunyai rancangan dan pelan tindakan segera untuk membina rumah untuk perumahan sewa PPR, jika tidak masalah perumahan yang ketara akan timbul pada masa yang akan datang, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Pada masa yang sama saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Unit Penyelaras Pembangunan di bawah Jabatan Korporat, MPPP. Unit ini telah memberi perkhidmatan kemasyarakatan yang amat baik kerana tindakan yang amat cepat telah diambil untuk kes-kes permohonan daripada keluarga di bawah garis kemiskinan, golongan ibu tunggal dan OKU.

Unit ini memberi perhatian khusus bagi golongan tersebut tadi. Siasatan dan pertimbangan dijalankan dengan *fast track* ...(dengan izinnya). Pegawai Penyelaras Pembangunan juga membuat lawatan ke rumah pemohon bagi mengadakan temu duga dengan secepat mungkin. Unit ini telah berjaya menyelesaikan kes-kes yang kritikal dalam masa yang amat singkat. Pencapaian unit tersebut harus dijalankan model untuk membantu rakyat dalam kesusahan. Ia patut diserahkan oleh Bahagian Perumahan bagi membantu kes-kes permohonan yang kritikal. Saya memohon supaya EXCO Perumahan boleh mengkaji terutamanya model yang diguna pakai oleh Jabatan Korporat tersebut supaya golongan berpendapatan rendah, OKU dan ibu tunggal mendapatkan laluan khas dan selesaikan masalah tempat duduk mereka dengan segeranya.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas usaha Kerajaan Negeri iaitu mendirikan sebanyak 11,800 unit, *apartment* mampu milik di Batu Kawan yang merealisasikan hasrat kebanyakan rakyat Negeri Pulau Pinang. Dua elemen yang penting harus diambil perhatian. Satu, adalah peluang pekerja dan satu perkhidmatan awam. Saya bercadang pihak Kerajaan harus memberi perhatian kepada pembangunan sistem pengangkutan. Masalah kekurangan pengangkutan awam telah timbul di beberapa projek LMC atau LC sebagai contoh projek puncak Erskine dan Desa Pinang. Maka tiada perkhidmatan pengangkutan awam golongan pendapatan rendah banyak susah untuk mendapatkan peluang kerja di sekeliling saja. Dengan wujudnya sistem pengangkutan yang teratur masalah kesesakan lalu lintas yang membebankan rakyat Negeri Pulau Pinang juga boleh diatasi masalah tempat duduk di selesaikan bersama.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, isu kepadatan yang duduk dalam rumah yang baru ini terdapat satu kes yang lebih kurang empat puluh dua (42) pekerja asing yang duduk dalam sebuah banglo *semi-detached* di Jalan Tun. Saya ada satu soalan bertulis "Adakah peraturan untuk menghalang sebuah rumah untuk menduduki lebih ramai daripada apa yang ditentukan". Saya dapati jawapan seperti itu mengikut Seksyen 79, "rumah sesak jika rumah atau mana-mana bilik di dalamnya didapati diduduki lebih daripada kadar seorang dewasa bagi tiap-tiap 350 kaki padu, ruang dalam bersih dan mengirakan itu tiap-tiap orang berumur lebih daripada 10 tahun hendaklah disifatkan sebagai orang dewasa dan dua orang kanak-kanak rumah tidak lebih daripada 10 tahun hendaklah di kira sebagai seorang dewasa".

Key point....(dengan izin), 350 kaki padu yang sama memang hendak bangkitkan 350 kaki padu memang tidak sesuai seperti apa yang di kira kalau satu rumah ia tingginya 10 kaki atau 12 kaki, ia cuma tinggalkan panjang lebar lebih kurang 35 kaki sahaja. Kalau panjang lebar lebih kurang 35 kaki sebuah rumah 700 kaki boleh muatkan 23 orang, memang ini tidak sesuai. Saya minta pengiraan yakni dijelaskan dan kalau kiraan saya adalah betul, saya minta ini harus ditukar dan dipinda. Saya mencadangkan juga sekurang-kurangnya saiz rumah yang dibina peruntukan LMC atau MC harus ditentukan lebih kurang 900 kaki supaya ini memberikan lebih sesuai untuk *human living....*(dengan izin).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Penjelasan secara spontan. Pengiraan tadi adalah tidak termasuk ruang dapur, ruang tandas dan sebagainya. Cuma tempat tidur saja yang diambil kira. Maksudnya dalam keadaan biasa sebuah rumah teres pengiraan dalam lingkungan 13 atau 14 orang duduk dalam sebuah rumah teres adalah piawaian yang digunakan, kalau lebih dari itu memang sudah melebihi had.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih dengan penjelasan Y.B. Padang Kota, tetapi saya juga minta mengira semula kerana kalau kiraan macam ini satu rumah *low cost* sebagai 600 kaki, sepatutnya ada dua (2) bilik, so sefahaman saya kalau dua (2) bilik itu dipenuhi dengan setengah rumah itu lebih kurang 300 kaki, so memang 300 kaki pun juga boleh buat lapan (8) dewasa so saya memang ingat ini tidak dapat di terima.

Y.B. Timbalan Speaker, berkenaan isu tadi, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana sedang merancang pembangunan *workers kuaters* bersebelahan taman perindustrian Batu Kawan bagi menempatkan kemudahan asrama yang lebih terkawal bagi pekerja asing. Saya juga bersetuju ke atas Y.B. Bukit Tengah cadangannya kata bolehkah asrama

dibina di dalam industri atau kilang-kilang yang tersebut ataupun kuarters-kuarters ini harus diambil kira dengan mengutipkan kontribusi dari syarikat-syarikat yang mengupahkan pekerja asing, seperti kes yang saya bangkitkan tadi so memang ini harus dijalankan dengan secepat mungkin. Saya juga harap tindakan-tindakan ke atas pekerja-pekerja asing yang duduk di LMC atau MC boleh diselesaikan dengan secepat mungkin.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, satu lagi juga berkenaan dengan kedudukan orang asing di Pulau Pinang. Baru-baru ini Ketua Menteri telah memaklumkan kepada kita kata CAT untuk orang asing melaburkan rumah atau aset perumahan di Pulau Pinang adalah dinaikkan kepada RM1 milion. Saya amat menghargai usaha Ketua Menteri bagi membantu rakyat Pulau Pinang mempunyai kemampuan memilik rumah dengan cara menetapkan pelabur asing yang berminat untuk membeli rumah RM1 milion. Tidak dapat dinafikan pendekatan ini merupakan jalan keluar jangka masa pendek. Jika saya selaku pihak pemaju pembinaan kos rumah yang melebihi RM1 milion mendatangkan pendapatan lumayan untuk jangka masa yang panjang. Saya bimbang pada masa depan kebanyakan pemaju akan membangunkan hanya rumah yang bernilai RM1 milion sahaja. Ini adalah memperkenalkan polisi yang Kerajaan harus mengelakkan masalah tersebut dan mengadakan polisi-polisi yang dapat membantu rakyat Pulau Pinang tanpa mengabaikan kepentingan pelabur asing dengan menghadkan pihak pemaju untuk menimbangkan pelan pembangunan perumahan di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan. Saya hendak tanya Y.B. Pulau Tikus dan perumahan juga Y.B. Air Itam. Adakah mekanisma-mekanisma yang mengawal penjualan rumah-rumah kepada nombor *one*. Orang asing, sekarang sudah ada mekanisme untuk menghadkan mereka. Kedua adalah yang tidak bermastautin di Pulau Pinang dan juga orang-orang kepada individu yang membeli banyak rumah demi spekulasi atau *investment, house investment*. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai mekanisma untuk mengawal aktiviti-aktiviti jual beli ini, yang menyebabkan kebanyakannya sekarang rumah *supply and demand distorted by demand in market* perumahan sekarang? Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih Yang Berhormat Pantai Jerejak. Saya bersetuju ke atas soalan yang ditimbulkan, mungkin saya boleh cadangkan *impose* satu *test local* untuk menghalalkan atau menambahkan kos orang asing pelabur asing dalam membeli rumah yang kedua, ketiga atau keempat dan seterusnya. Mungkin jawapan boleh dijawab oleh Yang Berhormat Air Itam.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, bagi kes-kes yang dibangkitkan banyak kali, seperti apa yang pemaju selalu mendirikan kos rumah rendah dengan Kerajaan menghadkan jualan harga untuk RM72,000 sahaja, tetapi kita masih dapat dalam pasaran pemaju menjual RM115,000 ke atas. Ini adalah kerana mereka memberikan alasan kerana mereka sudah buat ubah suai. Mereka menjualkan petak kereta, apa yang saya difahami petak kereta itu tidak boleh dijual dalam akta-akta perumahan, tetapi mereka pakej ...(dengan izinnya), termasuk ubah suai lebih kurang RM215,000 hingga RM150,000.

Saya pun dapat jawapan dari soalan lisan saya difahami bahawa ada empat (4) pemaju telah disenarai hitamkan iaitu Nusmetro Venture Sdn. Bhd., Genius Galaksi Sdn Bhd, Hujung Pelangi Sdn. Bhd., dan Chong and Company Sdn. Bhd., kerana mengemukakan aduan secara rasmi kerana dia melanggar garis panduan yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri. Yakni kita dapat jawapan dari sini perumahan telah mengemukakan aduan secara rasmi kepada Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemaju-pemaju terbabit.

Saya hendak tanya, apakah tindakan ke atas pemaju yang menyenaraikan nama hitam di atas? Adakah direktur-direktur perseorangan juga disenaraikan hitam", kerana saya dapati ada juga pemaju-pemaju yang selalu menggunakan syarikat yang berbeza untuk membuat pemajuan-pemajuan yang baru. Saya harap ini bukan sahaja kita tunggu apa yang Kerajaan Pusat berikan *instruction* tetapi sebagai Kerajaan Tempatan saya harap kita boleh buat sesuatu mungkin pemaju yang baru yang mereka memohon kita boleh menghalang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, satu masalah lagi adalah masalah hak milik strata. Saya dapati banyak lagi yang belum memohon hak milik strata dalam Pulau Pinang, lebih kurang 118 projek yang telah memohon tetapi belum lulus. Negeri Pulau Pinang telah pun meluluskan 1,541 skim tetapi masih terdapat ada ramai tidak memohon. Ini adalah apa yang saya faham ada kes semacam ini.

Dia kes dilakukan di Taman Kristal. Syarikat pemaju telah pun ditutup. Lebih kurang 1,000 unit di Taman Kristal yang mereka ingin memohon hak milik strata, tetapi yang kos untuk memohon lebih kurang 700,000. Kalau dibahagikan kepada 1,000 unit dalam Taman Kristal lebih kurang seunit kena bayar RM700.00 tetapi pada masa ini yang JMB kerana tidak ada strata. JMB tidak dapat memberikan *confident* kepada pemilik untuk memastikan kalau mereka bayar RM700.00, pastikah mereka dapat hak milik strata. Ini kerana ada beberapa unit yang mereka tidak boleh dapat menghubungi pemilik-pemilik.

Lebih kurang 100 unit yang mereka tidak dapat menghubungi pemilik, apa yang mereka jangkaan mungkin lebih kurang RM70,000 tidak dapat dikutip, kalau kurang daripada RM70,000 adakah solusi yang Kerajaan Negeri boleh bagi, kerana adakah cadangan daripada pegawai-pegawai kita kata, JMB harus mengeluarkan wang RM70,000 dulu. Maka mereka bayar dulu, so boleh dapat balik bila pemilik-pemilik itu menjualkan rumah-rumah tersebut tetapi jangka masa ini JMB pun tiada cukup wang untuk membayar wang pendahuluan ini.

Masalah ini saya yang mencadangkan bolehkah Kerajaan Negeri *separate*(dengan izin), *separate strata title* dengan *individual*, siapa yang bayar kita boleh menguruskan *strata title* kepada mereka dulu. Siapa yang tidak bayar kita *hold*. Mungkin cadangan ini boleh selesaikan kebanyakan hak milik *strata title* yang tidak memohon. Sepatutnya dalam catatan negeri, Kerajaan Negeri cuma kita ada dapat siapa yang memohon tetapi tidak lulus, tetapi lagi ada banyak yang menghadapi masalah-masalah sebegini yang tidak hendak buat permohonan, kerana bila hendak buat permohonan mereka kena sediakan sejumlah wang sebanyak sebegini.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan. Sebenarnya bukan saja *strata title* yang mereka perlu hadapi begitu juga dengan cukai tanah. Di mana cukai tanah sekarang mereka kena bayar secara seluruh lot, ini adalah pendapatan kepada Kerajaan Negeri, tetapi apabila mereka hendak jual beli rumah sebab mereka tidak ada *strata title* dan tunggakan cukai tanah yang begitu banyak oleh projek tersebut maka mereka menghadapi masalah untuk membayar.

Walaupun saya tahu dia boleh bayar secara individual *lot* tetapi kena melalui satu proses yang lebih panjang. Isu sekarang adalah cukai tanah kalau separuh tidak mahu separuh bayar dia tidak boleh bayar sebab dia bukan serah *hundred percent* bayar jadi pejabat tanah dia tolak kata tidak boleh bayar walaupun ada separuh daripada mereka ingin bayar cukai tanah. Jadi ini merupakan satu kerugian kepada Kerajaan Negeri sebab akta yang sekarang adalah mereka kena bayar *hundred percent*.

Jadi saya sudah tanya Dewan yang lepas dan satu cara kita kena cari jalan untuk menyelesaikan masalah ini kerana ada banyak blok-blok sekarang mereka hendak bayar cukai tanah sebab oleh segolongan yang tidak bertanggungjawab, tidak ingin bayar maka semua tidak mahu bayar. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih Yang Berhormat Pantai Jerejak. Apa *principal* Pakatan Rakyat yang selalu kita kata kita harus adil tetapi dalam kes ini siapa yang hendak bayar tetapi tidak dapat dibayar. Siapa yang tidak bayar mungkin dia hanya tunggu saja, duduk tunggu semua orang bayar dulu. Jadi baki JMB kena tanggung so saya memang ini bukan polisi yang adil, saya harap polisi ini boleh disiasat.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, sejak 2008 Kerajaan Negeri ada mengusahakan untuk menjadikan negeri sebagai negeri bersih dan hijau. Oleh itu isu-isu kebersihan seperti sampah, sisa pepejal kita haruslah mempertimbangkan. Masalah-masalah pembuangan sisa-sisa binaan oleh pihak pemaju, kontraktor dan sub kontraktor telah bermahajarajalela sejak kebelakangan ini. Dalam usaha mengatasi masalah tersebut pihak MPPP telah memperuntukkan pihak pemaju untuk mengemukakan tempat pembuangan sisa-sisa pepejal mereka bagi. Bagi pihak yang gagal mematuhi peraturan tindakan susulan atau *blacklisted* akan diambil.

Saya ada soalan bertulis untuk minta senarai yang dihitamkan, tetapi saya cuma dapat lima kontraktor di bawah MPPP bukan kontraktor swasta. Apa yang kita bincangkan adalah kontraktor swasta yang membuang sisa-sisa binaan di merata tempat yang tidak dapat dikawal. Namun begitu peruntukan akta tanpa penguatkuasaan adalah seperti singa tanpa taring.

Oleh sebab saya telah menerima banyak aduan terdapat isu-isu tersebut seperti pembuangan sisa-sisa di belakang kondo Marina Bay, Tanjung Tokong, Kebun Nyior di Datok Keramat dan kawasan Ching Fang di Air Terjun. Denda sebanyak RM250.00 yang akan dikenakan oleh MPPP dan RM500.00 oleh MPSP ke atas pihak pemaju yang didapati bersalah. Saya rasa denda tersebut terlalu rendah, saya dapati bahawa denda di negara lain seperti di China, denda lebih kurang CNY10,000 kalau ditangkap, denda di Singapore lebih kurang CNY50,000 so pihak Kerajaan boleh mengimpikan sistem guna semula kitar atau kitar semula yang dihayati oleh sesama oleh Negara Jepun.

Yang saya cadangkan tadi kalau sekiranya kita nampak RM250.00 atau RM500.00 denda adalah dikira sebagai kacang putih kepada pemaju atau kontraktor sahaja, so saya cadangkan kita kena menaikkan sampai RM10,000 kalau ditangkap. Dengan usaha tersebut usaha yakin bahawa kepincangan ini dapat diatasi sampai ke akar umbi sebelum masalah itu semakin tenat dan mempengaruhi rakyat Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, tanyalah kepada Kerajaan Negeri pakatan rakyat sejak menjalankan program tanpa plastik beg di negeri kita. Saya ingin memohon sekali lagi *banded polyfoam*, *polystyrene* yang dicadangkan tadi oleh Y.B. Sungai Pinang. Saya sokong dengan sepenuhnya kita harus menghalang sepenuhnya ke atas *polystyrene* atau *polyfoam*, kontena makanan yang kian kebanyakan orang gunakan. Saya ingin meminta Kerajaan supaya mengadakan satu rancangan masa yang teliti, bilakah kita akan menghentikan *polystyrene* atau *polyfoam*, kontena makanan digunakan di Pulau Pinang. Saya terdapat satu isu juga terhadap *polystyrene* yang ini.

Saya hendak memperingatkan penganjur-penganjur Barisan Nasional. Saya sudah bangkitkan pada tahun 2009, penganjur Barisan Nasional yang menganjurkan satu jamuan makan di Rifle Range pada 2009, selepas jamuan telah habis, kita nampak ada sampah sarap terutamanya *polystyrene-polystyrene* yang dibiarkan semacam ini di Rifle Range. Kita juga nampak.... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Adakah jamuan itu yang dimaksudkan disertai atau dianjurkan ketika lawatan Perdana Menteri ke Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Y.B. Seri Delima. Ya, selalu Barisan Nasional mengadakan jamuan-jamuan yang mengupah orang-orang di tempat lain datang ke tempat yang mereka buat jamuan, bukan orang tempatan saja, tetapi orang yang luar dari kawasan itu dan mengotorkan kawasan kita. Ini telah pun berulang sekali lagi pada tahun 2012. Pada Tahun Baru Cina saya masih ingat Perdana Menteri lagi satu kali melawat Pulau Pinang dan mengadakan jamuan di Weld Quay ... (dengan izin), so sekali lagi kita nampak sampah-sampah *polystyrene* masih digunakan dan sampah-sampah tidak dibuang dengan sepatutnya.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Jadi untuk rekod dalam Dewan yang mulia ini, tidak salah kalau kita katakan jamuan-jamuan yang dianjurkan ketika kedatangan Perdana Menteri ini bukan saja tidak mendapat permit untuk jamuan tersebut, nombor satu seperti yang dikatakan oleh Pantai Jerejak. Kedua memang menyebabkan gangguan ketenteraman awam dan lalu lintas dan ketiga masalah menyumbang kepada masalah alam sekitar penggunaan *polystyrene* jadi tidak lain kalau boleh dikatakan bahawa kedatangan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ini sebenarnya menyebabkan banyak kacau dan ganggu di Pulau Pinang untuk rekod. Boleh dikatakan begitu. Yang Berhormat setuju?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Ya, saya bersetuju. Saya nampak satu lagi mungkin Perdana Menteri sukakan kotor. Saya tidak pasti, tetapi kita semua rakyat suka bersih so yang itu kita hendak membersihkan negeri kita. Kita hendak menghalang Perdana Menteri mengotorkan negeri kita.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya minta maaf, ada satu perkara lagi mungkin yang berhormat boleh menjelaskan. Yang Berhormat memang mengetahui banyak perkara, banyak butir-butir. Saya difahamkan tiap-tiap orang ramai sebenarnya pergi kepada pergi ke majlis keramaian ini dibayar wang. Mereka tidak pergi dengan percuma, kononnya dipelawa pemandu teksi dan sebagainya mereka dan selepas majlis itu selesai bila keluar mereka dibayar awang RM50.00 ada yang dibayar RM20.00, semata-mata untuk paparan televisyen itu ada ramai yang menghadiri tetapi sebaliknya memang dibayar wang untuk menghadiri. Boleh Yang Berhormat mengesahkan perkara itu.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Yang Berhormat Seri Delima saya tidak pasti itu. Saya tidak pasti isu-isu itu. Saya tidak hadir, tetapi jamuan Tahun Baru Cina kita ada hadir so saya boleh pastikan yang kebanyakan bukan orang tempatan. Kita nampak bas-bas dari tempat lain menghantar semua dari negeri lain datang untuk jamuan di Pulau Pinang saja. Saya ingin memperingatkan Barisan Nasional terutamanya setelah rakyat kita nampak, rakyat kita semua berusaha untuk membersihkan negeri, seperti apa yang dianjurkan di Gurney Drive. Lebih kurang 3,000 rakyat kita membersihkan Gurney Drive, ada lagi lebih kurang 1,000 penduduk di Pantai Bersih juga menganjurkan gotong-royong dan saya pastikan rakyat kita memang suka bersih, so saya ingin memperingatkan Barisan Nasional terutamanya di Pulau Pinang harus mengikut apa yang kita jalankan, jangan mengotorkan negeri kita. Kalau ini tidak diambil kira, saya harap kalau Perdana Menteri suka kotor, saya harap dia pergi mengotorkan negeri yang lain bukan Negeri Pakatan Rakyat, fahamlah.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, satu isu lagi adalah isu kebersihan pantai. Kawasan pantai termasyur memang sudah menjadi ramai orang pergi bersiar-siar dan makan angin di situ. Ia telah menjadi tempat begitu banyak penjaja dan pelawat. Oleh kerana penjaja yang berlesen atau yang tidak berlesen lebih mengutamakan keuntungan dari menjaga kebersihan alam. Tidak hairanlah jika anda berada di situ pagi setiap hari di situ, pasti ada tikus lalat, anjing, burung gagak dan sampah-sarap di merata tempat.

Terdapat juga van-van atau kenderaan niaga diletakkan di situ 24 jam. Pihak bertanggungjawab harus tingkatkan tindakan terhadap penjaja-penjaja tersebut, jangan lupa kepentingan rakyat. Saya dapat juga ada pusat penjaja yang sudah siap dibina tetapi kurang penjaja di situ. Pihak Berkuasa harus mencari dan mengkaji sebab-sebab kurang mendapat sambutan penjaja, peniaga dan berikhtiar agar menggalakkan penjaja berniaga. Jika membiarkan penjaja peniaga tanpa lesen mungkin jalan-jalan akan kurang sesak dan juga tempat pantai akan dibersihkan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, satu isu lagi yang saya nak bangkitkan adalah isu pengangkutan awam dan trafik. Dalam soalan bertulis saya ada tanyakan “kempen kunci roda kenderaan dan tunda kenderaan yang telah dilaksanakan pada 1hb. Jun 2011 dan apakah yang statusnya”. Saya dimaklumkan di kawasan Pulau Tikus MPPP telah mengunci roda sejumlah 1,254 kenderaan dan dua (2) kenderaan telah ditunda sejak 1hb. Jun 2011 sampai 13hb. April 2012, nampaknya banyak pemandu dikunci atau dihukum, tetapi kesannya belum sampai tahap yang memuaskan. Saya mencadangkan menambahkan denda sebanyak dari RM50.00 dan menaikkan kepada RM250.00 dan mungkin tunda boleh haruslah ditambah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Y.B. bercakap tentang isu kunci roda ini, adakah Yang Berhormat sedar, bahawa pertamanya ada anggota-anggota daripada penguatkuasaan yang memberikan persepsi yang berbeza sedikit, ketika melakukan tindakan-tindakan penguatkuasaan, mesej yang disampaikan kepada orang-orang yang terlibat, ini adalah arahan Kerajaan kita dan Kerajaan terlebih dahulu Kerajaan dahulu tidak membuat arahan tertentu dan ini memberi satu imej yang tidak begitu baik tentang Kerajaan Pakatan Rakyat. Jadi adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa penguatkuasaan tindakan mengunci ini kita lebih berhemah lagi, mungkin sepatutnya menetapkan tata cara seperti umpamanya menunggu membenarkan anggota-anggota pasukan itu meniupkan wisel, menunggu seketika sebelum kita melaksanakan tindakan mengunci roda. Saya amat kuatir bahawa isu ini mungkin menjadi isu politik, mungkin menjadi isu politik menjelang pilihan raya akan datang, bahawa tindakan penguatkuasaan ini tidak dilakukan oleh Kerajaan sebelum ini dan kita melakukannya dan kita takut mungkin menyebabkan kita hilang sokongan daripada kalangan orang-orang Pulau Pinang Yang Berhormat ...(dengan izin). mungkin perlu diberi perhatian sebelum dilaksanakan penguatkuasaan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih Y.B. Seri Delima untuk mengatasikan masalah kesesakan saya memang saya bersetuju, kalau kita haruslah memfokuskan jalan-jalan terutama saja seperti Jalan Burma dari Komtar sampai ke Pulau Tikus seperti Jalan Air Itam, Jalan Datok Keramat dari Komtar sampai ke Air Itam dan beberapa jalan utama dan bukan semua jalan yang kita nak mengambil tindakan, yang saya mungkin kena memperingatkan MPPP juga, yang penting sekali, apa yang kita mengapakah kita yang untuk menjalankan polisi yang sebegini adalah untuk laluan yang lancar, kalau kita kata laluan yang lancar sepatutnya jalan malam pukul 10.30 kita tidak tunda, tidak dikunci.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta laluan boleh. Ahli Pulau Tikus saya nak tau pada program kunci roda, pernahkah orang awam dipukul sampai kepala pecah ataupun lepas banyak lewat malam masih kunci roda di Lebuh Pantai?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat sebelum itu sebelum Yang Berhormat, memberi pengulasan tentang perkara ini saya cuma ingin menarik perhatian Yang Berhormat, daripada apa yang makluman yang saya terima kebanyakan, mereka yang selalunya meletakkan kereta di bahu-bahu jalan, mungkinlah saya tidak mengatakan saya tidak membuat tuduhan mungkin warga-warga emas kemungkinan ingin turun seketika untuk membeli di kedai runcit, barang-barang di kedai runcit dan sebagainya seketika sahaja ada kejadian-kejadian incident di mana sejurus selepas mereka turun sempat untuk pergi beli barang itu mereka keluar dan lihat kenderaan itu telah pun dikunci.

Jadi ini adalah *incident*, bagi pihak saya cukup menimbulkan perasaan tidak puas hati dikalangan masyarakat Pulau Pinang. Mengapakan Kerajaan kita mengamalkan perkara ini sekarang jadi sebab itu saya mencadangkan niat saya adalah supaya kita tidak hilang sokongan daripada penduduk-penduduk, khususnya di kawasan Yang Berhormat sendiri kerana banyak keluhan dan rintihan daripada penduduk-penduduk dikawasan itu yang mengatakan bahawa walaupun kenderaan itu diletakkan di situ seketika, untuk mereka turun umpamanya untuk pergi beli roti, hari Ahad malam, umpamanya katakan ataupun hari Sabtu mereka mengatakan bila mereka balik kenderaan itu terus dikuncikan, jadi perkara ini saya minta supaya Yang Berhormat boleh mengulas dan pihak yang bertanggungjawab di pihak EXCO, memberi perhatian. Saya cuma minta supaya kita menjalankan mengamalkan proses penguatkuasaan yang lebih berhemah lagi supaya kita tidak menimbulkan perasaan tidak puas hati terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih Yang Berhormat apa yang asal-asalnya untuk mencadangkan roda kereta ini kita yang mula-mulanya kita berada di Pulau Tikus kita adalah menentukan masa yang sesak bila kalau tidak salah pukul 11.00 sampai pukul 1.00 dan paginya pukul 8.30 sampai pukul 10.00, jadi semasa yang kita tentukan yang masa ini kita akan kita akan *clamping* ... (dengan izinnya). Apa saya yang bersetuju kepada Y.B. Seri Delima kerana kita tiada fokus kita nak buat seluruh Pulau Pinang ini bukan yang kita *main power* kita(dengan izinnya), cukup untuk *cattle* dalam seluruh Pulau Pinang atau di George Town so saya minta boleh kaji semula kerana inilah yang penting sekali untuk melancarkan dan menghalang dan mengurangkan kesesakan lalu lintas so saya cadang sekali lagi mungkin jalan terutama dan masa tertetap kita kena ditentukan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan. Terima kasih Y.B. Pulau Tikus sebenarnya kunci roda ini polisi mungkin di Pulau Pinang Island baru saja, tetapi sebaliknya kita Minland lebih lama dijalankan, tetapi saya bersetuju memang saya selalu terima aduan daripada orang awam katakan kita punya orang tindakan kuasa, ada sedikit salah guna kuasa seperti seketika mereka turun kereta balik kereta telah dikunci mungkin saya tidak menafikan mungkin ada keadaan ini berlaku.

Saya di sini cuma nak mengelirukan tidak kira MPSP, MPPP bila menjalankan tugas kena ikut syarat-syarat dan garis panduan dia kena menyembunyikan wisel untuk perhatian kepada tuan punya keretanya untuk ubah keretanya daripada kawasan tidak sesuai, sebab sebenarnya kunci roda itu tujuan kita untuk tidak memberikan orang awam tidak letak kereta di merata tempat, kerana mengganggu jalan niat itu memang baik. Saya sebenar sokong cuma jangan kita adakan mereka ikut garisan panduan.

Saya pernah terima aduan daripada kawasan Bukit Mertajam, dia kata ada yang berjalan tugas dengan sengaja saja dengan beberapa orang tertentu. Tetapi walau bagaimanapun saya harap saya sudah bagi tahu YDP seketika tertentu untuk menjalankan siasatan yang lebih lanjut dan sebenarnya saya rasa, kunci roda perlu dijalankan, kalau tidak memang akan jadi masalah diketika, masa yang sibuk memang saya nampak di kawasan saya dalam kalam kabut, sampai kereta orang letak di dalam sudah satu kereta kunci dia letak dibetul-betul, tapi di belakangnya dia nak keluar tak dapat cari tuan punya kereta dan kereta yang letak di petak itu jadi mangsa, dia nak balik pun tak boleh keluar, tak boleh itu sana keriau saja jadi untuk mengatasi sebegitu sedemikian saya sebenarnya saya sokong kita perlu ambil tindakan dengan berhemah dan ikut garisan panduan yang kita ada. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Minta penjelasan. Y.B. Pulau Tikus setujukah Y.B. Pulau Tikus bahawa jikalau kita set satu tempat, satu masa sahaja untuk mengambil kunci roda kereta yang melanggar undang-undang. Adakah tempat tersebut atau orang yang kena itu selalu kata mengapa di sini selalu yang kunci kereta saja, tempat lain tak kunci kereta. Dan di bawah undang-undang kita semua pun tahu semua orang sama rata so kita sebagai *legislator*. Pandangan saya kita adalah bertanggungjawab untuk mendidikkan rakyat kita dan kita sama-sama kena ambil sebagai contoh yang bagus, supaya mengikuti undang-undang macam ini generasi yang muda kita baru boleh ikut, so jika semua orang tak boleh keluarkan *first step* dan hanya kerana kita nak undi sahaja, so *why want to have* undang-undang *and why we are here?* Setujukah Y.B. Pulau Tikus?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih Y.B. Padang Lalang dan Y.B. Pengkalan Kota sepatutnya saya bersetuju kepada apa yang kata oleh apa yang ucap oleh Y.B. Padang Lalang. Peraturan-peraturan haruslah ditentukan tetapi saya tidak bersetuju kepada Y.B. Seri Delima yang tadi katakan kita kena *wise/* kena tunggu kerana tempat mungkin tempat yang sesak semacam Pulau Tikus, dia tak ada masa untuk ditunggu lagi kalau tiga saat pun dia akan kesesakan akan banyak serius.

Jadi saya pun tidak bersetuju ke atas apa yang Y.B. Pengkalan Kota tadi bangkitkan. Apa yang Singapore buat kalau mereka adakah mereka bila kita kata tangkap laju, pemandu tangkap laju, kalau di Malaysia mana kita nampak Polis yang tangkap laju, so selalu kita tak nampak, bila kita lebih laju baru mereka wujud. Kalau di Singapore mereka adakan satu tanda sinilah kita ada kamera untuk tangkap laju. Mengapa mereka buat begini kerana mereka nak *educated*, mereka nak pendidikan ini tempat yang bahaya janganlah laju so mereka bubuhkan tanda sini tangkap kamera tangkap foto untuk yang bawa laju.

Apa yang kata kita tak kalau kita kata kita tidak kunci kepada semua tempat di Pulau Pinang, adalah tidak adil, tetapi saya nak katakan begitu kerana tempat yang tidak kunci roda tiada kesesakan, so kita cuma nak mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi janganlah kita masuk ke kawasan perumahan untuk kuncikan mereka, so ini yang apa yang saya cadangkan kita boleh had kan beberapa jalan utama dan sibuk menentukan tempat menentukan masa, yang itulah kerja kita kita kena haruslah menentukan tempat dan masa untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sedikit saja Y.B. minta maaf, di kawasan ini mungkin Yang Berhormat cakap tentang pengalaman di kawasan sendiri, tetapi di kawasan saya untuk rekod saya telah minta jasa baik MPPP untuk mengeluarkan papan tanda-papan tanda, bahawa roda itu akan dikunci kerana selepas papan tanda papan tanda itu dipasang. Pusat khidmat saya telah menerima banyak aduan, khususnya warga-warga emas yang tinggal di kawasan saya mengadu, bahawa walaupun tindakan tidak diambil mereka tidak begitu selesa dengan tindakan itu. Jadi dalam kawasan saya saya telah memohon jasa baik pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan juga Ahli-ahli Majlis untuk tidak menasihatkan MPPP supaya tidak diambil tindakan itu kerana di kawasan saya, selepas papan tanda itu dipasang penyelarasan Barisan Nasional telah turun ke Padang di Pusat Khidmat semasa menyerahkan BR1M dan telah menyatakan kamu lihatlah apa yang telah berlaku kepada kawasan kita, papan-papan tanda itu telah dipasang dan inilah apa yang balasan yang akan diberikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat jika mengundi mereka. Jadi bila perkara ini dimaklum balas kepada saya dengan serta-merta telah menghantar surat dan minta supaya papan tanda itu diturunkan dan minta jasa baik pihak MPPP supaya tidak melaksanakan tindakan itu jika perlu juga mengamalkan proses berhemah lagi sebelum tindakan itu diambil. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih saya sokong tindakan apa yang cadang oleh Y.B. Seri Delima kerana saya sedarkan tempat ini yang perjalanannya bukan jalan utama, yang itu saya sokong apa yang Y.B. Seri Delima yang kata tadi. Y.B. Dato' Timbalan Speaker saya ingin mencadangkan satu lagi satu isu lagi yang saya ingin mencadangkan untuk...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Tadi Ahli Y.B. kata di Singapura letak papan-papan untuk kesedaran dan pendidikan, tetapi belum habis you sokong dia kata keluarkan semua papan-papan tanda itu papan tanda sebagai satu kesedaran juga, supaya mereka tidak meletak kereta sewenang-wenangnya so apakah pendirian sebenarnya pendirian Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sebenarnya saya ingin menyokong Pulau Tikus, kerana mungkin apa yang dikatakan oleh Y.B. Pulau Tikus betul Yang Berhormat kerana ia merupakan pada keadaan *local situation* ...(dengan izin), Timbalan Speaker kerana mungkin dalam keadaan saya di kawasan saya apa yang dikatakan

oleh Y.B. Pulau Tikus adalah betul kerana ia bukanlah jalan utama dan merupakan persimpangan ataupun kawasan perumahan tetapi keadaan Y.B. Pulau Tikus pula adalah berbeza kerana ia merupakan laluan utama daripada George Town ke kawasan hotel-hotel dan sebagainya di Tanjong Bunga dan Pulau Tikus mungkin itu adalah perbezaan dengan keadaan Y.B. Pulau Tikus dan keadaan yang hadapi, saya serah balik kepada Y.B. Pulau Tikus. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih Y.B. Seri Delima saya pun rakan saya pun telah jawab apa yang pandangan saya. Y.B. Timbalan Dato' Speaker saya ingin mencadangkan satu lagi supaya kenderaan berat tidak termasuk bas persiaran dan bas sekolah kenderaan berat tidak dibenarkan untuk memasukkan kepada *town area* ...(dengan izinnya), pada masa yang ditentukan seperti masa pekerjaan atau masa yang sibuk, hal ini adalah penting kerana kemasukkan kenderaan berat pada waktu sibuk, seperti masa habis sekolah sememangnya telah menimbulkan kesesakan trafik yang teruk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Y.B. sikit saja berkenaan kesesakan trafik sedarkah Y.B. satu perkara yang perlu diberi perhatian kalau hari Jumaat ataupun hari minggu hari Jumaat lah bila kita bekerja di Free Treat Zone umpamanya dekat Bayan Lepas di salah sebuah *factory* di sana ...(dengan izin), kalau kita tinggal di Sungai Petani selepas habis kerja pukul 6.00 mungkin pukul 10.00 kita akan sampai ke rumah kerana kesesakan lalu lintas begitu teruk sekali di mana kita terpaksa mengharungi *bumper bumper crook* dari pukul 6.00 petang. Sekali bila saya terpaksa pergi daripada Bayan Lepas ke satu jamuan di Butterworth saya hanya sampai di jamuan itu lebih kurang pukul 9.45, apabila berlepas daripada Bayan Lepas lebih kurang 6.15 petang jadi mungkin kita harus memberi perhatian kepada cadangan Yang Berhormat tadi supaya kenderaan-kenderaan berat dihalang sama sekali daripada kenderaan itu. Cuba Yang Berhormat untuk menggunakan jalan daripada Bayan Lepas kalau nak menyeberangi jambatan pada hari Jumaat lebih kurang pukul 6.00 kita bermula, sampai menyeberangi jambatan di sebelah Seberang Jaya sekurang-kurangnya satu setengah (1½) atau dua (2) jam baru kita akan sampai, ini masalah yang kita perlu memberi perhatian.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih Y.B. Seri Delima yang telah Y.B. Seri Delima memberi taukan kepada kita yang itu kesesakan pada hari Ahad saya pun nak tambah kesesakan Jumaat saya pun ingin menambahkan beberapa *hot spot* di sini ... (dengan izinnya), satu adalah dengan apa yang kata jalan Dr. Tun Lim Chong

Eu dari Free Treat Zone ke Butterworth sampai ke George Town yang kedua (2) Jalan Permatang Damar Laut yang laluan dari Telok Kompar sampai ke *Airport* so memang itu adalah satu *bottle net*, so selalu kita nampaknya perjalanan ini amat sesak kalau balik ke waktu sibuk, yang ketiga (3) Jalan Kelawai dengan Gurney Drive.

Apa yang cadangan saya, saya haraplah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan kerana kita terdapat kalau kenderaan besar kenderaan berat itu masuk bandar dan *loading* atau *unloading*(dengan izinnya), so semasa *loading* atau *unloading*, so semua keseluruhan jalan akan nampaknya kesesakan dengan teruk, so kawasan George Town sebagai heritage telah mengalami kesesakan yang serius apabila kawasan apabila kenderaan berat memasuki kawasan tersebut. Ini sememangnya mendatangkan impak yang negatif kepada pelancong asing menurunkan taraf kehidupan rakyat.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh ke atas satu isu berkenaan dengan bas perkhidmatan bas-bas rapid sudah lima (5) tahun berkhidmat di Pulau dan Seberang Perai orang yang banyak menggunakan bas ialah pekerja, pelajar, warga emas dan warga asing. Masalah yang ramai orang menunggu bas ialah sebelah pagi, tengah hari dan petang, di waktu yang lain kurang orang menaik bas, banyak sebab mengapa kurang menggunakan perkhidmatan bas dan saya dimaklumkan kerana bas masa tidak kerap terdapat sesetengah kawasan belum ada perkhidmatan bas Farlim dan Relau, oleh sebab sesak jalan bas tidak ikut masa selalu tidak tepat masa, tiada papan *info* dipamer dikebanyakan perhentian bas kecuali di KOMTAR dan dilapangan terbang Bayan Lepas. Susah lagi warga asing warga emas dan pelancong menggunakan bas kerana mereka selalu tidak tahu, berapakah tambangnya dan selalu tiada petunjuk yang jelas so bila mereka naik bas baru tanya dua (2) soalan. Adakah bas ini pergi ke KOMTAR? Adakah bas ini lalu tempat ini, lalu tempat sana” Yang kedua berapakah saya kena bayar? Jadi saya nak mencadangkan supaya Kerajaan Tempatan boleh bekerjasama dengan syarikat Rapid untuk menyelesaikan masalah-masalah seperti begini, yang saya yakin masalah-masalah ini adalah cuma masalah *administrative* ...(dengan izinnya). Kerajaan Negeri menggalakkan rakyat menggunakan motokar pada hari Ahad untuk menjaga udara tidak tercemar. Saya cadangkan bolehkah Kerajaan Negeri juga menggalakkan hari menaiki bas pada hari-hari yang tertentu, mungkin kita boleh cuba satu hari dan selepas itu boleh menambahkan pada hari yang masa akan datang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama-sama Kerajaan Negeri mempunyai dua (2) orang EXCO yang masing-masing menjaga jawatankuasa kebajikan dan jawatankuasa pembangunan keluarga dan masyarakat dapat menjaga satu cabaran dengan mendirikan Pusat Jagaan Warga Tua dan mewujudkan satu

program perkhidmatan berpenjagaan ke rumah Pusat Jagaan Warga Tua atau Warga Emas di Pulau Pinang, yang menawarkan jagaan secara percuma, seperti rumah orang tua dan uzur *little sister of the poor*, rumah jagaan orang tua mengenakan syarat-syarat iaitu berumur 60 tahun ke atas dan tidak mempunyai waris, syarat-syarat ini menyebabkan ramai warga tua yang mempunyai waris, tetapi tidak dijaga dengan baik, tidak dapat dipertimbangkan untuk dimasukkan ke pusat-pusat jagaan tersebut oleh sebab itu ramai golongan suami isteri yang bekerja terpaksa tinggalkan orang tua di rumah tanpa jagaan yang sempurna. Ada yang terpaksa berhenti kerja untuk menjaga orang tua kerana tidak mampu menghantar orang tua ke pusat jagaan swasta. Mengenakan caj yang tinggi memandangkan penduduk di Negeri Pulau Pinang kini adalah dari keluarga, yang kedua-dua suami isteri bekerja maka ada perlu ditubuhkan pusat jagaan warga emas atau warga tua. Bagi sasaran tertentu tersebut pada masa yang sama program perkhidmatan lawatan berpenjagaan ke rumah boleh diperkenalkan program ini menawarkan perkhidmatan lawatan ke rumah supaya jagaan ringkas boleh dibuat di tempat kediaman warga tua.

Kebaikkannya ialah warga tua tidak perlu meninggalkan rumahnya dan jagaan ringkas dapat disediakan di rumah, ia juga tidak akan membebankan keluarga berpendapatan rendah kerana dia berbentuk lawatan ke rumah dan jagaan ringkas warga tua ke rumah serta dibantu oleh pihak Kerajaan. Kedua-dua program ini perlu dilaksanakan untuk memperkasakan nilai kekeluargaan di kalangan masyarakat kita dan kita perlu bersiap sedia kerana masyarakat kita sedang menghala ke masyarakat penuaan iaitu golongan warga tua yang makin meningkat. Ia juga dapat membolehkan kedua-dua suami isteri bekerja ke luar tanpa terikat dengan kewajipan duduk di rumah untuk menjaga orang tua sepenuh masa. Oleh itu saya memohon kedua-dua EXCO Kebajikan dan Pembangunan Keluarga dapat memberi pertimbangan ke atas cadangan ini.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker pendidikan mempunyai impak yang besar ke atas pelbagai peluang ke atas kehidupan rakyat untuk memperolehi dan mengekalkan kualiti kehidupan. Peranan Institut Pengajian Tinggi Swasta memainkan peranan penting dalam kehidupan rakyat dari segi menyediakan peluang pengajian, penjimatan, pertukaran wang asing dan sumbangan untuk menjadikan Malaysia atau Pulau Pinang sebagai hab kecemerlangan tinggi antarabangsa. Penubuhan Hab Pendidikan di Negeri Pulau Pinang dapat mempertingkatkan perkhidmatan dan mutu institusi pengajian tinggi swasta serta dapat mengeratkan kerjasama dengan universiti tempatan untuk menggalakkan penawaran di negara asing. Saya mendapati bahawa kebanyakan pelajar institusi pengajian tinggi swasta di Negeri Pulau Pinang tidak dapat menikmati kemudahan serta fasiliti yang sama jika dibandingkan dengan institusi pengajian tinggi awam.

Oleh sebab itu saya bercadang bahawa pihak Kerajaan boleh mendirikan hab pendidikan yang memenuhi fasiliti-fasiliti yang bertaraf antarabangsa yang menjalankan polisi perkongsian tersebut di antara institusi-institusi pengajian tinggi swasta sesama lain di semua daerah. Dengan pendek kata hab pendidikan merupakan satu sistem bermutu tinggi di samping pengajaran dan perbelanjaan penyelidikan dan prasarana penginapan dan rekreasi yang bertaraf antarabangsa. Implimentasi polisi tersebut... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju seperti parti-parti dalam Barisan Nasional seperti MIC yang melaung-laungkan bahawa mereka telah menubuhkan Kolej AIMST, GERAKAN pula bercakap tentang wawasan Universiti kita Pakatan Rakyat. MCA pula tentang TAR Kolej dalam Pakatan Rakyat. Setujukah Yang Berhormat untuk merealisasikan impian penduduk-penduduk di Pulau Pinang untuk memberi pendidikan taraf antarabangsa di Pulau Pinang, bahawa kita juga perlu mengambil inisiatif untuk mendirikan mungkin juga kolej swasta dengan gabungan universiti antarabangsa untuk memberikan perkhidmatan yang lebih bermutu kepada rakyat Pulau Pinang, di mana mereka dapat memperolehi Ijazah Antarabangsa tanpa meninggalkan Pulau Pinang. Mungkin bayaran-bayaran yang berkurangan di Pulau Pinang.

Adakah Yang terhormat bersetuju kita mungkin kita perlu mempelopori inisiatif tersebut mungkin kita perlu mendirikan satu institut yang akan menunjukkan satu universiti dan kita juga perlu mengambil inisiatif untuk mendirikan pusat didikan, di mana pendidikan antarabangsa itu dapat diberikan kepada rakyat Malaysia di Pulau Pinang berbilang kaum, di mana mereka boleh mendapatkan pendidikan itu di Pulau Pinang, tanpa meninggalkan Pulau Pinang, setujukah Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Ya, saya bersetuju, terima kasih. Cadangan-cadangan ini bukanlah sahaja untuk menarik atau menarik universiti antarabangsa tetapi yang terpentingnya ialah menaikkan taraf fasiliti kolej-kolej yang sedang ada di negeri kita. Maka kita nampak sekarang sebuah kolej mungkin dia cuma ada satu *building* tiga *story* ...(dengan izin), dia pun sendiri kolej dan mengambilkan pelajar-pelajar dari luar negara, so bila pelajar-pelajar dari luar negara mereka masuk, nampaknya cuma itu tiga tingkat saja, itu panggil kolej antarabangsa, so ini saya yang memanglah kita kata kalau yang keadaan begitu begini dijalankan seterusnya mungkin pada masa yang depan tiada lagi pelajar-pelajar asing yang meyakinkan universiti-universiti atau kolej-kolej di negeri kita, saya cuma mencadangkan untuk menaikkan taraf fasiliti ke kolej-

kolej yang tersebut dan juga saya tidak kata tidak bersetuju. Saya sokong dengan sepenuhnya dan cuma ada satu lagi cadangan untuk menarik universiti-universiti antarabangsa untuk me *localize*.....(dengan izin).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih, Yang Berhormat, saya bertanya soalan ini kerana saya bercakap daripada pengalaman sendiri ada salah seorang daripada saudara saya yang telah memohon untuk menuntut di AIMST College yang kita lihat parti MIC mengatakan itulah satu-satunya kolej untuk orang-orang India di Malaysia yang telah didirikan MIC di mana pendidikan antarabangsa dikenakan bayaran yang begitu murah, tetapi itu adalah indah khabar dari rupa, sebenarnya bayaran-bayaran yang dikenakan di AIMST kolej itu begitu tinggi, di mana hanya orang-orang yang betul-betul berkemampuan boleh belajar di situ. ia sebenarnya tidak memberi satu *option* kepada orang India di Malaysia. Ia sebenarnya merupakan satu kolej yang hanya mungkin dimonopoli oleh MIC, tetapi tujuannya adalah seperti biasa, mereka masih lagi mengenakan bayaran yang begitu tinggi. Jadi tujuan saya bertanya soalan ini kerana kita mahu pendidikan diberikan kepada semua, itu adalah teras kepada perjuangan Pakatan Rakyat di mana orang-orang, warga Pulau Pinang boleh menjadi Doktor, Jurutera, boleh menjadi pakar dan sebagainya dengan membayar bayaran-bayaran yang munasabah yang mampu dibiayai oleh keluarga.

Ini adalah perkara yang sama berlaku di Wawasan Universiti malahan juga di TAR College dan apa yang saya lihat adalah lebih cenderung untuk penuntut-penuntut yang masuk ke dalam AIMST College itu dengan secara tidak langsung menyokong Barisan Nasional, kerana mereka berfikir bahawa oh. Ini adalah sesuatu yang didirikan oleh Barisan Nasional, MIC dan sebagainya jadi mungkin perkara ini juga kita perlu memberi tumpuan supaya kita juga dapat mendirikan Universiti-universiti di Pulau Pinang, di mana pendidikan dibiayai oleh Kerajaan kita sendiri dan orang-orang khususnya di Pulau Pinang dapat menuntut dan memperolehi ijazah dengan bayaran yang munasabah, waktu mereka sedang belajar dan juga bekerja pada masa yang sama, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih cadangan yang amat baik, saya ingat inilah bezanya Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat apa yang dicadangkan oleh Ahli Seri Delima....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih, Yang Berhormat, Y.B. Dato' Timbalan Speaker, selaras dengan peraturan mesyuarat 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 7hb. Mei 2012 (Isnin) dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ada sokongan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 7hb. Mei sehingga jam 7.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang setuju katakan “Ya”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju katakan “Tidak”.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Sebulat suara usul dipersetujui. Sila sambungkan Ahli Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, terima kasih, terima kasih Y.B. dari Seri Delima yang mencadangkan solusi untuk rakyat kita saya nampaknya ini berbeza daripada Barisan Nasional dengan Pakatan Rakyat. Kalau kita ada peluang menjadi Kerajaan Pusat pada pilihan raya yang akan datang, mungkinkah cadangan ini boleh dilaksanakan, memanglah, mestilah cadangan ini boleh dilaksanakan, Y.B. Dato' Timbalan Speaker...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Sedikit penjelasan, selama 30 tahun, kita nampak satu *trend* di Malaysia, parti-parti politik ini terutama Barisan Nasional menubuhkan kolej dan universiti masing-masing, saya tidak tahulah apa rasional ini, siapa-siapa

pun boleh menubuhkan kolej, tetapi apabila parti-parti menubuhkan kolej atau universiti ini, nampaknya di bawah pendidikan ini pun dipolitikkan. Macam tadi Ahli Seri Delima bincang dengan AIMST dan AIMST ini diberi gambaran untuk orang India, tetapi kita tahu bahawa yuran ini tidak beza dengan kolej-kolej lain. Mereka yang tidak mampu rasa tidak boleh masuk dalam kolej AIMST dan MCA pula Universiti Tungku Abdul Rahman (TAR) alasan UMNO dan MCA ini adalah universiti, kolejnya.

Jadi tadi Yang Berhormat mengemukakan satu solusi bahawa, macam Kerajaan Negeri mahu menaikkan taraf pendidikan pihak swasta terutamanya. Saya rasa itu cadangan yang baik, tetapi bagaimana kita hendak buat, ini pihak swasta dan kita pun ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang sahaja dan kita pun tidak mempunyai dana begitu.

Walaupun kita mempromosikan kolej-kolej ini dengan mengadakan dialog, kempen-kempen promosi supaya kita menarik pelajar dari luar negeri, tetapi malangnya saya ingat lebih kurang kita ada 500 pelajar asing sahaja di kolej-kolej swasta, semua pergi ke Kuala Lumpur, Lembah Klang.

Jadi penubuhan universiti dan kolej ini kita juga ada impian mewujudkan hab pendidikan dan sebagainya, baru-baru ini ada sebuah universiti datang dan berminat, ini adalah tentang *agreement study* dan sebagainya. Jadi apakah pandang saudara, saya rasa DAP, PKR atau PAS tidak ada apa-apa cadangan sampai sekarang untuk menubuhkan, sebab kita tidak mahu masuk dalam perangkap yang telah jadi di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional tubuhkan pendidikan dan tubuhkan institusi kemudian mempolitikkan pendidikan dan sebagainya. Apa pandangan saudara adakah merujuk kepada parti komponen parti PAKATAN atau merujukan kepada Kerajaan Negeri, tetapi apabila merujuk kepada Kerajaan Negeri, kita cuma sahaja di Negeri Pulau Pinang atau pun Selangor kita tidak ada modal dan sebagainya, jadi apa pandangan saudara.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih Y.B. Perai, sepatutnya cadangan saya awal-awal lagi tidak bersetuju sebagai sebuah parti politik mengadakan satu kolej atau universiti swasta. Cadangan saya bukanlah kita hendak membantu dan memberikan dana kepada kolej-kolej swasta. Apa yang saya cadangkan kita mengadakan satu pElan, mengadakan satu rancangan untuk membangunkan satu *education hub* dengan fasilitet-fasilitet tertentu termasuk *swimming pool* kah, termasuk *library* kah, termasuk semua fasilitet yang mesti ada dan kita paksakan kolej-kolej tersebut haruslah berpindah masuk belikah atau sewa, mereka haruslah pindah masuk dengan berkongsi fasilitet di dalam satu *education hub* yang kita sediakan, mungkin dalam lima daerah yang saya cadangkan, tapi bila kita kata paksa, kalau kolej itu tidak mahu masuk ke

dalam *education hub* yang kita sediakan tidak mahu belikah atau tidak mahu sewa mereka boleh mendirikan kolej sendiri dengan fasilitet yang kita paksakan.

Jadi apa yang saya cadangkan kolej yang diwujudkan di Pulau Pinang haruslah mengadakan satu *standard* haruslah mengadakan satu *standard* dengan terkumpul semua fasilitet termasuk *library*, mungkin badminton kot, so saya nampak ini bukanlah menggunakan wang Kerajaan atau wang rakyat untuk membantukan kolej swasta, tetapi kita mungkin boleh buat satu *venture* dengan pemaju itulah pemajuan *education hub* dan mereka boleh menjualkan fasilitet atau berkongsikan fasilitet.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, saya minta laluan, saya juga minta Yang Berhormat untuk memberikan ulasan, kerana kita lihat sejak kebelakangan ini institusi pendidikan ini juga digunakan untuk memaksa seseorang penuntut itu mengambil pendidikan politik, umpamanya penuntut yang telah menurunkan bendera Perdana Menteri di Putra World Trade Center (PWTC), kejadian itu telah pun diberi liputan luas dalam media massa, dalam *online* dan kita lihat bahawa penuntut itu diambil tindakan, di mana saya difahamkan beliau telah dibuang daripada kursus yang ketika itu beliau sedang ambil dan sekarang kita lihat seorang lagi penuntut dalam laman web, pada hari ini yang dilaporkan kononnya telah mengeluarkan ugutan terhadap Polis DiRaja Malaysia (PDRM) iaitu penuntut daripada UiTM pula sekarang telah diberi surat tunjuk sebab dan kemungkinan tindakan akan diambil dan ini sekarang kita mengongkong penuntut-penuntut.

Di luar negara saya difahamkan penuntut-penuntut menubuhkan kelab UMNO ada kelab UMNO di UK, ada kelab UMNO di Amerika Syarikat, apa salahnya penuntut-penuntut di Malaysia mengambil pendirian dalam perkara-perkara seperti ini. Jadi ini adalah satu lagi aspek yang kita perlu memberi perhatian, ada penyokong-penyokong kita dikalangan penuntut, di mana mereka sudah pun dewasa perlu diberi kebebasan untuk berfikir, untuk bertindak dan sebagainya.

Jadi kalau kita mendirikan sesuatu institusi ini akan lagi memberi kebebasan dan juga membantu kita melanjutkan pengaruh kita dikalangan penuntut-penuntut yang masih dikongkong oleh Kerajaan Persekutuan, kerana kita lihat sekarang amaran-amaran yang dikeluarkan oleh Menteri Pendidikan kononnya bantuan PTPTN itu akan ditarik balik bagi semua penuntut-penuntut yang telah bersama-sama dalam BERSIH.

Jadi saya rasa kita harus bukan sahaja memberi perhatian kepada mendirikan sesuatu institusi bagi Pakatan Rakyat, bagi tujuan memberi pendidikan yang berkualiti dengan bayaran yang munasabah atau pun bayaran yang rendah, tetapi juga untuk memberi kebebasan, kalau penuntut itu esok lusa dia fikir tidak perlulah saya menyertai UiTM atau pun masuk ke Universiti-universiti Kerajaan Persekutuan. Saya ingin sekarang menuntut di Pulau Pinang, kerana di Pulau Pinang kita diberi kebebasan untuk bersuara, mungkin itu merupakan satu perkara yang patut kita memberi perhatian ... (dengan izin), Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih, Yang Berhormat Seri Delima, saya bersetuju ke atas apakah yang kita katakan kebebasan bersuara didalam golongan pelajar-pelajar universiti. Memang ini bukanlah salah satu solusi dengan mendirikan universiti sendiri untuk membebaskan mereka. Saya memang sokong kalau kita mengambil cabaran ke atas polisi-polisi yang Barisan Nasional sekarang yang sedia ada.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, implimentasi yang tadi saya bentangkan polisi tersebut juga dapat menarik minat pelajar dari Luar Negeri dan ini akan menjamin nama baik Pulau Pinang sebagai satu hab pendidikan yang bermutu tinggi.

Y.B. Dato' Timbalan Dato' Speaker, satu isu yang saya hendak saya bangkitkan ialah access pantai, access pantai juga merupakan satu isu yang diberikan perhatian kerana rakyat ini amat mementingkan alam semula jadi. Oleh itu saya berpendapat bahawa pantai tidak patut berpagar, seperti pantai yang kita dapat lihat di negeri kita, pantai yang berpagar akan secara tidak langsungnya menghalang rakyat dan semua pelancong dari luar negeri atau luar negara untuk menghampiri pantai dan menikmati keindahan alam semula jadi, dengan mempunyai pantai yang berpagar rakyat dan pelancong akan merasa kecewa kerana hanya dapat merasai alam semula jadi dalam jarak yang dihadkan.

Saya berharap agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat menjamin rakyat mempunyai peluang kepada rakyat dan pelancong asing untuk mendekatkan diri dengan alam sekitar di pantai. Ini juga dapat menjamin untuk memajukan industri pelancongan di negeri kita. Terdapat perasaan bimbang ke atas isu ini terhadap projek-projek E&O, Sri Tanjong Pinang dan juga *the light* di IJM. Saya mendapat aduan mungkin itu dibimbangkan yang pantai-pantai apa yang tadi projek-projek yang saya sebut akan ditutup atau dipagarkan, so mungkin Kerajaan Negeri haruslah memastikan atau menjamin pantai-pantai tersebut tidak ditutup.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta penjelasan, saya amat menyokong apa yang dicadangkan oleh Y.B. Pulau Tikus, sebab sekarang kalau kita pergi ke pantai Tanjung Pinang dekat *street sky*, kalau kita hendak jalan sepanjang pantai dia ada pagar-pagar ada gate kadangkala dia akan ditutup dan dikuncikan, betul itu adalah kawasan yang *exclusive* dia takut tentang keselamatan dia, tetapi *access* kepada rakyat haruslah dijaga. MPPP haruslah turunkan atau robohkan pagar-pagar tersebut. Adakah ini mengikut kelulusan, saya hendak tanya soalan itu. Apakah itu mengikut kelulusan dalam *planning approved*? Adakah pagar-pagar tersebut diberi permit untuk dibina?, kerana memang kawasan itu adalah kawasan *gate community*, tetapi mereka telah di *protect* dengan *gate* mereka sendiri, *access* pantai itu ditambah lagi oleh *management*.

Jadi saya rasa ini satu yang serius dan kelulusan MPPP dan juga MPSP pada masa hadapan terutamanya projek-projek yang mewah, kondominium yang mewah, ada kalanya mereka sampai ke penghujung *border* pantai dan tidak ada *access* oleh rakyat tidak ada tempat mereka rasa hendak *exclusive*, kondo yang berjuta-juta ringgit. Saya hendak ingatkan kepada MPPP dan MPSP bahawa negeri ini bukan untuk milik orang kaya, negeri ini milik rakyat jadi projek-projek seperti ini tidak harus diluluskan sama sekali, sebab saya dengan ada beberapa projek di kawasan saya yang mereka hendak *access exclusive* kepada pantai dan saya *object* dan akan *seriously object* kepada *future-feuture* projek yang mempunyai *exclusive* kepada pantai sebab ini semua milik rakyat bukan untuk orang kaya, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Terima kasih Y.B. Pantai Jerejak inilah kita nampaknya, bukan sokongan sahaja untuk pendirian tetapi untuk rakyat. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, satu isu yang saya hendak bangkitkan adalah isu tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR). Saya mendapat satu soalan bertulis, saya ada bertanya soalan bertulis. "Adakah projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berada di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya perlu mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Pempatan (PBT)".

Jawapan adalah sebegini. "Untuk projek Kerajaan yang dikendalikan oleh JKR plan permohonan kebenaran merancang perlu dikemukakan melalui seksyen 20(a) Akta Perancangan Desa atau Perancangan Bandar dan Desa 1976. Di bawah peruntukan ini satu proses rundingan dengan semua jabatan teknikal di peringkat negeri perlu diadakan sebelum permohonan kebenaran merancang dibentangkan di dalam jawatankuasa perancangan negeri SPC untuk kelulusan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri (JPBD)

Pulau Pinang". Terdapat aduan terhadap projek-projek yang dijalankan atau yang diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya, bahawa merekalah tidak mengikut peraturan-peraturan yang PBT ada, mungkin kadang-kadang tidak ada *speck* yang perlu diadakan kadang-kadang ada macam Indah Water punya paip melalui longkang MPPP, tetapi pegawai MPPP tidak dimaklumkan so, kalau paip Indah Water melalui longkang MPPP, memanglah kita nampak longkang ini airnya tidak boleh mengalir, tetapi semua ini tidak dimaklumkan oleh MPPP.

Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri haruslah memastikan JKR mengikut peraturan, janganlah bagi orang kata cuma Kerajaan boleh buat sebegini, tetapi orang awam tidak boleh, kita mesti mengikut semua peraturan yang Kerajaan Tempatan tentukan, seperti kalau kita haruslah mengadakan *Setback*, so projek Kerajaan haruslah juga mengikut kena ada *Setback* kalau nampaknya ada satu jalan, semua tanah pemilik atau rumah pemilik bila mereka membuat pembangunan haruslah memberikan 20 kaki *Setback* tapi ada satu lot Kerajaan tidak perlu bagi *Setback*, so cuma kita tengok bila kita hendak meluaskan jalan tiada tempat lagi, so saya memang membimbangkan dan saya meminta Kerajaan Negeri boleh mengkoordinasi JKR dengan MPPP atau MPSP.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana mendapatkan kedudukan pertama berturut-turut dua tahun, ke atas FDI yang tertinggi di negara kita. Saya juga ingin memperingatkan janganlah kita cuma menggunakan FDI Indeks sebagai usaha Kerajaan Negeri ke atas Pembangunan Industri. Sepatutnya SME dan SMI merupakan golongan yang penting sekali, bukanlah sahaja sekarang tetapi pada masa hadapan, seperti apa yang difahamkan pada tahun 80-an dan 90-an di Negara Taiwan, Korea, kerajaan mereka membantu dan mempromosikan SME dan SMI mereka dengan hebatnya. Kini kita dapatlah tengok apakah *result* yang baik terhadap Negara Taiwan dan Korea.

Saya faham Kerajaan Negeri juga mengadakan beberapa polisi atau program-program atau jawatankuasa yang membantu SME dan SMI tetapi masih harus diberi sokongan yang penuh. Saya mencadangkan mengadakan satu jawatankuasa untuk mewujudkan satu *platform* untuk membantu SME dan SMI dari segi melindungi reka cipta *matching inventor* dengan *invested*(dengan izinnya), mempromosikan barangan Pulau Pinang ke pasaran antarabangsa dan mengukuhkan *supply chain* ...(dengan izin), di golongan SME dan SMI dengan syarikat *Multinational Corporate*, saya percaya dengan usaha-usaha dicadangkan negeri kita akan menuju ke arah *International City* ...(dengan izin), dengan lebih awal.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, akhir sekali tahniah kepada anggota kakitangan kerajaan kerana membantu PAKATAN Rakyat menjayakan polisi dan projek-projek dengan lancarnya. Saya juga ingin mengucapkan tahniah

kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri I, Timbalan Ketua Menteri II dan barisan EXCO ke atas kejayaan pada empat setengah tahun yang lalu. Saya yakin rakyat Pulau Pinang dan rakyat Malaysia akan menyokong Kerajaan CAT PAKATAN Rakyat yang bersih pada pilihan raya yang akan datang, sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ya, Ahli Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Terima kasih Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya rasa amat bersyukur dan berterima kasih kerana sekali lagi berpeluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang salam bahagia, salam satu negara, salam satu perjuangan, salam satu bangsa dan salam BERSIH. Mengikut pencapaian Negeri Pulau Pinang sejak 2008 sehingga masa kini, tidak dapat dinafikan bahawa kemasukan pelaburan asing pada tahun 2010 iaitu lebih kurang RM13 billion dan 2011, RM9.1 billion sememangnya telah banyak membantu dalam pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang yang telah membawa pelbagai manfaat kepada rakyatnya. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menggunakan ruang ini untuk membahaskan beberapa perkara yang membawa kesan yang positif kepada Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya, walaupun terdapat pandangan yang berbeza-beza.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, antaranya keberanian dan wawasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menambahkan *plot ratio* untuk pembinaan bangunan komersial dan *ratio* kepadatan *density* untuk pembinaan bangunan kediaman merupakan langkah yang bijak dan saksama dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya yang bertaraf antarabangsa. Sebelum *ratio* kepadatan dinaikkan, bagi projek pembangunan kediaman tinggi *residential high-rise* pemaju hanya boleh membina 60 unit seekar atau 42,000 kaki persegi seekar, manakala untuk kawasan yang tertentu hanya 30 unit untuk seekar sahaja. Selepas pertambahan *ratio* kepadatan tersebut, pemaju kini boleh membina 87 unit seekar atau 122,000 kaki persegi seekar.

Walau bagaimanapun saya juga sedar bahawa pembangunan tidak seharusnya hanya tertumpu pembinaan bangunan konkrit sahaja, malahan ia juga patut fokus kepada pembangunan masyarakat dan komuniti dari segi pendidikan, rohani, mental dan fizikal. Di sini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan beberapa badan seperti CAT Centre, Science Park, Penang Women's Development Corporation Sdn. Bhd., dan lain-lain untuk tujuan tersebut.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, oleh kerana Pulau Pinang merupakan satu negeri kecil yang dihadapi dengan keadaan tanah yang terhad di mana hanya ketinggalan 17% tanah sahaja di sebelah Pulau serta peningkatan nilai tanah yang mendadak, *plot ratio* dan *ratio* kepadatan *density* untuk sesuatu projek pembangunan mestilah dirancang dengan rapi sepadan dengan demografi, infrastruktur, eko-sistem dan sistem pengangkutan awam di kawasan itu termasuk rancangan untuk masa hadapan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, dalam apa jua keadaan pun hanya melalui pembangunan yang seimbang ...(dengan izin), *balance development* barulah Negeri Pulau Pinang boleh mencapai kemajuan yang mapan dan sihat tanpa menjejaskan kedudukan tapak warisan yang sedia ada dan perancangan pada masa yang akan datang. Dengan kadar pertumbuhan populasi Pulau Pinang sekarang, jumlah penduduk Pulau Pinang akan bertambah 30% menjelang tahun 2030. Mengikut *Traffic Master Plan* Pulau Pinang lebih kurang 40% penduduk Pulau Pinang dijangka akan menggunakan pengangkutan awam menjelang tahun 2030.

Justeru itu, inisiatif Kerajaan Pulau Pinang dalam menggalakkan rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam merupakan satu langkah yang baik dan bijak meskipun dalam masa yang sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mesti peka bahawa tanpa kepadatan yang mencukupi, ianya juga tidak akan menyumbang kepada keberjayaan penggunaan pengangkutan awam oleh rakyat Pulau Pinang. Oleh yang demikian, garis panduan yang sedia ada mesti dilihat dan dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan tanah terutamanya di sebelah Pulau yang dibangunkan tidak berbazir ekoran daripada sekatan *plot ratio* atau *ratio* kepadatan yang basi dan tidak sepadan dengan keadaan semasa bagi kawasan yang tertentu.

Y.B. Dato' Speaker, *plot ratio* untuk bangunan komersial yang sedia ada adalah dikategorikan kepada kawasan atau daerah yang tertentu. Namun demikian, garis panduan *plot ratio* yang sedia ada hanya membenarkan 1 kepada 5 sahaja. Sedangkan di Hong Kong adalah 1 kepada 15, Singapura 1 kepada 12 dan DBKL 1 kepada 10.

Pokoknya ialah Kerajaan Pulau Pinang yang pro-aktif, pro-growth dan pro-pembangunan mesti mempunyai rancangan dalam menambahkan *plot ratio* atau *ratio* kepadatan mengikut keperluan dan keadaan semasa. Kelebihan-kelebihan satu bandar raya yang kompak dengan kepadatan yang tinggi adalah seperti berikut:

- 1) Mengurangkan penggunaan pengangkutan seperti kereta;
- 2) menggalakkan penggunaan basikal dan berjalan kaki;

- 3) mengurangkan jarak untuk ulang-alik dari tempat kediaman ke tempat bekerja;
- 4) Menjana pendapatan melalui kegunaan kelengkapan awam seperti telefon awam, tandas dan lain-lain;
- 5) Menambahkan kadar konsumsi;
- 6) Menggalakkan semangat perkampungan; dan
- 7) Lebih ekonomikal dari segi penyelenggaraan infrastruktur, lampu jalan, sistem perparitan, sistem pembetulan dan kelengkapan awam per-kapita...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzim):

Y.B. Kebun Bunga, saya kurang setuju cadangan Yang Berhormat tentang kenaikan *plot ratio* dan sebagainya, sebab pada masa sekarang kadar *population growth* di Pulau Pinang bukannya seperti di Kuala Lumpur, Hong Kong atau negara-negara seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

Sebab keunikan Pulau Pinang adalah dengan suasana *liveable environment* di mana orang tertarik hati datang ke Pulau Pinang sebab tanah lapang yang banyak, ada kemudahan, boleh pergi ke pantai, ada bukit untuk *hiking* dan sebagainya. Ini adalah keunikan kita. Kalau kita bina dengan *plot ratio* yang terlalu tinggi, pertama ianya akan menjadikan Pulau Pinang terlalu sesak. Kedua ia akan melibatkan *over supply* sebab *population growth* tidak dapat mencapai sebegini dan akan mengakibatkan banyak *commercial area* yang *vacant* sebab dia terlalu banyak. Kalau terlalu padat ia akan kehilangan keunikan Pulau Pinang dari *liveable environment*.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Terima kasih Y.B. Pantai Jerejak. Saya sedar bahawa ini satu kekhuatiran ini yang asyik dibangkitkan oleh pihak NGO. Cadangan saya ialah bahawa polisi ini mesti dikaji semula mengikut keadaan semasa. Saya bukan kata kita mesti ikut Hong Kong atau Singapura semata-mata, kerana geografi Singapura dan populasinya adalah berbeza dengan Pulau Pinang, jadi kita ada keunikan tersendiri.

Walau bagaimanapun apa yang hendak saya tegaskan di sini ialah kerana di sebelah Pulau ini kita mempunyai tanah yang terhad, cuma yang tinggal hanya 75%. Kita tidak mahu wujudnya satu keadaan, apabila satu-satu permohonan itu telah disekat oleh *plot ratio* yang mungkin sudah tidak sesuai mengikut keadaan semasa pada masa itu. Akibatnya selepas 5 tahun, 10

tahun atau 20 tahun, kita dapati tempat ini *density* terlalu rendah dan kita perlu naikkan lagi. Jadi apa yang berlaku Y.B. Dato' Timbalan Speaker, adakah kita perlu robohkan semua bangunan selepas itu kita membina balik dan menaikkan lagi *plot ratio*?

Terima kasih atas pandangan tersebut, saya ingin berkongsi juga pandangan itu kerana saya juga anak watan di sini. Saya dilahirkan di Pulau Pinang dan saya hendak pembangunan tetapi pada masa yang sama saya hendak memastikan alam sekitar juga terjamin dan terpelihara, tidak dimanipulasi oleh pihak pemaju, tapi kita mesti peka. Yang penting sekali Kerajaan Negeri Pulau Pinang mesti mengkaji semula polisi dan mendapatkan *feedback* daripada pelbagai pihak NGO dan NGO-NGO kita cukup aktif. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi banyak maklum balas yang cukup efektif dan berguna kepada pihak Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, tadi saya telah memberikan beberapa kelebihan dengan satu bandar raya yang *compact*. Antara satu yang saya sebutkan tadi ialah kalau kita tinggal dalam satu bandar raya yang *compact* seperti contohnya Hong Kong atau Singapura, ianya mempunyai banyak manfaat juga kelebihan. Antaranya ialah ia menggalakkan semangat perkampungan kerana dalam satu tempat itu bandar ia ada *density*, orang akan bergaul dan dia akan berinteraksi. Ini secara automatik akan menjana *spin off* dan pada masa yang sama Y.B. Dato' Timbalan Speaker, ia menjadi lebih ekonomikal dari segi penyelenggaraan infrastruktur seperti lampu jalan, sistem perparitan, sistem pembetulan dan kelengkapan awam per-kapita.

Seterusnya ia juga dapat mengurangkan kos pembinaan sekolah, hospital dan lain-lain kelengkapan yang menjadi kos ulangan sekiranya di bina di beberapa kawasan yang berselerak. Kesembilan ia juga menggunakan tanah secara maksima dan tidak membazir. Seterusnya ia juga mengurangkan penggunaan tenaga dan kos. Kalau kita menumpukan, ...(dengan izin), *if we focus everything on one compact city, we can share the resources*, kita boleh berkongsi sumber-sumber manusia daripada pelbagai jabatan Kerajaan ataupun swasta.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, dalam masa yang sama kalau kalau dengan adanya satu bandar raya yang *compact*, ia juga dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam, lebih-lebih lagi ia memudahkan pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Tempatan dan pelbagaian agensi kerajaan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, kepadatan penduduk Padang Tembak merupakan salah satu yang paling tinggi di Pulau Pinang. Dalam aspek ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh melaksanakan pelbagai perubahan seperti mengkaji semula polisi penyewaan rumah awam. Buat masa ini

terdapat 9 blok rumah pangsa Padang Tembak yang terdiri daripada 3,677 unit di mana keluasan setiap unit adalah di bawah 500 kaki persegi. Antara langkah yang boleh diambil adalah melalui penubuhan satu dana untuk membeli balik unit-unit rumah pangsa Padang Tembak yang terbiar dan tidak lagi dihuni dengan harga pasaran dan juga daripada mereka yang tidak lagi tergolong dalam kemiskinan dan telah pun berpindah ke tempat lain atau mereka yang ingin menjualkan unitnya. Unit-unit rumah pangsa yang di beli balik ini kemudiannya boleh diperbaiki dan diubah suai dan lalu disewa kepada mereka yang miskin yang terdiri daripada sepasang suami isteri tanpa anak, orang yang tidak berkahwin, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan lain-lain individu yang duduk keseorangan, *those who live alone...*(dengan izin).

Dalam keadaan ini, rumah awam di Padang Tembak boleh dimaksimakan untuk mereka yang betul-betul memerlukannya tanpa disekat oleh syarat-syarat konvensional yang lazimnya memberi keutamaan kepada mereka yang berumah tangga dengan anak-anak. Kaedah pembelian balik oleh Kerajaan Pulau Pinang ini bukan sahaja dapat mengurangkan unit-unit rumah pangsa yang terbiar malahan penyewaan kepada individu yang miskin boleh membantu menurun atau mengagihkan kepadatan di kawasan itu. Pada akhirnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat menambahkan jumlah rumah awam untuk disewa kepada mereka yang berpendapatan rendah dan tidak perlu selalu mencari tanah yang baru untuk membina rumah kos rendah dan dalam masa yang sama dapat menjimatkan kos.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan. Saya agak bersetuju dengan cadangan Y.B. Kebun Bunga mengenai isu ini dan saya hendak *highlight* di sini bahawa di Daerah Barat Daya tidak mempunyai sebarang rumah kos rendah atau rumah awam yang boleh disewakan kepada mereka yang betul-betul memerlukannya. Memang ada segelintir, mungkin 0.1% rakyat di kawasan Barat Daya yang tidak mampu membeli rumah. Ini adalah hakikatnya, maka rumah-rumah untuk disewa pada kos yang rendah diperlukan di Daerah Barat Daya dan saya minta EXCO Perumahan memberi perhatian kepada isu ini dan kalau boleh wujudkan beberapa unit yang boleh disewakan. Ada banyak kawasan kampung di Daerah Barat Daya yang selalunya mengalami kebakaran dan mereka perlukan *transit house* untuk beberapa bulan, bagi menyelesaikan masalah kebakaran dan membina semula rumah mereka. Kedua adalah masalah kemiskinan yang 0.1% yang betul-betul memerlukan rumah untuk disewa. Ini adalah isu yang penting dan berharap supaya EXCO Perumahan boleh membantu terutamanya di kawasan Bayan Baru, terdapat keperluan di sana. Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Terima kasih banyak Y.B. Pantai Jerejak. Saya rasa isu ini boleh ditangani oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang dalam masa yang terdekat. Saya ingin teruskan. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya juga ingin mengalu-alukan cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menaikkan had nilai pembelian hartanah untuk warga asing dari RM500,000 ke RM1 juta manakala had pembelian nilai *landed properties*,...(dengan izin), di sebelah Pulau pula dinaikkan ke RM2 juta. Dalam pada itu, kajian semula hendaklah dilaksanakan mengikut keperluan dan keadaan dari semasa ke semasa.

Spekulasi hartanah merupakan satu *trend* di kebanyakan negara yang membangun, di mana pembatasan yang dicadangkan oleh Kerajaan Pulau Pinang adalah munasabah dan bertujuan untuk melindungi rakyat tempatan dan dapat mengawal harga rumah di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, mengikut data yang sedia ada, tidak lebih daripada 3% warga asing yang datang membeli hartanah di Pulau Pinang di mana kebanyakan warga asing adalah terdiri dari Korea Selatan, Jepun, Negeri Cina dan Singapura. Maka saya percayai perubahan pada dasar ini tidak memberi impak yang besar.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan mereka yang kurang berada. Baru-baru ini saya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan melancarkan satu program bantuan makanan di Padang Tembak untuk 100 keluarga yang miskin, di mana berita baik ini akan diumumkan oleh Ahli Mesyuarat yang berkaitan dalam masa yang terdekat. Selain itu, saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memperuntukan satu bajet untuk membina satu tempat letak kereta di sebelah Taman Linear, Padang Tembak demi mewujudkan satu tempat letak kereta yang lebih sistematik.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, sebagai penggulungan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan Ahli Dewan Undangan Negeri dan salam mesra tidak kira dari Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat kerana kita bersama-sama telah diberi amanah dan tanggungjawab yang sama untuk berkhidmat kepada rakyat dan Negeri Pulau Pinang. Di sini izinkan saya mengakhiri dengan Surah Al-Hujurat Bab 49 Ayat 13 yang berbunyi seperti berikut:-

“Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan dan beramah mesra antara satu dengan yang

lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa antara kamu, bukan kerana keturunan atau bangsanya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam pengetahuannya akan keadaan dan amalan-amalan kamu”.

Dengan ini Y.B. Dato' Timbalan Speaker, saya mohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Yang Berhormat, ada lagi yang belum untuk berbahas, yang belum lagi berbahas? Jika tidak ada, saya akan mulakan, sesi perbahasan telah tamat dan dengan ini saya membuka untuk sesi penggulungan. Silakan Y.B. Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Y.B. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangkan ucapan penggulungan berkaitan isu-isu Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti yang dibangkitkan semasa perbahasan Ucapan Terima Kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri.

Y.B. Dato' Speaker, dalam konteks pembangunan sukan negeri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah sentiasa memastikan kesinambungan serta kecemerlangan sukan Negeri Pulau Pinang, membangun selaras dengan hasrat untuk memantapkan kegemilangan sukan berprestasi tinggi dan sukan berbentuk penyertaan komuniti. Dalam merealisasikan hasrat untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai *Power House* dalam penjaan atlet-atlet bertaraf antarabangsa, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sentiasa memastikan pengukuhan serta pemantapan kesukanan negeri dilaksanakan melalui konteks berikut:-

- (i) Pengurusan sukan yang cekap, akauntabiliti dan telus sepanjang masa;
- (ii) Meningkatkan jurulatih-jurulatih bertaualiah di peringkat negeri;
- (iii) Membimbing serta meningkatkan ilmu pengetahuan jurulatih-jurulatih dari segi segi sains sukan;
- (iv) Mengukuhkan kedudukan kewangan Majlis dari tahun ke tahun;

- (v) Memastikan kemudahan sukan yang mencukupi serta penyediaan kemudahan bagi sebarang pertandingan peringkat antarabangsa; dan
- (vi) Menerapkan penggunaan sains sukan dan sokongan perubatan sepanjang masa dalam semua sesi latihan serta pertandingan sukan.

Dengan pengenalan kepada penganjuran Sukan Malaysia setiap tahun bermula dari tahun 2011 dan juga sebagai persediaan Kontinjen Negeri Pulau Pinang menghadapi Kejohanan Sukan Malaysia ke 15 Pahang 2012 pada 7hb. hingga 16hb. Julai 2012.... (gangguan).

Ahli Kawawan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Penjelasan, sedikit sahaja. Sebelum Yang Berhormat tertinggal, adakah Yang Berhormat akan menjawab isu tentang bola sepak secara khususnya.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Y.B. Seri Delima, biarkan saya habiskan perenggan ini.

Ahli Kawawan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Adakah Yang Berhormat akan menjawab tentang bola sepak.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Biarkan saya habiskan perenggan ini. Memberi tumpuan kepada pemantapan atlet-atlet negeri dalam pembangunan berbentuk fizikal dan mental bagi mencapai kecergasan fizikal secara optima melalui kaedah latihan saintifik serta sistematik. Atlet-atlet Negeri Pulau Pinang kerap didedahkan dengan elemen-elemen sains sukan berteraskan perkhidmatan suaian fizikal, fisiologi senam dan program-program psikologi sukan yang melibatkan program-program sampingan seperti relaksasi dan latihan motivasi mental yang dikendalikan secara bersama oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Pusat Cawangan Satelit Institut Sukan Negara Pulau Pinang.

Untuk jawapan kepada Y.B. Seri Delima, jika mengenai FAP biarkan Persatuan FAP menjalankan tugas mereka sebagai satu persatuan untuk mengukuh dan menaikkan taraf bola sepak di Negeri Pulau Pinang. Terima kasih. Untuk memantapkan atlet-atlet negeri....(gangguan). Biarkan saya habis dahulu.

Ahli Kawawan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya belum tanya soalan lagi. Kerana saya sebagai *back bencher* memerlukan beberapa penjelasan Yang Berhormat. Hari ini saya melihat perkara ini, saya sebagai *backbenchers* memikul tanggungjawab rakyat penduduk Negeri Pulau Pinang untuk bertanya beberapa perkara di dalam Dewan yang mulia ini sebab itu saya menunjukan soalan ini untuk melaksanakan tanggungjawab saya sebagai seorang *backbenchers*. Kita lihat pada hari ini satu rencana yang terpapar dalam surat khabar The Star dengan tajuk *FAP bungalow in a sorry state* di mana bangunan itu terdapat anai-anai dan juga bila hujan air menitik dalam bangunan kerana banyak kebocoran dan sebagainya.

Saya cuma hendak tanya adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab atas bangunan ini. Itu soalan pertama saya. Sebelum saya menyusuli dengan soalan lain kerana masalahnya di luar sana orang Pulau Pinang berfikir, khususnya peminat bola berfikir kita tidak mengambil tanggungjawab tentang perkara ini. Ini adalah rencana yang dipaparkan dalam surat khabar The Star, yang cuba memberi gambaran seolah-olah Kerajaan Pulau Pinang telah melepaskan tanggungjawab ke atas bangunan tersebut. Bayangkan bukan sahaja prestasi pasukan kita bola sepak di padang permainan bola tetapi bangunan sendiri pun dalam keadaan teruk.

Saya hendakkan satu penjelasan Yang Berhormat siapakah yang hendak dipertanggungjawabkan dan saya sedar dulu FAP President adalah seorang pembelot iaitu si katak, Zahrain, saya pun dah lupa, tak mahu sebut nama dia tetapi saya tahu dia yang menjadi dalang. Saya minta Yang Berhormat tolong perelaskan supaya dapat dilaporkan bahawa Kerajaan Pulau Pinang bukanlah Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas perkara ini. Banyak duit yang dia dah makan Yang Berhormat, si pembelot ini dah banyak duit dia makan, sampai bangunan sudah hampir-hampir runtuh, dia MP dari Bayan Baru. Jadi tolonglah Yang Berhormat perelaskan perkara ini bahawa ini bukanlah disebabkan oleh tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi oleh si pembelot. Saya minta supaya perkara ini diperelaskan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Y.B. Seri Delima, tempat untuk FAP iaitu Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang yang tadi Y.B. Seri Delima cakap telah diberi kepada mereka semenjak Kerajaan yang dulu dan tidak mengenakan apa-apa sewa sebab Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang mesti menjaga bangunan itu, *office* atau rumah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Sepanjang tahun 2008 sehingga 2011, Kerajaan Negeri melalui PBA telah menyalurkan banyak wang tunai untuk menolong Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang untuk memberi mereka bantuan demi meningkatkan prestasi mereka. Inilah Kerajaan Negeri Pulau

Pinang yang boleh menolong persatuan bola sepak di Pulau Pinang. Tetapi dari awal-awal lagi saya beritahu sesebuah persatuan mesti bekerjasama dengan ahli-ahli persatuannya untuk meningkatkan taraf prestasi mereka dan bukan selalu meminta pertolongan dari Kerajaan Negeri. Di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang kita ada 44 persatuan sukan yang mesti kita menjaga, bukan hanya satu. Saya harap pada tahun ini dengan ahli-ahli Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang yang baru saya harap mereka akan menjalankan tugas mereka sebagai ahli-ahli persatuan bola sepak yang baru di Pulau Pinang, saya harap mereka akan menaikkan taraf dan menjaga maruah Negeri Pulau Pinang di bawah sukan bola sepak ini.

Ahli Kawawan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih, terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Y.B. Seri Delima, biar saya habiskan penggulungan ini sebab dari tahun 2008 soalan mengenai FAP selalu disebut dan saya harap sukan jangan dipolitikkan.

Ahli Kawawan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sikit, sedikit, tidak, tidak Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Saya harap orang dahulu yang buat salah rakyat di Pulau Pinang ada mata untuk melihatnya. Saya harap melalui penggal yang baru ini 2012 dan ingin bekerjasama dengan semua pasukan sukan di Pulau Pinang untuk memberi sokongan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menaikkan taraf dan prestasi mereka di semua sukan. Saya harap semua persatuan sukan dan juga semua Yang Berhormat untuk bekerjasama....(gangguan).

Ahli Kawawan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Jikalau boleh kita boleh bekerjasama, Yang Berhormat semua sudah tahu, peruntukan saya tidak begitu banyak untuk menolong 44 buah persatuan sukan di Pulau Pinang. Kalau boleh jika berminat datang dan memberi bantuan untuk menolong semua persatuan demi menjayakan prestasi mereka....(gangguan).

Ahli Kawawan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Cuma saya hendak cadang, sedikit sahaja.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin meneruskan....(gangguan).

Ahli Kawawan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sedikit sahaja Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima sila duduk.

Ahli Kawawan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Boleh atau tidak Kerajaan Negeri atau Yang Berhormat sendiri mengadakan satu sidang akhbar, itu masalahnya, tolonglah faham apa masalah yang kita hadapi....(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Y.B. Dato' Speaker....(gangguan).

Ahli Kawawan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Boleh Yang Berhormat adakan sidang akhbar dan jelaskan bahawa ini bukanlah disebabkan oleh Kerajaan Negeri, saya faham.....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima sila duduk.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Y.B. Seri Delima pun tahu bukannya dicontrol oleh kita....(gangguan).

Ahli Kawawan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tapi sekurang-kurangnya adakan sidang akhbar beri penjelasan sebagai EXCO yang terlibat. Ini bukannya disebabkan oleh Kerajaan Negeri Yang Berhormat, ini yang penting....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Mesej itu dah dapat. Y.B. Berapit sila teruskan.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Okey saya akan teruskan dengan penggulungan saya. Untuk memantapkan atlet-atlet Negeri, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pusat Cawangan Satelit Institut Sukan Negara Pulau Pinang dan Unit Sukan Prestasi Tinggi Pulau Pinang, Majlis Sukan Negara Malaysia dan persatuan-persatuan sukan negeri telah bekerjasama erat melaksanakan beberapa pendekatan komprehensif secara menyeluruh yang merangkumi persediaan bagi 24 jenis sukan yang akan dipertandingkan di Sukan Malaysia Ke-XV Pahang 2012. Antaranya adalah memastikan atlet menjalani latihan sekurang-kurangnya 5 hari setiap minggu dengan jangka waktu latihan selama 3 hingga 5 jam sehari. Melaksanakan kem mingguan atlet di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang untuk penyediaan latihan simulasi dan motivasi mental kepada atlet-atlet yang mengambil bahagian. Melaksanakan program latihan kekuatan suaian fizikal, aktiviti-aktiviti psikologi dan ujian kecergasan fizikal bersama dengan atlet-atlet sukan negeri secara harian berpandukan konsep Sains Sukan untuk memastikan prestasi atlet sentiasa berada di tahap yang tinggi. Meneruskan jalinan kerjasama bersama persatuan-persatuan sukan negeri untuk mengenal pasti bantuan serta penyediaan atlet-atlet negeri untuk di ketengahkan ke pertandingan di dalam dan luar Negeri Pulau Pinang. Memperuntukan bantuan pentadbiran kewangan kepada persatuan-persatuan sukan negeri untuk pelaksanaan program pembangunan sukan di setiap lapisan atlet bermula dari peringkat pelapis sehinggalah ke peringkat atlet elit dengan jumlah RM1,000.00 ke RM5,000.00 bergantung pada bilangan atlet yang mengambil bahagian dan jenis kejohanan yang disertai. Melalui inisiatif-inisiatif tersebut, Kontinjen Negeri Pulau Pinang diyakini akan meraih kedudukan yang lebih baik di Sukan Malaysia yang akan datang.

Y.B. Dato' Speaker, berkonsepkan membentuk Gaya Hidup Sihat dan Aktif ke arah Komuniti Berharmoni atau *Healthy Active Lifestyle towards Harmonious Community*, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan bersama dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Persatuan-persatuan Sukan Negeri akan terus melaksanakan program-program sukan berbentuk komuniti untuk penyertaan masyarakat di Negeri Pulau Pinang dan juga menempatkan program-program sukan negeri ke pengetahuan umum di seluruh dunia melalui pengenalan Penang Calender of Events, ...(dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker. Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah berjaya menganjurkan lebih daripada 100 program berbentuk penyertaan komuniti iaitu pada 2008 ada (11) program, 2009 ada (23), 2010 (37), 2011 (30) dan 2012 sudah ada (20) program, jumlahnya (121). Daripada jumlah tersebut sebanyak 7 program bertaraf antarabangsa dengan penyertaan lebih daripada 3 hingga 80 buah negara telah pun bertapak di Negeri Pulau Pinang iaitu pada tahun 2009 25th World Chinese Basketball Invitational Tournament, International Weightlifting Federation Intercontinental Club Grand Prix 2010 dan Commonwealth Junior Championships dan pada 2009 juga 3th Nation Charity Ride yang sudah dijalankan di Pulau Pinang. Pada tahun 2010 International Weightlifting Federation Continental Clubs Grand Prix 2010. Pada 2011 World Junior Weightlifting Championships, 16th Asian Individual Squash Championship pada tahun 2011 dan Franck Muller Super Cars Convoy juga telah dilaksanakan pada 2011.

Daripada pengenalan kepada kalendar Penang Calender of Events ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah berjaya memenangi anugerah *Award of Best Print Advertisement* untuk *Penang Calender of Events 2010* dan *Penang Calender of Events 2011*, dua tahun berturut-turut semasa *Forum Tourism Promotion Organization For Asia Pasific Cities* di Kota Kinabalu, Sabah pada tahun 2009 dan juga di Vladivostok, Russia pada tahun 2010. Melalui kejayaan ini Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Tempatan MPPP seterusnya akan menjadi hos kepada Forum Asia Pacific TPO pada bulan September 2012 nanti.

Y.B. Dato' speaker di bawah pemantapan belia dan beliawanis Negeri Pulau Pinang Kerajaan Negeri telah pun mengambil pendekatan yang proaktif dengan menubuhkan Penang Youth Development Corporation Sdn. Bhd., iaitu PYDC pada Mac tahun ini sebagai menyeimbangkan pembangunan belia dan sukan yang telah dirancang dengan belia-belia di Negeri Pulau Pinang. Penang Youth Development Corporation Sdn. Bhd., ini akan berperanan sebagai *think tank* ...(dengan izin), kepada Kerajaan Negeri untuk mengkaji dasar dan polisi yang dapat dijadikan panduan kepada Kerajaan Negeri dalam merancang program-program yang lebih bermakna dan memberi faedah yang berguna kepada belia-belia Negeri Pulau Pinang. Dengan cara ini, Kerajaan Negeri dapat menjalankan aktiviti serta program pembangunan belia yang lebih tersusun dan mencapai hasil yang maksimum.

Selain itu Kerajaan Negeri terus menyalurkan peruntukan untuk pembangunan belia-belia Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP) dengan fokus-fokus utama seperti bidang pendidikan, kerjaya, keusahawanan, kebudayaan dan kesukanan yang dilihat mampu untuk memberi impak yang positif dan membina kepada belia-belia Negeri

Pulau Pinang. Peruntukan tahun 2012 sebanyak RM300,000.00 oleh Kerajaan Negeri ini diharap dapat digunakan sebaik mungkin oleh pertubuhan-pertubuhan belia Negeri Pulau Pinang bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah diaturkan dan dirancang. Aktiviti-aktiviti ini bukan hanya memberi faedah dari segi sosial, kesihatan dan hobi sahaja malah ia juga dilihat sebagai medium kepada belia-belia untuk membina pengalaman dan mendapat manfaat dari segi ilmu pengetahuan.

Medium mendapatkan maklumat seperti peluang pekerjaan, peluang pendidikan melalui karnival-karnival untuk belia seharusnya digunakan sebaik mungkin oleh belia-belia Negeri Pulau Pinang. Malah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa peka terhadap keperluan dan minat belia di Negeri Pulau Pinang. Melalui kajian yang bertajuk Kajian Penglibatan Keperluan Program-program Belia di Negeri Pulau Pinang yang julung kali dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dengan kerjasama USAINs Holdings Sdn. Bhd. Kerajaan Negeri telah berjaya mengenal pasti beberapa program yang memenuhi keinginan para belia.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Penang Woman's Development Corporation Sdn. Bhd. (PWDC) pada bulan Disember 2011 dan mula bergerak di bulan Januari 2012. Sebagai jentera kepada Kerajaan Negeri dalam memantapkan pembangunan wanita Negeri Pulau Pinang. PWDC ini ditubuhkan bagi meningkatkan kedudukan dan status wanita khususnya di Negeri Pulau Pinang. Penubuhannya adalah untuk mengurus perdanakan *gender* ke dalam dasar dan program-program sektor awam dan swasta serta berusaha untuk pencapaian pelaksanaan ke arah keadilan sosial dan kesaksamaan *gender* di Negeri Pulau Pinang.

Penang Women Development Corporation Sdn. Bhd., (PWDC) adalah berteraskan kepada tiga (3) program utama iaitu program *advocacy* dan program pengubahan dasar gender. Program memperkasakan wanita dan program pembinaan komposisi dan jaringan. PWDC telah mengambil langkah pertama dengan menjalankan projek pertama iaitu Projek Belanjawan *Responsif Gender* iaitu GRB yang bertujuan untuk mengenal pasti bahawa kelompok masyarakat yang berlainan mempunyai keperluan yang berbeza.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Ahli Kawasan Pulau Tikus, menyebut mengenai hal-hal warga emas, saya akan bekerjasama dengan Y.B. Ahli Kawasan Sungai Puyu, iaitu EXCO Kebajikan dan Masyarakat Penyayang untuk mengenal pasti soal-soal warga emas dan Kerajaan Negeri juga menubuhkan Pusat Jagaan Kanak-kanak dan Pusat Perkhidmatan Wanita untuk menolong dan memperkasakan wanita dari Negeri Pulau Pinang.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang pertama di Malaysia sebagai Rakan Penyusuan Ibu atau *to make Penang Breast Feeding Family State* bersama kedua-dua Kerajaan Tempatan untuk melaksanakannya. Pembangunan wanita juga tidak hanya terhenti setakat itu sahaja, malah Kerajaan Negeri juga turut menjalankan program-program yang berbentuk keusahawanan untuk membantu golongan wanita, Kerajaan Negeri juga turut bekerjasama rapat dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO-NGO) yang terdapat di Negeri Pulau Pinang, dalam menjalankan program-program yang dapat membantu golongan wanita untuk meningkat taraf hidup mereka. Antara program yang telah dijalankan adalah Bengkel Keusahawan, Seminar Peningkatan Imej Wanita Dalam Bidang Kerja dan Kebudayaan Kreatif.

Akhir kata saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak, jabatan termasuk agensi-agensi Kerajaan dan juga semua NGO-NGO yang tanpa penat telah membantu Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Program Belia dan Sukan, Pembangunan Keluarga dan Komuniti kepada rakyat Negeri Pulau Pinang sepanjang empat (4) tahun ini, kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Yang Berhormat saya ingin menyatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang selalu prihatin rakyat, kita tidak pernah mengenyepikan sesiapaupun, di mana-mana aliran dan kita ingin memberi jaminan kepada Y.B. Ahli Kawasan Seri Delima, mana-mana sukan pun kita ingin membantu, tetapi Persatuan Sukan mesti bekerja keras untuk menempatkan taraf sukan mereka. Di sini saya ingin mengucapkan lagi sekali terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker kerana memberi izin kepada saya memberi penggulungan. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya, penggulungan oleh Y.B. Ahli Kawasan Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato' Speaker, saya bangun untuk membuat ucapan penggulungan terhadap tiga (3) portfolio sahaja. Saya dipertanggungjawabkan Perumahan, Perancangan Bandar dan Desa, dan juga Kesenian.

Y.B. Dato' Speaker, saya akan bermula dengan portfolio kesenian, peraturan pengunjungan di muzium(gangguan), Pulau Pinang meningkat dengan jumlah pengunjung seramai 77,505 orang pada tahun 2011 berbanding pada tahun 2010 iaitu 68,227 orang. Bagi menjadikan Muzium Negeri Pulau Pinang sebagai satu destinasi wajib pelancong, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.02 juta pada tahun 2012.

Y.B. Dato' Speaker, Penang State Symphony Orchestra & Chorus (PESSOC) telah menjalani usaha *rebranding*, nama baru dan juga imej baru iaitu dinamakan sebagai Penang Philharmonic dan pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh Penang Philharmonic, antara lainnya *Festival Konsert*, *Gems Concert* dan juga bersama dengan *school band*, sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang mengadakan pertunjukan di Taman Botani dan baru-baru ini Penang Philharmonic telah dijemput untuk *perform* di Shanghai Concert, People Square Shanghai yang akan dijalankan pada hujung bulan ini menunjukkan bahawa betapa aktifnya(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sorry Y.B. Ahli Kawasan Air Itam, tentang muzium, satu (1), dua (2) soalan sahaja. Y.B. Ahli Kawasan Air Itam saya nak nak tanya era ataupun pameran-pameran di Muzium Negeri ini adalah sesuatu yang telah didirikan sewaktu Kerajaan Barisan Nasional dahulu sejak lebih kurang 30 - 40 tahun dahulu, adakah apa-apa cadangan untuk kita meletakkan tempat-tempat tertentu di balai pameran untuk menunjukkan perkara-perkara yang telah telah dicapai oleh Kerajaan Pakatan Rakyat.

Sehingga hari ini adakah apa-apa pameran yang dibuat khususnya dari 2008 berkenaan dengan pencapaian-pencapaian Kerajaan kita, umpamanya, yang saya boleh fikir, penerima bantuan warga emas yang pertama umpamanya ataupun pemberian bantuan warga emas yang pertama ataupun apa-apa pencapaian yang dipelopori oleh Kerajaan Pakatan Rakyat untuk menunjukkan apa yang kita telah lakukan, kerana saya fikir apa-apa yang dipamerkan di Muzium Balai Pameran adalah sesuatu yang mungkin dipamerkan sejak Barisan Nasional dahulu, adakah apa-apa cadangan untuk kita membuat perkara yang terbaru, mempamerkan sesuatu yang baru, pencapaian Pakatan Rakyat ketika ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Y.B. Ahli Kawasan Seri Delima dan mungkin kita boleh mengkaji cadangan tersebut, kerana pameran sekarang lebih fokus kepada untuk memberikan maklumat dan juga pengetahuan tentang sejarah kepada rakyat Negeri Pulau Pinang dan juga pelancong dan mungkin cadangan tersebut kita boleh kaji dengan lebih mendalam lagi.

Di samping itu, George Town Festival,...(dengan izin), Y.B. Dato Speaker, George Town Festival 2012 telah dijadual berlangsung dari 15hb. Jun 2012 sehingga 15hb. Julai 2012 dengan pelbagai aktiviti pertunjukkan kesenian dan juga warisan daripada pelbagai kaum dan juga pertunjukkan muzik dan sebagainya dan kita akan menyambut 7hb. Julai sebagai Hari Warisan iaitu tarikh apabila George Town dinaiktarafkan sebagai tapak

Warisan UNESCO. Ini menunjukkan bahawa aktiviti kesenian adalah rancak di Negeri Pulau Pinang dengan pelbagai aktiviti. Y.B. Dato' Speaker, dari segi Perancangan Bandar dan Desa, pelbagai pelan telah dikemukakan dan juga dipamerkan untuk makluman orang ramai dan juga maklum balas orang ramai telah diterima.

Antara lainnya ialah George Town World Heritage, rancangan kawasan khas dan pelan pemeliharaan bagi pelan tapak warisan dunia George Town. Pelan tersebut telah diadakan publisiti pada 11hb. April 2011 sehingga 9hb. Mei 2011 dan telah diberikan pelanjutan sehingga 18hb. Mei 2012, di sepanjang tempoh publisiti dan bantahan diadakan, pihak jabatan telah menerima 60 borang maklum balas. Draf rancangan kawasan khas bagi George Town tersebut masih dalam peringkat penyediaan laporan siasatan tempatan dan pendengaran awam dan dijangka perlu diwartakan pada Januari 2013 dan seterusnya akan diangkat ke World Heritage di Paris.

Berkenaan dengan kawasan khas Taman Botani, Y.B. Dato' Speaker, kita akan menetapkan hala tuju perancangan dan pembangunan yang seimbang mengikut fungsi Taman Botani. Ini telah diadakan tarikh publisiti pada 18hb. Januari 2012 sehingga 15hb. Februari 2012 dan dilanjutkan sehingga 14hb. Mac 2012, sepanjang tempoh publisiti dan bantahan awam, jabatan telah menerima sebanyak 110 borang maklum balas dan Rancangan Kawasan Khas Taman Botani ini dalam proses penyediaan laporan untuk siasatan tempatan dan Pendengaran Awam, ia dijangka kerja-kerja dapat dijalankan dan disiapkan pada hujung tahun ini.

Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara dan Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah telah dipamerkan kepada orang awam pada 4 minggu bermula 15hb. Mac 2012 sehingga 12hb. April 2012 dan dilanjutkan sehingga 18hb. Mei 2012 berdasarkan permintaan orang ramai dan memandangkan begitu juga dengan borang maklum balas sehingga Mei, sebanyak 104 borang diterima untuk SPT dan 49 untuk SPU dan kita harap kerja-kerja tersebut dapat disempurnakan. Dengan itu kita mempunyai satu perancangan tentang kawasan *heritage area*, kita ada perancangan untuk sebuah tapak Taman Botani yang tertua di Malaysia dan Taman Botani yang paling besar di Malaysia, kita ada perancangan tempatan untuk Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah dan kerja-kerja untuk Seberang Perai Selatan sedang dijalankan dan apabila draf tersebut siap nanti kita akan membuat publisiti awam.

Y.B. Dato' Speaker, bagi isu portfolio perumahan dan bagi memastikan golongan yang kurang berada mampu memiliki sebuah rumah berkualiti, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM500 juta hasil daripada penjualan surat tender terbuka di Bayan Mutiara. Tabung Rumah Mampu Milik RM500 juta ini akan membolehkan rumah mampu milik dibina di bahagian Pulau dan

juga di Seberang Perai. Kita telah mengumumkan projek yang dilaksanakan di kawasan seluas 200 ekar di Batu Kawan melibatkan pembinaan 11,800 unit apartment mampu milik. Projek ini juga akan mencapai hasrat Kerajaan Negeri membekalkan rumah mampu milik dengan persekitaran yang baik dengan pelbagai fasiliti, taman rekreasi, padang bola sepak dan sebagainya, ini bagi memastikan kita dapat rakyat Pulau Pinang boleh hidup dengan keadaan yang selesa. Di samping tu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Minta laluan, terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Projek perumahan rumah mampu milik di kawasan seluas 200 ekar di Batu Kawan ini memang menarik dengan adanya pembinaan 12,000 unit dan juga 6,000 unit di seluruh Negeri Pulau Pinang akan dibina. Ia memang menunjukkan satu polisi satu keluarga sedang dijalankan untuk meningkatkan miskin ke tahap golongan pertengahan, tapi pada masa yang sama Kerajaan Negeri juga berhasrat menjadikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau, maka untuk mencapai visi Negeri Hijau, saya fikir kita harus mempromosi perumahan yang berkonsep GBI sebagai satu CDM.

Justeru itu Yang Berhormat, adakah baik projek tersebut dirancang dengan konsep GBI oleh konsultan HBD iaitu satu sistem baru IBS iaitu Industrial Building System, satu teknologi baru yang tidak lama digunakan di merata-rata bandar raya misalnya Shanghai, Singapore, Kuala Lumpur dan juga Shusho digalakkan untuk membina projek tersebut, kononnya teknologi IBS ini dapat lebih cepat membina rumah dengan 30% daripada masa yang diperuntukan dengan cara pembangunan tradisional. Ia juga dapat menjimatkan 25% kos daripada pembangunan tradisional, semua ini adalah kerana teknologi IBS menggunakan bahan-bahan binaan yang baru misalnya HFW iaitu *High Frequency Welded* dan lain-lain, dan semua bumbung rumah mampu milik tersebut juga boleh dijadikan sumber *solar energy* untuk kegunaan sendiri, jadi adakah Y.B. Ahli Kawasan Air Itam menyokong Pojek Perumahan Kerajaan Negeri ini berstatus GPI kerana pada masa ini hanya ada satu projek sahaja di bawah GPI, saya difahamkan diluluskan di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya, terima kasih Y.B. Ahli Kawasan Tanjung Bungah, tentang projek yang dirancang di Batu Kawan ini kita telah konsep pembangunan adalah berkonsepkan *community green spine*, secara penyatuan dan pembangunan sekitar sedia ada serta menitik beratkan bandar hijau dan mampan, dengan cara demikian satu perancangan yang lebih teratur, sistematik dan mesra alam boleh diwujudkan. Selain itu konsep mesra alam ini kita juga akan mengujudkan pembangunan kawasan hijau di mana menumpukan kepada

konsep berbasikal, pejalan kaki serta meningkat menaik taraf landskap di tapak cadangan dengan pembinaan kawasan tasik buatan di bahagian tengah tapak cadangan. Kawasan tasik ini akan menjadi kawasan tasik rekreasi awam dengan penurapan unsur-unsur landskap yang menarik, sistem jalan raya dalaman yang menghubungkan kawasan tapak cadangan dengan kawasan sekitar dapat menunjukkan satu rangkaian perhubungan yang lebih menyeluruh bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian. Oleh itu, konsep kehijauan memang dalam perancangan kawasan pembinaan di Batu Kawan dengan standard GBI sedemikian ini mungkin kita akan lihat bagaimana kita boleh menjalankan program ini kerana ini dengan GBI, kos pembinaan akan lebih meningkat daripada konsep yang biasa.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Penjelasan, mungkin Yang Berhormat juga boleh menjelaskan perkara ini saya bangkitkan sekarang dan juga dibangkitkan oleh Y.B. Ketua Pembangkang, apakah tujuan konsep perumahan ini dibina di Batu Kawan khususnya kerana ia akan memberi satu persepsi negatif bahawa kita cuba mengasingkan orang-orang yang tidak berkemampuan ke kawasan di Batu Kawan dan kedua saya juga berfikir bahawa ia juga akan meningkatkan masalah pengangkutan lalu lintas jika ada yang bekerja di Pulau Pinang nanti terpaksa berulang alik dari Batu Kawan. Jadi soalan yang pertama saya boleh Yang Berhormat perelaskan mengapakan Batu Kawan dipilih sebagai kawasannya dan adakah apa-apa rancangan untuk memilih kawasan-kawasan lain di Pulau, umpamanya di Barat Daya, di mana terdapat banyak lagi kawasan luas di mana konsep perumahan mampu milik ini boleh juga dibina pada masa akan datang. Dua perkara saya minta penjelasan, terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih.. Y.B. Ahli Kawasan Seri Delima membangkitkan isu yang menarik ini, pembinaan rumah mampu milik di Batu Kawan ini bukan sahaja rumah mampu milik, ia harus dilihat dengan satu konsep-konsep yang lebih menyeluruh bahawa ia adalah pembinaan sebuah bandar raya, sebuah bandar di kawasan Batu Kawan. Kita masih ingat pada tahun 70-an apabila Bayan Baru dibina, apabila rumah-rumah mula dibina di Bayan Baru, waktu itu sana adalah sawah padi, kita semua tahu, 70-an, sawah padi, apabila kilang-kilang mula masuk, rumah-rumah dibina satu bandar dibina, itulah konsep pembinaan di Batu Kawan dan mungkin waktu dulu rakyat Pulau Pinang mungkin fikir kawasan-kawasan seperti dulu Bandar Baru Air Itam juga.

Orang-orang di *town area* kata jauh, ataupun tempat-tempat di Paya Terubong waktu 70-an orang kata bukan satu tempat pilihan orang ramai, tapi apabila peredaran zaman dengan satu bandar yang mempunyai rumah

mampu milik dengan fasiliti-fasiliti, dengan sekolah, hospital dengan tapak cadangan lingkungan 50 kilometer, tapak cadangan ini ada perancangan PDC Centre, *seafood restaurant* dan galeri, ada Stadium Batu Kawan, Tambun Seafood Village dalam lingkungan 5 kilometer, ada jeti ke Pulau Aman dan ini lingkungan 5 kilometer sahaja dan harus ingat jambatan kedua Pulau Pinang akan siap pada tahun 2013.

Ini akan menjadikan satu pemangkin kepada kemajuan bukan sahaja di Batu Kawan, di Batu Maung juga, kita lihat ada jambatan kedua yang akan siap nanti akan menjadi satu pemangkin apabila pembeli-pembeli ataupun pemilik-pemilik rumah mampu milik di Batu Kawan nanti dalam masa mungkin 20 sampai 30 minit boleh sampai ke kilang, boleh sampai ke Queensbay Mall dan juga pelbagai fasiliti tidak jauh, tidak sejauh yang kita jangkakan, kerana orang di pulau di Daerah Timur Laut, orang di Seri Delima, orang di Air Itam jarang pergi Batu Kawan, tak tahu mana Batu Kawan, jarang pergi ke Batu Kawan, tetapi dengan jambatan kedua, ini menjadikan jarak kita sangat dekat.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Y.B. Ahli Kawasan Air Itam, saya ADUN Kawasan, so saya kena la cakap sikit tentang Batu Kawan, Ahli Parlimen Batu Kawan pun di sini, saya setuju bahawa skim perumahan yang telah pun kita rancangkan di kawasan Batu Kawan itu adalah tempat, lokasi yang begitu strategik, seperti mana yang telah pun dibuat penjelasan oleh Y.B. EXCO Perumahan, ia adalah satu tempat yang kita lihat bahawa bukan sahaja mulai sekarang, tempat-tempat pembangunan akan dibangun di situ, peluang-peluang pekerjaan akan di situ. Itu tidak boleh kita nafikan bahawa mulai hari ini kilang besar-besar, kilang-kilang yang berteknologi, semua akan menempatkan di situ, tidak lain tidak bukan tempat itu saja yang kita *planning*.

Kalau kata kita pun masukkan tempat *Science Park* yang tak sampai lima (5) minit pun daripada kawasan Batu Kawan, tak sampai lima (5) minit kita *can go to a* kawasan Penang Science Park dan peluang-peluang pekerjaan inilah kita lihat akan membawa masuk pekerja-pekerja dan keluarga-keluarga yang mampu kita lihat dan dengan itu kita lihat kita perlu buat persediaan secepat mungkin supaya kawasan ini disediakan dengan rumah-rumah mampu milik dan saya lihat dalam lingkungan 30 minit dari kawasan Batu Kawan ini kita boleh pergi ke mana-mana pun, tempat yang kita nak membeli belah ada, Queensbay Mall di sebelah pulau ataupun ke Seberang Jaya, 30 *minutes is a* dalam lingkungan dan di tempat itu sepertimana dimaklumkan oleh Yang Berhormat.

Kita ada fasiliti-fasiliti yang cukup baik yang mungkin banyak lagi tempat yang tidak ada stadium yang begitu besar di situ menantikan penduduk-penduduk yang akan masuk ke kawasan Batu Kawan dan tidak kurang juga dengan pembangunan yang telah dirancang oleh PDC, kita melihatkan institusi pengajian akan di situ, kita akan lihat juga satu perkampungan nelayan yang begitu enakunya *seafood* di situ, semua itu ada di situ, so saya bangun untuk mempromosikan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kalau begitu banyak tarikan di sana, mungkin dalam masa akan datang boleh pertimbangkan rumah mampu milik di Seri Delima jugalah kerana memang saya memang ingin menerima manafaat dalam erti kata yang lain memang juga akan bertambah pengundi di sana. Jadi cuma nak menjelaskan, saya bersetuju dengan penjelasan yang diberikan oleh Y.B. Ahli Kawasan Air Itam, tuduhan yang dibuat oleh Y.B. Ahli Kawasan Penaga adalah satu tuduhan yang liar, yang tidak boleh diberikan apa-apa justifikasi kerana beliau dalam erti kata yang lain kerana menuduh seolah-olah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengamalkan konsep mendiskriminasi orang-orang yang tidak boleh membeli rumah mampu milik, orang-orang yang tidak berkemampuan seolah-olah ditolak dan dipinggirkan ke Seberang, di mana beliau mengatakan bahawa rumah-rumah mampu milik ini cuma dibina di Batu Kawan sahaja, saya cuma nak memperjelaskan itu pertuduhan yang tidak berasas langsung. Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya, Y.B. Ahli Kawasan Seri Delima, tuduhan ini memang tidak berasas kerana sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita bukan sahaja memikirkan bilakah *election*, *politicus* hanya memikirkan bila *election* yang akan datang, politikus saya yang memikirkan bila *election*, kita berfikiran jauh, kita kena berfikir jangka masa panjang, 20 tahun, 30 tahun, bagaimana pembangunan Pulau Pinang, itulah tanggungjawab atas bahu kita dan tadi saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Ahli Kawasan Bukit Tambun kerana bantu mempromosikan ciri-ciri yang ada di Kawasan Batu Kawan.

Ia akan menawarkan kawasan perindustrian dengan pekerjaan, dengan *job opportunity* yang akan banyak dan saya rasa jangka masa 10 tahun, 20 tahun yang akan datang, akan satu bandar yang baru akan didirikan di sana dengan *quality of life*, dengan kualiti hidup yang tinggi. Inilah harapan kita apabila kita membuat perancangan kita perlu menyediakan rumah mampu milik untuk golongan-golongan pekerja-pekerja yang berkerja di sana dan juga menawarkan peluang kepada mereka yang ingin satu kualiti hidup yang baik, kerana satu kawasan yang baru akan memberi kualiti hidup yang baik dengan

rancangan, kita telah *engaged* dengan Subana International iaitu sebuah anak syarikat daripada HDB Singapore dan mempunyai pakar dari segi pembinaan perumahan awam, dengan melalui perancangan ini, dengan *local talent* kita, kita dapat membina satu bandar dan juga skim perumahan awam yang elok dan juga berkualiti tinggi di Batu Kawan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sedikit sahaja, saya setuju dengan pernyataan Yang Berhormat, jadi rancangan ini adalah satu usahasama diantara DHB Singapura dan *local talent*, bukan sahaja HDB kerana imej yang cuba dipaparkan oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah kita telah meminggirkan arkitek-arkitek dan pakar-pakar daripada Pulau Pinang, semua mengambil kepakaran HDB, jadi perkara itu adalah tidak benar. Jadi saya pohon penjelasan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya, perkara ini tidak benar, mereka tahu itu tidak benar, sebagai pembangkang mereka hanya nak cari isu sahaja dan sebenarnya kita melibatkan banyak *local talent* dari segi perancangan dan juga dari segi Subana dan HDB mereka memberikan satu *overall planning*, bagaimana untuk melihat tempat itu kerana mempunyai pengalaman dari segi perancangan bandar yang lebih komprehensif dan saya rasa juga yang *local professional* boleh juga bersama dengan Subana International untuk berinteraksi dan memberikan total input dan tuduhan mereka memang tidak benar, tiada pun arkitek ataupun Perancang Bandar yang mengatakan apa-apa, tiada arkitek *association*, tiada kata apa-apa, mereka menyokong, mereka menyokong dengan projek ini, kalau mereka tahu ini adalah projek yang menyediakan rumah mampu milik yang agresif dan juga menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah mampu milik di Pulau Pinang.

Di samping itu kita juga telah mengenal pasti tanah seluas 77 ekar, yang di antara lainnya di antara keempat-empat daerah, di SPU, Seksyen 4, Kampung Jawa, Bagan, 9.9. ekar, di Seksyen 3, Ampang Jajar, SPU 19 ekar, di Seksyen 2, Bandar Bukit Mertajam, SPT, 11.71 ekar, di Mukim 12, Juru, 20 ekar, di bahagian DTL di Lebuhraya, Seksyen 9, 3.21 ekar, di Seksyen 10, Jalan SP Jelaya, 70 ekar, di Daerah Barat Daya, Mukim 9, Telok Kumbar, 5.8 ekar, sejumlah 77 ekar tanah yang telah dikenal pasti untuk tujuan pembinaan rumah mampu milik di bahagian pulau dan juga di bahagian SPU dan SPT dan ini menunjukkan bagaimana agresif kita pada masa akan datang. Ini projek-projek ini dapat menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi. Berdasarkan statistik yang...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan, penjelasan. Y.B. Ahli Kawasan Air Itam, saya nak tanya rumah mampu milik yang dicadangkan 77 ekar itu, adakah dia rumah kos rendah atau dia rumah kos seperti di Batu Kawan?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Kita telah meminta anak syarikat PDC untuk membuat kajian yang lebih komprehensif dengan cadangan *layout*, dengan planning yang berdasarkan lokasi tertentu dan juga permintaan tempatan dan juga kerana ada isu-isu penempatan setinggan juga di sekitar kawasan tersebut yang yang kita perlu mengambil dalam perhatian, kita akan memastikan bahawa projek-projek ini mendapati kawasan-kawasan yang berlainan mempunyai keperluan yang berlainan dan kita perlu memastikan bahawa *local people*, kepentingan mereka diambil kira dan apabila kita mempunyai perancangan lebih komprehensif kita boleh membuat pengumuman tentang perkara tersebut, saya rasa saya cenderung kepada projek-projek ini untuk memenuhi golongan yang perlukan rumah bukan yang berbentuk sederhana mewah. Saya kira lebih cenderung kepada kos rendah dan sederhana rendah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Penjelasan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Silakan.

Y.B. Timbalan ketua Menteri II:

Terima kasih Y.B. Ahli Kawasan Air Itam, saya telah kemukakan isu ini perumahan untuk Ladang Caledonia di Nibong Tebal dan sepertimana yang kita faham, ini satu tapak tanah telah disediakan dahulu, sebelum Barisan Nasional. Jadi saya telah beritahu Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri juga, saya rasa sekarang *proposal* untuk membina rumah di kawasan Ladang Caledonia, Kawasan Jawi, ini suatu yang kita selalu bangkitkan dalam EXCO dan saya rasa kalau saya tidak silap, masalah *housing* ini telah diserahkan kepada Bahagian Perumahan. So bolehkah Air Itam jelaskan apa *stage* nya bila ini akan dan mungkin sesuatu yang baru sampai dan cuma bagi satu *indication* bila kita boleh umumkan kepada rakyatlah, saya ingat jawi pun tunggu-tunggu juga.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

77 ekar ini kita umumkan sebagai dalam fasa yang ini dan kita akan membuat kajian dan juga pengumuman Ladang Kalidonia untuk fasa yang akan datang dan saya rasa kita telah membuat kerja-kerja dan perlu kita akan apabila masa sesuai kita buat pengumuman.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Yang Berhormat, mengenai masalah jalan di Ladang Kalidonia, saya rasa masalah ini telah pun lama dibangkitkan terutama sekali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Alam Sekitar, saya rasa perkara ini tak boleh ditangguhkan lagi kerana masalah ini telah pun lama telah dibawa dalam mesyuarat. tetapi sedih sekali saya dengar penjelasan daripada Y.B. Air Itam mengatakan bahawa benda ini masih dalam kajian lagi. Saya rasa ini tak adil macam satu kerja yang tak selesai, jangka masa untuk mengatasi sesuatu masalah. Saya memang pandang serius dalam masalah ini sebab dia mempengaruhi bukan saja satu kampung dia masalah tapi masalah sesebuah kampung lagi iaitu Victoria juga terpengaruh sekiranya kita memperlambatkan projek tersebut.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih. Bancian telah dilakukan dan apabila masa sesuai kita akan dilakukan bancian dan perancangan telah dilakukan. Kita ambil maklum perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Jawi. Yang Berhormat ADUN Datok Keramat telah menyentuh hak milik siapa Rumah Pangsa Taman Free School dan Rumah Pangsa Jalan Makloom. Untuk makluman Datok Keramat, hak milik seranta Jalan Makloom telah diperolehi 12 Januari 2009, daripada 69 unit rumah sebanyak 48 unit telah diambil hak milik seranta oleh pemilik untuk tujuan pindah milik. Untuk rumah Taman Free School, urusan kerja pengukuran sedang dilakukan bagi membolehkan hak milik baru dikeluarkan dan kawasan yang telah menjadi sungai dikeluarkan daripada pengukuran. Selesai pengukuran hak milik tersebut, proses hak milik seranta akan dibuat pada akhir 2012.

Y.B. ADUN Sungai Pinang telah membangkitkan isu Taman Serina yang mempunyai masalah dan kita ambil prihatin terhadap aduan dan juga kerosakan tersebut kita telah melantik IKRAM untuk membantu menjalankan pemeriksaan di Taman Serina. IKRAM telah membuat lawatan tapak pada 20hb. Jun 2011 dan 6hb. Julai 2011 dan hasil pemeriksaan dan siasatan telah mendapati struktur utama bangunan tidak menunjukkan sebarang kecacatan yang serius dan membahayakan. Kawasan sekitar bangunan tidak menunjukkan sebarang tanda berlaku mendapan atau struktur tiang didapati tiada retakan dan rekahan cuma kecacatan dikenal pasti adalah dinding dan

lantai di sekitar bilik air di mana berpunca dari kebocoran air. Merujuk cadangan pembaikan, kita akan terus membuat pemantauan dan kita akan cari ikhtiar bagaimana menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Pinang. Penyediaan tempat letak kereta di Taman Serina diluluskan berdasarkan garis panduan tempat letak kereta, 1 kepada nisbah 4 untuk rumah kos rendah, dan 3 kepada 5 untuk sederhana rendah. Y.B. ADUN Jawi membangkitkan... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Penjelasan. Ahli Air Itam lagi ada satu perkara saya tak bangkit, bagi saya peluang untuk membangkitkan iaitu pengurusan bersama JMB di Taman Serina juga menghadapi masalah kerana mereka Ahli Jawatankuasa JMB, mereka kata kutipan setiap bulan, hanya boleh kutip RM14,300.75 tetapi memang ada banyak unit mereka tidak bayar kutipan dan juga ada banyak tunggakan dan ada banyak unit yang kosong yang belum pindah masuk macam mana...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Penjelasan. Saya telah mengarahkan Bahagian Perumahan untuk memberikan laporan kerana unit-unit tersebut juga milikan dan pampasan kepada Pejabat Pos Malaysia, so kita perlu membuat satu laporan tentang pengisian khasnya kes-kes berkenaan dengan Pejabat Pos Malaysia dan kita akan terus memantau keadaan ini dan memberi maklum balas susulan kepada Y.B. Sungai Pinang. Y.B. Sungai Bakap telah membangkitkan isu Kepala Gajah yang benar-benar...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Minta penjelasan. Masalah lif dalam ucapan pagi saya juga bangkit masalah lif. Muatan lif sebenarnya boleh bawa 13 orang, *that's mean* dia boleh bawa 13 orang, tetapi lif ini hanya selalu boleh menampung 7-8 orang lebih daripada itu lif itu akan turun. Pagi tadi dalam ucapan saya juga membangkit kemungkinan kabel lif tidak mencukupi. Adakah IKRAM membuat siasatan ini?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

IKRAM tidak membuat siasatan mengenai perkara ini kerana kita hanya meminta IKRAM untuk menilai kestabilan struktur bangunan sahaja. Walau bagaimanapun, mungkin kita boleh membuat kajian ataupun siasatan lebih lanjut dengan lif seperti isu yang dibangkitkan. Y.B. Sungai Bakap membangkitkan isu perumahan di Kepala Gajah. Kerajaan Negeri dengan kerjasama JKR telah menjalankan kerja-kerja tanah untuk pembinaan projek perumahan mampu milik di atas lot 680 Mukim 1 Seberang Perai Selatan

dengan keluasan 17,875 meter yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.29 juta . Projek ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penduduk yang berpendapatan rendah di SPS untuk memiliki rumah. Ini adalah ucapan daripada Sungai Bakap.

Y.B. Jawi membangkitkan isu sistem pembetulan di Taman Desa Jawi. Untuk makluman, kerja taraf sistem pembetulan telah dipanggil dan penilaian telah dilakukan bagi memilih kontraktor yang layak untuk ditawarkan. Walau bagaimanapun, didapati terdapat keperluan butir-butir teknikal tambahan yang terlibat dengan perkhidmatan menaik taraf sistem tersebut dan sedang meneliti semula secara terperinci sebelum tawaran dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya. Sebagai langkah susulan bagi mengatasi masalah ini, Bahagian Perumahan dengan kerjasama IWK dan SPAN (Suruhanjaya Pengurusan Air Negara) untuk mengambil tindakan bagi memastikan loji tersebut beroperasi dengan baik sehingga kerja-kerja naik taraf dijalankan. Y.B. ADUN Bukit Tengah membangkitkan isu-isu tentang pekerja.....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Mengenai DUN Jawi semalam kami ada pergi melawat ke satu rumah pangsa kos rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana terdapat pemendapan kaki lima dan lantai di bawah dan kita difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah mengupah IKRAM menjalankan ujian struktur bangunan tersebut sejumlah RM53,000. Saya menyeru supaya selepas IKRAM menjalankan siasatan satu cadangan boleh dibuat dan disusun dengan pembaikan kepada bangunan itu dengan secepat mungkin, kerana penduduk di kawasan sana iaitu rumah kos rendah dan Kampung Ipil telah banyak membangkitkan perkara ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

IKRAM telah dilantik dan juga JKR telah dilantik untuk membuat kajian kestabilan tentang flat tersebut dan kita masih belum menerima laporan daripada IKRAM lagi. Apabila kita menerima laporan IKRAM berdasarkan *recommendation* mereka, kerja-kerja akan dilakukan. Dan berkenaan dengan cadangan Y.B. Bukit Tengah tentang asrama pekerja asing dan memang kita mengakui bahawa ada di Pulau Pinang ini melalui satu statistik yang dikeluarkan pekerja asing yang sehingga akhir tahun 2010 seramai lebih kurang 120,000 pekerja asing di Pulau Pinang adalah mempunyai pas yang sah daripada Jabatan Imigresen. Selain daripada itu 70,000 adalah bekerja di sektor pembuatan iaitu *manufacturing industry*.

Kita telah mengadakan satu siri perbincangan dan satu perancangan sedang dilakukan untuk membina asrama pekerja di bahagian SPT yang boleh dijangkakan akan dapat memuatkan pekerja seramai 10,000 orang dan ini adalah satu perancangan jangka panjang dan PDC diminta untuk membuat kajian lebih menyeluruh tentang pembinaan asrama tersebut.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif untuk menjalankan pembaikan, tadi ADUN Pulau Tikus, Tanjong Bunga dan Pantai Jerjak membangkitkan isu rumah sewa dan kita telah memperbaiki rumah sewa Padang Tembak yang tahun ini kita membaiki 77 unit dan rumah-rumah yang biar kosong melebihi 10 tahun, apabila rumah-rumah Blok J rumah pangsa Jalan Tembak, apabila 10 tahun lalu rumah-rumah ini adalah kuarters tentera dan apabila *army* telah dikeluarkan dari rumah kawasan Padang Tembak, rumah pangsa jalan tembak Kerajaan Negeri tidak membuat apa-apa dalam masa 10 tahun dan di bawah pemerintahan kita mengambil inisiatif memperbaiki unit-unit kosong tersebut. Hari ini kita telah membuat penawaran semua unit rumah sewa di rumah pangsa Padang Tembak Blok J khasnya dan blok E untuk mereka yang memerlukan keperluan perumahan dan kita akan terus mencari ikhtiar untuk melihat bagaimana untuk melaksanakan program perumahan rakyat di kawasan-kawasan tadi saya bangkitkan isu Barat Daya. Kita telah membuat perancangan di Telok Kumbar barangkali kita boleh membuatkan idea-idea untuk rumah sewa ini di projek-projek yang kita bakal lancarkan di Telok Kombar nanti.

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta penjelasan. Masalahnya dia bukan di Teluk Kumbar, dia di Bayan Baru. Teluk Kumbar dengan Bayan Baru ia berdekatan tetapi dua kawasan yang berbeza. Jadi kita mahu penumpuan di mana kawasan Bayan Baru boleh adakan rumah mampu milik dan sebagainya. Kedua pula, saya ada satu dua soalan tambahan. Setakat ini berapa kategori rumah mampu milik sebab sekarang kita ada *low cost*, kita ada LMC, sekarang ada rumah mampu milik yang dicadangkan. Jadi kategor-kategori ini.....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Penjelasan. Bukan soalan tambahan lagi dah.

Ahli Kawasan Pantai Jerjak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Ya, penjelasan, kalau boleh Ahli Air Itam tolong kategorikan bagaimana semua ini supaya ADUN-ADUN boleh jawab kepada penduduk dan saya juga ingin menyanan kepada Kerajaan Negeri bahawa penempatan setinggan di Sungai Nibong di kawasan di depan BJ Kompleks itu kalau boleh kita menempatkan semula mereka berdekatan dengan tempat mereka, bukan

dipindahkan ke kawasan Bayan Lepas dan sebagainya. Kalau boleh kita syaratkan pemaju supaya menempatkan di tempat semula di mana kawasan tu supaya mereka boleh di tempat yang asal. Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Untuk rumah mampu milik ini sebenarnya kita mempunyai perancangan, ada kategori *low cost*, kategori LMC dan juga di Batu Kawan kita juga perlu menyediakan rumah-rumah yang pelbagai saiz. Di Batu Kawan, harga RM72,500 adalah untuk rumah yang seluas 800 kaki persegi, ia adalah lebih luas sikit daripada apa yang kita faham sebagai LMC. Dan kita ada 800, ada 900 ada 1000 dengan kategori harga yang berbeza iaitu RM72,500 hingga RM220,000 untuk kategori keluasan yang berbeza dan juga untuk memenuhi citarasa yang berbeza, ada untuk keluarga yang kecil, ada yang besar, ada yang inginkan, ada kerja operator, *technician* dan sebagainya dengan kemampuan yang berbeza. Apabila perancangan ini disiap, apabila kita membuat promosi kita memberikan makluman yang lebih lanjut.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Penjelasan boleh. Bolehkan Ahli Air Itam adakah rumah mampu milik ini masih kena mengisi borang daripada Bahagian Perumahan Negeri? *I mean* kena isi borang untuk minta daripada Kerajaan Negeri adakah rumah mampu milik.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Saya kata apabila kerja-kerja perancangan pemasaran siap nanti kita akan membuat satu publisiti yang besar-besar, buat *road show* kita pergi ke tempat-tempat yang orang ramai berkumpul untuk memaklumkan kepada orang ramai tentang segala prosedur permohonan, harga dan seumpamanya. Buat masa ini sedang membuat perancangan untuk pembinaan untuk *submission* dan sebagainya dan publisiti kita mungkin laksanakan hujung tahun ini ataupun awal tahun depan.

Semua perancangan dan saya harap Yang Berhormat boleh sabar dengan perancangan promosi yang kita akan rancang. Ini adalah juga menunjukkan bahawa sebagai kesimpulan bahawa kita Kerajaan Negeri mempunyai satu perancangan yang jangka panjang dan bukan bina satu blok sahaja. Tetapi satu perancangan yang lebih komprehensif, masa 10 hingga 20 tahun bagaimana pembangunan di Pulau Pinang iaitu apabila terdapat tekanan di kawasan Timur Laut, kita perlu membuka kawasan baru di kawasan Daerah Barat Daya, di SPT, SPU dan SPS dan harap dengan perancangan sedemikian kita dapat menyediakan *low cost* program ataupun atau *housing* program kepada rakyat Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan akan ditangguhkan. Kita akan bersidang semula esok hari Selasa 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.00 malam.